ditetapkan iaitu gagal membaik-pulih Panel Penggera Kebakaran Utama di aras bawah. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama”.

**DIPUTUSKAN:**

Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda RM 2500.00 bagi setiap kesalahan. Jumlah keseluruhan denda adalah RM2500.00.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Kanan Bomba II Jasni bin Yusof bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Premis *Natarjaya Management* mewakili diri sendiri.

## KES 8

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN WISMA MPL JMB

**MAHKAMAH MAJISTRET JENAYAH 8, KUALA LUMPUR**  
**NOMBOR SAMAN: 87-7534 – 01 / 2017**  
**MAJISTRET TUAN ZUHAIR BIN RUSLI**  
**05 APRIL 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### **FAKTA KES**

Pada 21 Mac 2016 lebih kurang jam 10.30 pagi, suatu pemeriksaan bagi tujuan Perakuan Bomba Pembaharuan telah dijalankan di premis Wisma MPL, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur oleh pegawai dari Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM Kuala Lumpur, pegawai pemeriksa adalah seperti berikut:

1. Penolong Penguasa Bomba Mohd. Fahmi Bin Husin
2. Pegawai Bomba Mohamad Syahrul Hafizi Bin Norisham

Hasil dari pemeriksaan, permohonan pembaharuan Perakuan Bomba adalah tidak disokong, Borang FC 6 - Notis Memberitahu Tentang Keperluan-keperluan Yang Perlu Dipatuhi bertarikh 12 April 2016 telah dikeluarkan kepada pihak premis. Notis tersebut telah diterima oleh wakil pihak premis pada tarikh 15 April 2016. Pihak penerima notis telah diberi tempoh selama 60 hari dari tarikh terima Notis untuk mematuhi keperluan-keperluan yang dinyatakan dalam Borang FC 6.

Pada 07 Jun 2016 pihak premis mohon perlanjutan tempoh masa dan permohonan diluluskan selama 50 (lima puluh) hari dan tamat pada 28 Julai 2016.

Pada 28 Julai 2016 lebih kurang jam 2:30 petang, pemeriksaan semula telah dijalankan di premis bagi tujuan pemeriksaan pematuhan kepada Borang FC 6, pegawai pemeriksa adalah seperti berikut:

1. Penolong Kanan Penguasa Bomba Hasiah Bt. Hj. Amin
2. Penolong Penguasa Bomba Nurhayyu Firdause Bt. Hasnuddin

Hasil pemeriksaan didapati pihak premis masih gagal mematuhi keperluan yang dinyatakan dalam Borang FC6.

Oleh yang demikian permohonan pembaharuan Perakuan Bomba adalah tidak disokong dan pihak premis telah melakukan suatu kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Pada 29 Julai 2016 suatu aduan kesalahan berkenaan Perakuan Bomba telah dibuat oleh Penolong Pengarah, Bahagian Keselamatan Kebakaran, JBPM Kuala Lumpur ke Bahagian Penyiasatan Kebakaran, JBPM Kuala Lumpur mengenai kesalahan berkenaan Perakuan Bomba yang dilakukan oleh Wisma MPL.

Pada 03 Ogos 2016 Penolong Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran mengeluarkan surat lantikan Pegawai Penyiasat kepada PgB Mohd Yunus Bin Ibrahim. Pada 24 November 2016 pegawai penyiasat telah melakukan siasatan di premis Wisma MPL dan didapati benar premis tersebut masih belum memiliki Perakuan Bomba yang sah. Oleh yang demikian, OKS atas nama Wisma MPL JMB telah melakukan suatu kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dihukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

“Bahawa kamu Wisma MPL JMB, beralamat di Lot 3.24 & 3.25, Wisma MPL, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur iaitu suatu premis ditetapkan, pada tarikh 28.07.2016 jam lebih kurang 02:30 petang telah didapati tidak mempunyai Perakuan Bomba Berkuatkuasa terhadap premis Wisma MPL. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 58, akta yang sama”.

**DIPUTUSKAN:**

Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda RM1200.00 bagi kesalahan tersebut. Jumlah keseluruhan denda adalah RM1200.00.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Kanan Bomba II Jasni bin Yusof bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Premis Wisma MPL JMB mewakili diri sendiri.

## KES 9

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN *SENHENG ELECTRIC (KL) SDN BHD (296691-X)*

MAHKAMAH MAJISTRET SUNGAI PETANI  
NOMBOR SAMAN: 87-192-03/2017  
MAJISTRET TUAN MOHD HADI HAKIMI BIN HARUN  
11 APRIL 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES

Pada 03.06.2015 jam lebih kurang 12.10 tengahari, suatu Pemeriksaan Premis Penghapusan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba (PKPgB) Mohd Hadziri bin Ibrahim bersama Pegawai Bomba Kanan (PBK) II Izham bin Bahari telah membuat Pemeriksaan Pengenalpastian Menghapuskan Bahaya Kebakaran di premis *Senheng Electric (KL) Sdn. Bhd.*, 207, 208 Jalan Legenda 7, Legenda Heights 08000 Sungai Petani, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud di premis tersebut.

Pada 08.07.2015 sebanyak 3 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada wakil premis tersebut iaitu Mohamad Nor Hafiz (900303-02-5461) supaya pihak premis mematuhi kehendak-kehendak Notis dalam tempoh masa yang ditetapkan. Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran yang dikeluarkan ialah:

1. Tiada pemasangan Sistem Penggera Kebakaran Elektrik Manual di bangunan.
2. Tiada tangga kedua di tingkat 2 di bahagian belakang bangunan.
3. Tiada pemasangan sistem Hos Gelung di bangunan.

Pada 12.06.2016 jam lebih kurang 11.55 pagi, Penguasa Bomba Mohamad Mustakim bin Mukhtar bersama-sama Pegawai Bomba Kanan II Izham bin Bahari telah membuat Pemeriksaan Semula Penghapusan Bahaya Kebakaran di premis tersebut dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

##### Pertuduhan Pertama

“Bahawasanya kamu, pada 12.06.2016 jam lebih kurang 11.55 pagi di premis *Senheng Electric (KL) Sdn. Bhd.*, 207-208 Jalan Legenda 7, Legenda Heights, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran KD/SGP 152/2015 bertarikh 08.07.2015 iaitu mengadakan pemasangan Sistem Penggera Kebakaran Elektrik Manual di bangunan

kedai *Senheng Electric (KL) Sdn. Bhd.*, mengikut mana-mana penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan memastikan kelengkapan menentang kebakaran sentiasa berada dalam keadaan baik setiap masa dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10 akta yang sama”.

### **Pertuduhan Kedua**

“Bahawasanya kamu, pada 12.06.2016 jam lebih kurang 11.55 pagi di premis *Senheng Electric (KL) Sdn Bhd*, 207-208 Jalan Legenda 7, Legenda Heights, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran KD/SGP 153/2015 bertarikh 08.07.2015 iaitu mengadakan 1 unit tangga kedua di tingkat 2 di bahagian belakang bangunan kedai *Senheng Electric (KL) Sdn. Bhd.*, sentiasa berada dalam keadaan baik setiap masa dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10 akta yang sama”.

### **Pertuduhan Ketiga**

“Bahawasanya kamu, pada 12.06.2016 jam lebih kurang 11.55 pagi di premis *Senheng Electric (KL) Sdn Bhd*, 207-208 Jalan Legenda 7, Legenda Heights, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran KD/SGP 154/2015 bertarikh 08.07.2015 iaitu mengadakan pemasangan sistem Hos Gelung di bangunan kedai *Senheng (KL) Sdn. Bhd.*, mengikut mana-mana penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan memastikan kelengkapan menentang kebakaran sentiasa berada dalam keadaan baik setiap masa dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama”.

### **DIPUTUSKAN:**

Hakim Tuan Mohd Hadi Hakimi bin Harun telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM7000.00 seperti berikut:

- i. Pertuduhan 1 sebanyak RM2,000.00.
- ii. Pertuduhan 2 sebanyak RM2,000.00.
- iii. Pertuduhan 3 sebanyak RM3,000.00.

### **KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

### **UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Rahimi bin Ali bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMA (OKS):**

Pengurus premis *Senheng Electric (KL) Sdn. Bhd.* mewakili diri sendiri.



## KES 10

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN MIYAO-TOKI (M) SDN BHD (165979-P)

**MAHKAMAH MAJISTRET KULIM**  
**NOMBOR SAMAN: 87-35-02/2017**  
**MAJISTRET PUAN MANOMANI A/P RAMANATHAN**  
**12 APRIL 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### **FAKTA KES**

Pada 29.04.2015 jam lebih kurang 10.45 pagi, suatu pemeriksaan premis bagi tujuan Perakuan Bomba telah dilakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba (PKPgB) Mohd Sofi bin Abdul Wahab bersama-sama Pegawai Bomba (PB) Samsul Kamal bin Mohd Amin di premis Miyao-Toki (M) Sdn. Bhd., Lorong 4, Lot 67, Kulim Industrial Estate 09000, Kulim Kedah dan mendapati sistem pemasangan keselamatan kebakaran tidak berada dalam keadaan baik dan perlu dibaiki.

Suatu Notis Memberitahu Tentang Keperluan-Keperluan Yang Perlu Dipatuhi (Borang FC6) yang ditandatangani oleh Penguasa Kanan Bomba I Mohd Zaidi bin Ma'at bertarikh 12.05.2015 telah dikeluarkan kepada premis tersebut dan diberi tempoh selama 200 hari untuk disempurnakan.

Pada 26.01.2016 jam lebih kurang 1.00 petang, Penolong Penguasa Bomba (PPgB) Nor Basiroh binti Mazlan bersama Penolong Penguasa Bomba (PPgB) Mohd Hizami bin Ahmad Azraai telah membuat pemeriksaan semula bagi tujuan Perakuan Bomba dan mendapati Notis Memberitahu Tentang Keperluan-Keperluan Yang Perlu Dipatuhi (Borang FC6) yang telah dikeluarkan pada 12.05.2015 masih tidak dipatuhi. Tidak mematuhi keperluan-keperluan Notis tersebut menyebabkan pihak premis telah gagal memiliki Perakuan Bomba yang berkuatkuasa.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 58, akta yang sama.

#### **PERTUDUHAN:**

##### **Pertuduhan Pertama**

“Bahawasanya kamu, pada 26.01.2016 jam lebih kurang 01.00 petang bertempat di premis Miyao-Toki (M) Sdn Bhd, Lorong 4, Lot 67, Kulim Industrial Estate 09000, Kulim Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Memberitahu Tentang Keperluan-keperluan Yang Perlu Dipatuhi JBPM/KD/BKK:700-3/1/7/76 bertarikh 12.05.2015 dalam tempoh 200 hari. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 58, akta yang sama”.

**DIPUTUSKAN:**

Hakim Puan Manomani A/L Ramanathan telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 1,500.00 atau sebulan penjara.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Rahimi bin Ali bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Miyao-Toki (M) Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 11

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN AUDEY ENTERPRISE (MOTEL)

MAHKAMAH MAJISTRET KANGAR  
NOMBOR SAMAN: 87-144-03/2017 & 87-145-03/2017  
MAJISTRET PUAN RUSITA MD LAZIM  
27 APRIL 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES •

Pada 12.05.2016 jam lebih kurang 10.30 pagi, suatu pemeriksaan premis bagi tujuan Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Timbalan Penguasa Bomba Yusmi B. Arshad bersama Pegawai Bomba Abd Razak B. Abdullah di premis Audey Enterprise (Motel), 1508 Taman Beseri Indah, 02400 Beseri, Perlis dan mendapati terdapat lima (5) bahaya kebakaran yang wujud di premis tersebut.

Pada 16.06.2016 sebanyak lima (5) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada Hj. Razmi Bin Ab. Majid (541210-05-5475) yang merupakan wakil kepada premis tersebut pada ketika itu.

Pada 20.12.2016 jam lebih kurang 11.30 pagi, Timbalan Penguasa Bomba Yusmi B. Arshad bersama Penolong Penguasa Bomba Mohamad Safaril Bin Wahid telah membuat Pemeriksaan Semula dan mendapati pihak premis hanya mematuhi satu (1) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran sahaja manakala (4) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran masih lagi gagal dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

**RA-87-144-03/2017**

#### Pertuduhan Pertama

Bahawasanya kamu, Pengurus Audey Enterprise (Motel) pada tarikh 20.12.2016 jam lebih kurang 11.30 pagi bertempat di 1508, Taman Beseri Indah, 02400 Beseri, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. 70/2016 bertarikh 16.05.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu **gagal memasang satu (1) unit Lampu Kecemasan di laluan sebelah kanan ke bilik di tingkat satu (1) premis**. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**RA-87-145-03/2017**

### **Pertuduhan Pertama**

Bahawasanya kamu, Pengurus Audey *Enterprise* (Motel) pada tarikh 20.12.2016 jam lebih kurang 11.30 pagi bertempat di 1508, Taman Beseri Indah, 02400 Beseri, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. 67/2016 bertarikh 16.05.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu **gagal memasang satu (1) unit Pintu Api tempoh ketahanan api satu (1) jam di ruang tangga terlindung di pintu masuk, bahagian hadapan, tingkat satu (1) premis.** Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **Pertuduhan Kedua**

Bahawasanya kamu, Pengurus Audey *Enterprise* (Motel) pada tarikh 20.12.2016 jam lebih kurang 11.30 pagi bertempat di 1508, Taman Beseri Indah, 02400 Beseri, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. 68/2016 bertarikh 16.05.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu **gagal memasang satu (1) unit Pintu Api tempoh ketahanan api satu (1) jam di ruang tangga terlindung di sebelah kiri pintu masuk, bahagian hadapan, tingkat bawah premis.** Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **Pertuduhan Ketiga**

Bahawasanya kamu, Pengurus Audey *Enterprise* (Motel) pada tarikh 20.12.2016 jam lebih kurang 11.30 pagi bertempat di 1508, Taman Beseri Indah, 02400 Beseri, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. 69/2016 bertarikh 16.05.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu **gagal memasang satu (1) unit Lampu Kecemasan di laluan sebelah kiri ke bilik di tingkat satu (1) premis.** Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **DIPUTUSKAN:**

OKS telah mengaku salah di atas pertuduhan tersebut. Majistret Puan Rusita Md Lazim telah menjatuhkan hukuman:

- i. Denda RM1,000.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes 87-144-03/2017 atau tiga (3) bulan penjara jika gagal membayar denda.
- ii. Denda RM2,500.00 bagi tiga (3) pertuduhan dalam kes 87-145-03/2017 atau lapan (8) bulan penjara jika gagal membayar denda.

### **KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohamad Yusrizal Bin Muhammad Yusof bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Audey *Enterprise* (Motel) mewakili diri sendiri.

## KES 12

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN GULATIS *EXCLUSIVE* SDN BHD (227237-H)

MAHKAMAH MAJISTRET SUNGAI PETANI  
NOMBOR SAMAN: 87-1240-08/2016 & 87-1241-08/2016  
MAJISTRET TUAN MOHD FARED BIN ABD LATIF  
03 MEI 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES

Pada 05.02.2015 jam lebih kurang 10.00 pagi, suatu Pemeriksaan Premis Penghapusan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Hadziri bin Ibrahim bersama Penolong Penguasa Bomba Mohd Faizol Izwan bin Hang Tauh dan Pegawai Bomba Kanan II Izham bin Bahari di No. 19, 21, 23, 25, 27 dan 29, Jalan Perdana Heights ½, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud di premis tersebut.

Pada 08.02.2015 sebanyak 6 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada wakil premis tersebut iaitu Normaizon binti Mat Taib (740705-03-6112).

Pada 23.12.2015 jam lebih kurang 03.10 petang, Penolong Penguasa Bomba Mohd Fakrul Radzi bin Bemawi bersama-sama Penolong Penguasa Bomba Mohd Faiz bin Helmi telah membuat Pemeriksaan Semula Penghapusan Bahaya Kebakaran dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

#### LAMPIRAN A

##### Pertuduhan Pertama

Bahawasanya kamu, pada 23.12.2015 jam lebih kurang 3.00 petang di premis GULATIS *EXCLUSIVE* SDN BHD, No. 19,21,23,25,27 & 29, Jalan Perdana Heights ½, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/SGP 035/2015 bertarih 08.02.2015 iaitu didapati tidak terdapat Sistem penggera Elektrik Manual di keseluruhan kedai Gulatis *Exclusive* hingga menyukarkan pelepasan diri dari premis tersebut sekiranya berlaku kebakaran seperti mana mengikut kehendak-kehendak Jadual Kesepuluh, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 supaya mengadakan Sistem Penggera Kebakaran Elektrik Manual di kedai Gulatis *Exclusive* seperti mana kehendak-kehendak Jadual Kesepuluh Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 mengikut piawaian yang dibenarkan oleh Jabatan

Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam tempoh 60 hari. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **Pertuduhan Kedua**

Bahawasanya kamu, pada 23.12.2015 jam lebih kurang 3.00 petang di premis GULATIS *EXCLUSIVE* SDN BHD, No. 19,21,23,25,27 & 29, Jalan Perdana Heights ½, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/SGP 036/2015 bertarikh 08.02.2015 iaitu didapati tidak terdapat Sistem Gelong Hos di keseluruhan kedai Gulatis *Exclusive* hingga menyukarkan pengawalan kebakaran di peringkat awal seperti mana mengikut kehendak-kehendak Jadual Kesepuluh, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 supaya mengadakan pemasangan Sistem Gelong Hos di kedai Gulatis *Exclusive* seperti mana kehendak-kehendak Jadual Kesepuluh Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dalam tempoh 60 hari. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **Pertuduhan Ketiga**

Bahawasanya kamu, pada 23.12.2015 jam lebih kurang 3.00 petang di premis GULATIS *EXCLUSIVE* SDN BHD, No. 19,21,23,25,27 & 29, Jalan Perdana Heights ½, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/SGP 038/2015 bertarikh 08.02.2015 iaitu didapati tidak terdapat Pintu Keluar Kecemasan di bahagian belakang kedai Gulatis *Exclusive* di tingkat 1 sekiranya berlaku kebakaran menyukarkan pelepasan diri semasa kebakaran sepertimana tafsiran bahaya kebakaran Seksyen 2(a), Akta Perkhidmatan Bomba 1988 supaya mengadakan 2 unit Pintu Keluar Kecemasan di bahagian belakang kedai Gulatis *Exclusive* di tingkat 1 bebas dari sebarang halangan dalam tempoh 60 hari. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

## **LAMPIRAN B**

### **Pertuduhan Pertama**

Bahawasanya kamu, pada 23.12.2015 jam lebih kurang 3.00 petang di premis GULATIS *EXCLUSIVE* SDN BHD, No. 19,21,23,25,27 & 29, Jalan Perdana Heights ½, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/SGP 039/2015 bertarikh 08.02.2015 iaitu didapati tidak terdapat Sistem Semburan Automatik di keseluruhan kedai Gulatis *Exclusive* hingga menyukarkan mengawal kebakaran di peringkat awal sekiranya berlaku kebakaran sepertimana mengikut kehendak-kehendak Jadual Kesepuluh, Undang-undang Kecil bangunan Seragam 1984 supaya mengadakan Sistem Semburan Automatik di keseluruhan kedai Gulatis *Exclusive* seperti mana kehendak-kehendak Jadual Kesepuluh, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 mengikut piawaian yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam tempoh 60 hari. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **Pertuduhan Kedua**

Bahawasanya kamu, pada 23.12.2015 jam lebih kurang 3.00 petang di premis GULATIS *EXCLUSIVE* SDN BHD, No. 19,21,23,25,27 & 29, Jalan Perdana Heights ½, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/SGP 040/2015 bertarikh 08.02.2015 iaitu didapati tidak terdapat Pintu Api di bilik suis elektrik kedai Gulatis *Exclusive* hingga menyukarkan mengawal kebakaran peringkat awal sekiranya berlaku kebakaran seperti mana tafsiran bahaya kebakaran Seksyen 2(c), Akta Perkhidmatan Bomba 1988 supaya mengadakan Pintu Api ketahanan 1 jam di bilik suis elektrik tersebut berada dalam berkeadaan baik setiap masa dalam tempoh 60 hari. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **DIPUTUSKAN:**

Hakim Tuan Mohd Fared bin Abdul Latif telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 900.00 bagi setiap pertuduhan.

### **KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

### **UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

### **PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Kanan Bomba II Rahimi bin Ali bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

### **ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Gulatis *Exclusive* Sdn. Bhd. diwakili oleh Peguambela En. Reginder Singh.



## KES 13

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA, NEGERI KEDAH LAWAN SIN BOON SENG CYCLE SDN BHD (270849-X)

MAHKAMAH MAJISTRET YAN  
NOMBOR SAMAN: 87-02-03/2017  
MAJISTRET TUAN ARIF BIN MOHAMAD SHARIF  
15 MEI 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES •

Pada 30.06.2015 jam lebih kurang 1.00 petang, suatu Pemeriksaan Premis Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Penolong Penguasa Bomba Safuan bin Md Saad bersama Penolong Penguasa Bomba Mohd Firdaus bin Bukari telah membuat Pemeriksaan Pengenalpastian Menghapuskan Bahaya Kebakaran di premis Sin Boon Seng *Cycle* Sdn. Bhd, Pt 627, Batu 20, Jalan teroi Yan, 08800 Guar Cempedak, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud di premis tersebut.

Pada 03.09.2015 sebanyak 3 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada wakil premis tersebut iaitu Chow Chan Mean (770610-02-5717) supaya pihak premis mematuhi kehendak-kehendak notis dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Pada 10.08.2016 jam lebih kurang 12.50 tengahari, Penolong Penguasa Bomba Mohd Faiz bin Helmi bersama-sama Penolong Penguasa Bomba Mohd Fakrul Radzi bin Bemawi telah membuat Pemeriksaan Semula Penghapusan Bahaya Kebakaran di premis tersebut dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

##### Pertuduhan Pertama

Bahawasanya kamu, pada 10.08.2016 jam lebih kurang 12.50 tengahari di premis Sin Boon Seng *Cycle* Sdn. Bhd. Pt 627, Batu 20, Jalan Teroi Yan, 08800 Guar Cempedak, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran **KD/SGP 174/2015 bertarikh 03.09.2015 iaitu mengadakan Sistem Gelung Hos Hidraulik di bangunan gudang Sin Boon Seng *Cycle* Sdn. Bhd., mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan.** Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **Pertuduhan Kedua**

Bahawasanya kamu, pada 10.08.2016 jam lebih kurang 12.50 tengahari di premis Sin Boon Seng *Cycle* Sdn. Bhd. Pt 627, Batu 20, Jalan Teroi Yan, 08800 Guar Chempedak, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran **KD/SGP 175/2015 bertarikh 03.09.2015 iaitu mengadakan Sistem Semburan Automatik di bangunan Sin Boon Seng *Cycle* Sdn. Bhd., mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan.** Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **Pertuduhan Ketiga**

Bahawasanya kamu, pada 10.08.2016 jam lebih kurang 12.50 tengahari di premis Sin Boon Seng *Cycle* Sdn. Bhd. Pt 627, Batu 20, Jalan Teroi Yan, 08800 Guar Chempedak, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran **KD/SGP 176/2015 bertarikh 03.09.2015 iaitu mengadakan Sistem Penggera Kebakaran Elektrik Manual di bangunan Sin Boon Seng *Cycle* Sdn. Bhd, mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan.** Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **DIPUTUSKAN:**

Hakim Tuan Arif bin Mohamad Syarif telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak Pertuduhan 1 RM 2,500, Pertuduhan 2 RM 2,500, Pertuduhan 3 RM 2,500. Jumlah keseluruhan RM 7,500. Mahkamah tetapkan 12.12.2017 tarikh pangil semula untuk laporan pematuhan.

### **KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

### **UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

### **PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Rahimi bin Ali bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

### **ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Sin Boon Seng *Cycle* Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 14

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN YONMING AUTO & INDUSTRIAL PARTS SDN. BHD.

MAHKAMAH MAJISTRET SELAYANG  
NOMBOR SAMAN: 87-138-1/17, 87-139-1/17, 87-140-1/17  
MAJISTRET NURUL IZZAH BINTI HASSAN BASRI  
16 MEI 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES ●

Pemeriksaan premis bagi tujuan penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Menghapus Bahaya-Bahaya Kebakaran) telah dijalankan di premis Yonming Auto & Industrial Parts Sdn.Bhd .No.8, Jalan Industrial Batu Caves 1/6, Taman Perindustrian Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan oleh Pegawai Bomba Kanan II Harun bin Hj.Ahmad Sali dan Pegawai Bomba Wan Khairul Amri bin Wan Hanafi dari BBP Selayang pada 29.6.2015 jam lebih kurang 1400 petang.

Hasil pemeriksaan, didapati wujud bahaya kebakaran di premis ini dan sebanyak 7 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah dikeluarkan kepada Yonming Auto & Industrial Parts Sdn.Bhd yang bertarikh 30.10.2015.

Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran diserahkan kepada wakil premis dan diberi tempoh selama 90 hari untuk dipatuhi.

Pemeriksaan semula telah dilakukan oleh Pegawai Bomba Kanan II Abdul Razak bersama Pegawai Bomba Salman bin Tahirun pada 01.03.2016. Hasil pemeriksaan didapati sebanyak 7 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran gagal dipatuhi iaitu Notis siri ZHS:108/2015, ZHS:109/2015, ZHS:110/2015, ZHS:111/2015, ZHS:112/2015, ZHS:113/2015 dan ZHS:114/2015.

Pada 21.6.2016 kertas siasatan telah dibuka, perlantikan dibuat bagi pegawai penyiasat iaitu PgB Arief Fikry bin Yusof dan pegawai pendakwa ialah PKPgB Ahmad Syauqi bin Abdullah.

#### PERTUDUHAN:

Bahawasanya kamu, Pengurus premis Yonming Auto & Industrial Parts Sdn.Bhd beralamat No.8, Jalan Industrial Batu Caves 1/6, Taman Perindustrian Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan telah gagal mematuhi kehendak – kehendak yang dinyatakan dalam Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) Bil. Notis: ZHS:108/2015, ZHS:109/2015, ZHS:110/2015, ZHS:111/2015, ZHS:112/2015, ZHS:113/2015 dan ZHS:114/2015 bertarikh 30.10.2015 dalam masa yang ditetapkan iaitu :

1. Tidak terdapat lampu tanda keluar di pintu utama di bahagian depan;
2. Tidak terdapat lampu kecemasan di ruang pejabat tingkat bawah;

3. Pintu keluar kecemasan di tingkat atas bukan dari jenis pintu api;
4. Tidak terdapat lampu tanda keluar di pintu keluar kecemasan tingkat atas;
5. Tidak terdapat lampu kecemasan di ruang pejabat di tingkat atas;
6. Terdapat pengubahsuaian bangunan di bahagian simpanan barang dan tidak mendapat kelulusan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
7. Tidak terdapat lampu tanda keluar di semua laluan keluar kecemasan di bahagian stor.

Oleh yang demikian kamu telah melanggar seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 10, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Nurul Izzah binti Hassan Basri telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 3800.00 atas 7 pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- i. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- ii. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Ahmad Syauqi bin Abdullah bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Yonming Auto & Industrial Parts Sdn.Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 15

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN CASAVILLA HOTEL

**MAHKAMAH MAJISTRET SELAYANG**  
**NOMBOR SAMAN: 87-136-1/17, 87-137-1/17**  
**MAJISTRET NURUL IZZAH BINTI HASSAN BASRI**  
**16 MEI 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### **FAKTA KES**

Pemeriksaan premis bagi tujuan penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Menghapus Bahaya-Bahaya Kebakaran) telah dijalankan di premis Casavilla Hotel. No.15, Jalan PS 8/2, Jalan Prima Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan oleh Pegawai Bomba Kanan II Harun bin Hj. Ahmad Sali dan Pegawai Bomba Salman bin Tahirun dari BBP Selayang pada 13.10.2015 jam lebih kurang 1400 petang.

Hasil pemeriksaan, di dapati wujud bahaya kebakaran di premis ini dan sebanyak 6 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah dikeluarkan kepada Casavilla Hotel yang bertarikh 28.12.2015.

Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran diserahkan kepada wakil premis dan diberi tempoh selama 120 hari untuk dipatuhi.

Pemeriksaan semula telah dilakukan oleh Pegawai Bomba Kanan II Abdul Razak bersama Pegawai Bomba Kanan II Harun bin Hj. Ahmad Sali pada 08.06.2016. Hasil pemeriksaan didapati sebanyak 6 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran gagal dipatuhi iaitu Notis siri ZHS:347/2015, ZHS:348/2015, ZHS:349/2015, ZHS:350/2015, ZHS:351/2015 dan ZHS:352/2015.

Pada 01.09.2016 kertas siasatan telah dibuka, perlantikan dibuat bagi pegawai penyiasat iaitu Pgb Arief Fikry bin Yusof dan pegawai pendakwa ialah PKPgB Ahmad Syauqi bin Abdullah.

#### **PERTUDUHAN:**

Bahawasanya kamu, Pengurus premis Casavilla Hotel beralamat No.15, Jalan PS 8/2, Jalan Prima Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan telah gagal mematuhi kehendak – kehendak yang dinyatakan dalam Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bil. Notis : ZHS:347/2015, ZHS:348/2015, ZHS:349/2015, ZHS:350/2015, ZHS:351/2015 dan ZHS:352/2015. Bertarikh 28.12.2015 dalam masa yang ditetapkan iaitu :

1. Tidak terdapat sistem hos gelung (Hose Reel);
2. Tidak terdapat lampu tanda keluar di pintu belakang tingkat bawah;
3. Tidak terdapat lampu tanda keluar di ruang tangga keselamatan di tingkat bawah;
4. Tidak terdapat pintu api di ruang tangga terlindung yang dipecah di tingkat 1;

5. Tidak terdapat pintu api di ruang tangga terlindung yang dipecah di tingkat 2;
6. Tidak terdapat pintu api di ruang tangga terlindung yang dipecah di tingkat 3.

Oleh yang demikian kamu telah melanggar Seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 10, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Nurul Izzah binti Hassan Basri telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 3500.00 atas 6 pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Ahmad Syauqi bin Abdullah bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Casavilla Hotel mewakili diri sendiri.

## KES 16

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN SE DENSO AUTO SDN. BHD.

MAHKAMAH MAJISTRET SELAYANG  
NOMBOR SAMAN: 87-129-1/17  
MAJISTRET NURUL IZZAH BINTI HASSAN BASRI  
16 MEI 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES •

Pemeriksaan premis bagi tujuan penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (menghapus bahaya-bahaya kebakaran) telah dijalankan di premis SE Denso *Auto* Sdn. Bhd. Lot. 37, Jalan E 1/4, Taman Ehsan Industrial Area, 52100 Kepong, Kuala Lumpur oleh PBK II Harun bin Hj. Ahmad Sali dan PB Salman bin Tahirun dari BBP Selayang pada 21.09.2015 jam lebihkurang 1000 pagi.

Hasil pemeriksaan, di dapati wujud bahaya kebakaran di premis ini dan sebanyak 13 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah dikeluarkan kepada SE Denso *Auto* Sdn. Bhd. yang bertarikh 11.11.2015.

Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran diserahkan kepada wakil premis dan diberi tempoh selama 90 hari untuk dipatuhi.

Pemeriksaan semula telah dilakukan oleh PBK II Abdul Razak bersama PBK II Harun bin Hj. Ahmad Sali pada 28.03.2016. Hasil pemeriksaan didapati sebanyak 3 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran gagal dipatuhi iaitu notis siri ZHS:287/2015, ZHS:288/2015 dan ZHS:289/2015.

Pada 21.06.2016 kertas siasatan telah dibuka, perlantikan dibuat bagi pegawai penyiasat iaitu PgB Arief Fikry bin Yusof dan pegawai pendakwa ialah PKPgB Ahmad Syauqi bin Abdullah.

#### PERTUDUHAN:

Bahawasanya kamu, Pengurus premis SE Denso *Auto* Sdn. Bhd., beralamat Lot. 37, Jalan E 1/4, Taman Ehsan Industrial Area, 52100 Kepong, Kuala Lumpur telah gagal mematuhi kehendak – kehendak yang dinyatakan dalam Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bil Notis: ZHS:287/2015, ZHS:288/2015 dan ZHS:289/2015 bertarikh 11.11.2015 dalam masa yang ditetapkan iaitu:

1. Didapati pintu keluar di ruang pejabat sebelah kiri di tingkat bawah bukan jenis pintu api;
2. Tidak terdapat lampu kecemasan di ruang tangga sebelah kanan;
3. Didapati pintu keluar ke tangga terlindung sebelah kiri tingkat 1 bukan jenis pintu api.

Oleh yang demikian kamu telah melanggar Seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 10, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Nurul Izzah binti Hassan Basri telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 1800.00 atas 3 pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Ahmad Syauqi bin Abdullah bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis SE Denso *Auto* Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.



## KES 17

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN TURBO PERFORMANCE SDN. BHD.

MAHKAMAH MAJISTRET SELAYANG  
NOMBOR SAMAN: 87-135-1/17  
MAJISTRET NURUL IZZAH BINTI HASSAN BASRI  
16 MEI 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES •

Pemeriksaan premis bagi tujuan penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Menghapus Bahaya-Bahaya Kebakaran) telah dijalankan di premis Turbo *Performance* Sdn. Bhd. No.25, Jalan SBC 5, Taman Seri Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan oleh PBK II Harun bin Hj. Ahmad Sali dan PB Affandi bin Abd. Latif dari BBP Selayang pada 20.01.2016 jam lebih kurang 1400 petang.

Hasil pemeriksaan, didapati wujud bahaya kebakaran di premis ini dan sebanyak 14 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah dikeluarkan kepada Turbo *Performance* Sdn.Bhd yang bertarikh 21.03.2016.

Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran diserahkan kepada wakil premis dan diberi tempoh selama 60 hari untuk dipatuhi.

Pemeriksaan semula telah dilakukan oleh PBK II Abdul Razak bersama PBK II Harun bin Hj. Ahmad Sali pada 28.03.2016. Hasil pemeriksaan didapati sebanyak 2 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran gagal dipatuhi iaitu notis siri ZHS:605/2016 dan ZHS:614/2016.

Pada 01.09.2016 kertas siasatan telah dibuka, perlantikan dibuat bagi pegawai penyiasat iaitu PgB Arief Fikry bin Yusof dan pegawai pendakwa ialah PKPgB Ahmad Syauqi bin Abdullah.

#### PERTUDUHAN:

Bahawasanya kamu, Pengurus premis Turbo *Performance* Sdn.Bhd beralamat No.25, Jalan SBC 5, Taman Seri Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan telah gagal mematuhi kehendak – kehendak yang dinyatakan dalam Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bil Notis: ZHS: 605/2015 dan ZHS:614/2015 bertarikh 21.03.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu:

1. Didapati Hos Gelung tidak berfungsi dan tiada Nozzle.
2. Didapati Main Fire Alarm Panel tidak berfungsi.

Oleh yang demikian kamu telah melanggar Seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 10 akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Nurul Izzah binti Hassan Basri telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 1500.00 keatas 2 pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Ahmad Syauqi bin Abdullah bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Turbo *Performance* Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 18

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN YK WONG ENGINEERING SDN. BHD.

**MAHKAMAH MAJISTRET SELAYANG**  
**NOMBOR SAMAN: 87-132-1/17**  
**MAJISTRET NURUL IZZAH BINTI HASSAN BASRI**  
**16 MEI 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### **FAKTA KES**

Pemeriksaan premis bagi tujuan penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Menghapus Bahaya-Bahaya Kebakaran) telah dijalankan di premis YK Wong Engineering Sdn. Bhd. No.1, Jalan KPK 1/3, Kawasan Perindustrian Kundang, 48050 Kuang, Rawang, Selangor Darul Ehsan oleh PBK I Fadilah bin Salleh dan PB Kamal Fairoz bin Kamarudin dari BBP Batu Arang pada 21.10.2015 jam lebih kurang 10 pagi.

Hasil pemeriksaan, didapati wujud bahaya kebakaran di premis ini dan sebanyak 4 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah dikeluarkan kepada YK Wong Engineering Sdn. Bhd. yang bertarikh 15.12.2015.

Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran diserahkan kepada wakil premis dan diberi tempoh selama 60 hari untuk dipatuhi.

Pemeriksaan semula telah dilakukan oleh PPgB Yazli bin Yahya bersama PB Kannan A/L Sinnappan, PB Kamilnafidzam bin Mat Nor dan PB Saddam bin Halim pada 03.05.2016, jam lebih kurang 9.10 pagi. Hasil pemeriksaan didapati sebanyak satu (1) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran gagal dipatuhi iaitu Notis siri ZHS:334/2015

Pada 21.06.2016 kertas siasatan telah dibuka, perlantikan dibuat bagi pegawai penyiasat iaitu PgB Arief Fikry bin Yusof dan pegawai pendakwa ialah PKPgB Ahmad Syauqi bin Abdullah.

#### **PERTUDUHAN:**

Bahawasanya kamu, Pengurus premis YK Wong Engineering Sdn. Bhd. No.1, Jalan KPK 1/3, Kawasan Perindustrian Kundang, 48050 Kuang, Rawang, Selangor Darul Ehsan telah gagal mematuhi kehendak – kehendak yang dinyatakan dalam Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bil Notis: ZHS: 334/2015 bertarikh 15.12.2015 dalam masa yang ditetapkan iaitu:

1. Didapati laluan akses perkakas bomba di sebelah kanan bangunan dihalang dengan kontena yang dijadikan tempat tinggal pekerja.

Oleh yang demikian kamu telah melanggar Seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 10, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Nurul Izzah binti Hassan Basri telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 1000.00 atas satu pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Ahmad Syauqi bin Abdullah bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis YK Wong Engineering Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 19

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN THIAM HUAT *PLASTIC INDUSTRIES* SDN. BHD.

MAHKAMAH MAJISTRET SELAYANG  
NOMBOR SAMAN: 87-130-1/17, 87-131-1/17  
MAJISTRET NURUL IZZAH BINTI HASSAN BASRI  
16 MEI 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES •

Pada 18.11.2015 jam lebih kurang 02.00 petang pemeriksaan bagi tujuan Menghapus Bahaya Kebakaran dibuat di Thiam Huat *Plastic Industries* Sdn. Bhd. Lot. 52, Jalan E ½, Batu 8, Jalan Kepong, Taman Ehsan Light Industrial Area, 52100 Kepong, Kuala Lumpur. Pegawai pemeriksa ialah PBK II Harun bin Hj. Ahmad Sali dan PB Samsudin bin Saman.

Pada 15.01.2016, Notis Menghapuskan Bahaya-Bahaya Kebakaran (Borang A) telah dikeluarkan kepada Thiam Huat *Plastic Industries* Sdn. Bhd., dengan tempoh diberikan selama 90 hari untuk dipatuhi.

Pada 11.05.2016 jam lebih kurang 10.30 pagi suatu pemeriksaan semula di jalankan ke atas premis Thiam Huat *Plastic Industries* Sdn. Bhd. Diketuai oleh PBK II Abdul razak Bin Mokhtar bersama PBK II Harun Bin Hj. Ahmad Sali untuk memastikan segala Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dipatuhi oleh premis tersebut. Semasa pemeriksaan dijalankan didapati enam (6) Notis siri Bil ZHS : 399/2015, ZHS : 400/2015, ZHS : 402/2015, ZHS : 403/2015 , ZHS : 404/2015 dan ZHS : 408/2015 tidak dipatuhi.

Pada 19.08.2016 kertas siasatan telah dibuka, perlantikan dibuat bagi pegawai penyiasat iaitu PgB Arief Fikry bin Yusof dan pegawai pendakwa ialah PKPgB Ahmad Syauqi bin Abdullah.

#### PERTUDUHAN:

Bahawasanya kamu, Pengurus premis Thiam Huat *Plastic Industries* Sdn. Bhd. Lot. 52, Jalan E ½, Batu 8, Jalan Kepong, Taman Ehsan Light Industrial Area, 52100 Kepong, Kuala Lumpur telah gagal mematuhi kehendak – kehendak yang dinyatakan dalam Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bil Notis : ZHS : 399/2015, ZHS : 400/2015, ZHS : 402/2015, ZHS : 403/2015 , ZHS : 404/2015 dan ZHS : 408/2015 bertarih 23.01.2017 dalam masa yang ditetapkan iaitu:

1. Didapati pintu keluar di tingkat bawah sebelah kiri bukan jenis pintu api;
2. Didapati tidak terdapat pintu rintangan api di ruang tangga di tingkat 1;
3. Didapati tidak terdapat lampu tanda keluar di pintu keluar ruang tangga sebelah kiri tingkat 1;
4. Didapati pintu keluar ke ruang tangga di tingkat 2 bukan jenis pintu api;

5. Didapati tidak terdapat lampu tanda keluar di pintu keluar di tingkat 2;
6. Didapati tidak terdapat pintu laluan kecemasan di dalam bahagian kilang.

Oleh yang demikian kamu telah melanggar Seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 10, akta yang sama.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Ahmad Syauqi bin Abdullah bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Thiam Huat *Plastic Industries* Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 20

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN HAI KEE HUNG SDN. BHD.

#### MAHKAMAH MAJISTRET SELAYANG

NOMBOR SAMAN: 87-143-1/17, 87-144-1/17, 87-145-1/17

MAJISTRET NURUL IZZAH BINTI HASSAN BASRI

16 MEI 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES •

Pemeriksaan premis bagi tujuan penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Penghapusan Bahaya Kebakaran) telah dijalankan di premis Hai Kee Hung Sdn. Bhd.

Lot 17, Jalan E ¼, Taman Ehsan Industrial Area, 52100 Kepong, Kuala Lumpur oleh PBK II Harun bin Hj. Ahmad Sali dan PB Salman Bin Tahirun pada 22.09.2015 jam lebihkurang 10.00 pagi.

Pada 11.11.2015, Notis Menghapuskan Bahaya-Bahaya Kebakaran (Borang A) telah dikeluarkan kepada Hai Kee Hung Sdn. Bhd. dengan tempoh diberikan selama 90 hari untuk dipatuhi.

Pada 30.03.2016 jam lebih kurang 11.00 pagi satu pemeriksaan semula dijalankan ke atas premis Hai Kee Hung Sdn. Bhd. diketuai PBK II Harun bin Hj. Ahmad Sali untuk memasti segala Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran dipatuhi oleh premis tersebut. Semasa pemeriksaan dijalankan didapati tujuh (7) Notis siri Bil ZHS : 217/2015, 218/2015, 219/2015, 220/2015, 221/2015, 223/2015 dan 225/2015.

Pada 21.6.2016 kertas siasatan telah dibuka, perlantikan dibuat bagi pegawai penyiasat iaitu PgB Arief Fikry bin Yusof dan pegawai pendakwa ialah PKPgB Ahmad Syauqi bin Abdullah.

#### PERTUDUHAN:

Bahawasanya kamu, Pengurus premis Hai Kee Hung Sdn. Bhd. Lot 17, Jalan E ¼, Taman Ehsan Industrial Area, 52100 Kepong, Kuala Lumpur telah gagal mematuhi kehendak – kehendak yang dinyatakan dalam Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bil Notis: ZHS: 217/2015, 218/2015, 219/2015, 220/2015, 221/2015, 223/2015 dan 225/2015, bertarikh 11.11.2015 dalam masa yang ditetapkan iaitu:

1. Didapati pintu di ruang pejabat ke ruang tangga terlindung bukan dari jenis pintu api;
2. Didapati tiada lampu tanda keluar di pintu keluar ruang tangga;
3. Didapati tiada lampu kecemasan di ruang tangga di tingkat 1;
4. Didapati pintu keluar ke ruang tangga terlindung di tingkat 1 bukan dari jenis pintu api;
5. Didapati lampu tanda keluar di pintu keluar di tingkat 1 sebelah kiri tidak berfungsi;

6. Didapati tiada lampu tanda keluar di pintu keluar ke ruang tangga di tingkat 1 sebelah kanan;
7. Didapati keseluruhan komponen sistem hos gelung tidak berfungsi.

Oleh yang demikian kamu telah melanggar Seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 10, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Nurul Izzah binti Hassan Basri telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 4000.00 ke atas 7 pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Ahmad Syauqi bin Abdullah bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Hai Kee Hung Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.



## KES 21

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN SYARIKAT PERNIAGAAN K.F SDN. BHD.

**MAHKAMAH MAJISTRET SELAYANG**  
**NOMBOR SAMAN: 87-133-1/17, 87-134-1/17**  
**MAJISTRET NURUL IZZAH BINTI HASSAN BASRI**  
**16 MEI 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### **FAKTA KES**

Pemeriksaan premis bagi tujuan penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Menghapus Bahaya-Bahaya Kebakaran) telah dijalankan di premis Syarikat Perniagaan K.F Sdn. Bhd. Lot 39, Jalan E ¼, Taman Usaha Ehsan, 52100 Kepong, Kuala Lumpur oleh PBK II Harun bin Hj. Ahmad Sali dan PB Abdul Naim Bin Abd. Manan dari BBP Selayang pada 14.09.2015 jam lebihkurang 02.00 petang.

Hasil pemeriksaan, didapati wujud bahaya kebakaran di premis ini dan sebanyak 6 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah dikeluarkan kepada Syarikat Perniagaan K.F Sdn. Bhd. yang bertarikh 11.11.2015. Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran diserahkan kepada wakil premis dan diberi tempoh selama 90 hari untuk dipatuhi.

Pemeriksaan semula telah dilakukan oleh PBK II Abdul Razak Bin Mokhtar bersama PBK II Harun bin Hj. Ahmad Sali pada 08.03.2016 jam 11.00 Pagi. Hasil pemeriksaan didapati sebanyak 6 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran gagal dipatuhi iaitu Notis siri ZHS:311/2015, ZHS:312/2015, ZHS:315/2015, ZHS:316/2015, ZHS:318/2015 dan ZHS:319/2015.

Pada 21.06.2016 kertas siasatan telah dibuka, perlantikan dibuat bagi pegawai penyiasat iaitu PgB Arief Fikry bin Yusof dan pegawai pendakwa ialah PKPgB Ahmad Syauqi bin Abdullah.

#### **PERTUDUHAN:**

Bahawasanya kamu, Pengurus premis Syarikat Perniagaan K.F Sdn. Bhd. Lot 39, Jalan E ¼, Taman Usaha Ehsan, 52100 Kepong, Kuala Lumpur telah gagal mematuhi kehendak – kehendak yang dinyatakan dalam Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bil. notis : ZHS:311/2015, ZHS:312/2015, ZHS:315/2015, ZHS:316/2015, ZHS:318/2015 dan ZHS:319/2015. Bertarikh 11.11.2015 dalam masa yang ditetapkan iaitu :

1. Didapati pintu keluar ke tangga terlindung di tingkat 1 sebelah kiri bukan jenis pintu api.
2. Didapati pintu keluar ke tangga terlindung di tingkat 1 sebelah kanan bukan jenis pintu api.
3. Didapati pintu keluar ke tangga terlindung di tingkat 2 sebelah kiri bukan jenis pintu api.
4. Didapati pintu keluar ke tangga terlindung di tingkat 2 sebelah kanan bukan jenis pintu api.

5. Didapati pintu keluar kecemasan di ruang pejabat tangga terlindung bukan jenis pintu api.
6. Didapati tidak terdapat lampu tanda keluar di pintu ruang tangga terlindung di tingkat bawah.

Oleh yang demikian kamu telah melanggar Seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 10, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Nurul Izzah binti Hassan Basri telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 3000.00 keatas 6 pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Ahmad Syauqi bin Abdullah bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Hai Kee Hung Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 22

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN BILAL PERABOT

MAHKAMAH MAJISTRET DUNGUN  
NOMBOR SAMAN: 87/70-03/2017  
MAJISTRET PUAN HAZWANIE BINTI HUSAIN BUSTARI  
17 MEI 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Seksyen 10- Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES •

Pada 1.12.2015 lebih kurang jam 4.00 Petang Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohamad Hamdan bin Sudin bersama Pegawai Bomba Kanan II Rosli bin Kadir dari Zon 2 Terengganu telah membuat pemeriksaan Penghapusan Bahaya Kebakaran di premis Bilal Perabot di alamat Lot GM 3414, Jalan Baru Pak Sabah 23000 Dungun. Hasil pemeriksaan mendapati wujudnya bahaya kebakaran iaitu;

1. Didapati tidak terdapat Lampu Tanda Keluar Kecemasan di premis Bilal Perabot.
2. Tidak terdapatnya Sistem Pengesan Api Automatik di premis Bilal Perabot.

Pada 17.12.2015, Penguasa Kanan Bomba II Azmi bin Ab. Rahim Ketua Zon 2 Terengganu telah mengeluarkan dua (2) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran dengan tempoh 90 hari untuk pihak OKS mengadakan kelengkapan sebagaimana kehendak notis.

Pada 9.6.2016 lebih kurang jam 12.00 tengah hari satu pemeriksaan semula Penghapusan Bahaya Kebakaran telah dibuat oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohamad Hamdan bin Sudin bersama Pegawai Bomba Mohd Syawal bin Mohamed. Hasil pemeriksaan mendapati pihak premis mematuhi satu (1) notis manakala satu (1) notis masih gagal dipatuhi. Notis yang gagal dipatuhi adalah seperti berikut:

1. No. Notis: TR/Z2:335/2015

Tidak terdapatnya Sistem Pengesan Api Automatik di premis Bilal Perabot, bawah seksyen 2 (c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 yang dikehendaki oleh undang-undang supaya diadakan di bangunan sepertimana pelan yang telah diperakukan oleh orang berkelayakan.

Oleh yang demikian OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum mengikut seksyen akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

Bahawa kamu pada 9 Jun 2016 jam lebih kurang 12.00 tengahari di premis Bilal Perabot Lot 5827 Gm 3414 Jalan Baru Pak Sabah 23000 Dungun, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis nombor TR/Z2:335/2015 bertarikh 7 Disember 2015 dalam masa yang ditetapkan iaitu:

Gagal mengadakan Sistem pengesan api Automatik dipremis OKS.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum di bawah seksyen dan akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Puan Hazwanie binti Husain Bustari telah menjatuhkan hukuman denda RM 2000.00 atau 3 bulan penjara jika gagal.

**KES YANG DIRUJUK:**

Jurnal kes pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Penguasa Bomba Muhammad Ashraff bin Mohd Amin bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Bilal Perabot mewakili diri sendiri.

## KES 23

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN PASARAYA NIRWANA (KEMAMAN) SDN. BHD.

MAHKAMAH MAJISTRET KEMAMAN  
NOMBOR SAMAN: 87-121-02/17  
MAJISTRET TUAN BADRUL MUNIR BIN HAMDY  
18 MEI 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Seksyen 33 - Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### FAKTA KES ●

Pada 12 Oktober 2016 jam lebih kurang 2.30 petang Penolong Penguasa Bomba Saifuddin bin Muhammad bersama Penolong Penguasa Bomba Imran bin Ismail dari Bahagian Keselamatan Kebakaran telah menjalankan pemeriksaan bagi tujuan perakuan bomba di alamat Pasaraya Nirwana Sdn. Bhd. Lot 2027 Jalan Kubang Kurus, 24000 Kemaman, Terengganu.

Semasa pemeriksaan didapati premis tersebut termasuk dalam kategori premis ditetapkan sepertimana perintah perkhidmatan bomba (premis ditetapkan) 1988 iaitu penggunaan premis kedai berkeluasan 2001 meter persegi dan lebih, di mana premis OKS adalah kedai dengan keluasan jumlah lantai 2308.36 meter persegi.

Pihak OKS gagal menunjukkan Perakuan Bomba berkuatkuasa setelah diminta, oleh yang demikian OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 58 akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

Bahawa kamu pada 12 Oktober 2016 lebih kurang jam 2.30 petang di premis Pasaraya Nirwana (Kemaman) Sdn Bhd, Lot 2027 Jalan Kubang Kurus, 24000 Kemaman, telah tidak mempunyai perakuan bomba yang berkuatkuasa berkenaan dengan premis ditetapkan seperimana mengikut Perintah Perkhidmatan Bomba (premis ditetapkan) 1988 (P.U.(A) 276/1988).

Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 33 Akta perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 58 akta yang sama.

#### DIPUTUSKAN:

Majistret Tuan Badrul Munir bin Hamdy telah menjatuhkan hukuman denda RM 3000.00.

#### KES YANG DIRUJUK:

Jurnal kes-kes pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Penguasa Bomba Muhammad Ashraff bin Mohd Amin bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Pasaraya Nirwana Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 24

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN MR. DIY (KUCHAI) SDN. BHD

MAHKAMAH MAJISTRET KUALA TERENGGANU  
NOMBOR SAMAN: KT: 87-341-03/2017  
MAJISTRET PUAN NORADILA BINTI AB. LATIF  
22 MEI 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 - Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES •

Pada 26.6.2017 jam lebih kurang 2.30 petang Penolong Kanan Penguasa Bomba Abdul Hafiz bin Nuwawi bersama Penolong Penguasa Bomba Saifuddin bin Mohamad dari Bahagian Keselamatan Kebakaran telah menjalankan pemeriksaan Penghapusan Bahaya Kebakaran (MBK) di premis MR. DIY (Kuchai) Sdn. Bhd. Lot 27 Pekan Cabang Tiga, 21000 Kuala Terengganu. Hasil pemeriksaan didapati wujudnya bahaya kebakaran iaitu:

1. Tidak terdapatnya pemasangan Sistem Penggera Kebakaran jenis pecah kaca di seluruh bangunan kedai.
2. Tida terdapat pemasangan Sistem Hos Gelong di seluruh bangunan kedai
3. Didapati tangga jalan keluar tidak mencukupi.

Pada 17 Julai 2016, Penguasa Bomba Mohamad Sobree bin Mohamed Salleh, Ketua Cawangan Penguatkuasa Bangunan telah mengeluarkan tiga (3) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran dengan tempoh 90 dan 120 hari berdasarkan notis agar pihak premis dapat menyediakan kelengkapan sebagaimana kehendak notis.

Pada 21.11.2016 lebih kurang jam 2.45 petang suatu pemeriksaan semula Menghapus Bahaya Kebakaran telah dibuat oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Azila binti Wahab bersama Penolong Kanan Penguasa Bomba Abdul Hafiz bin Nuwawi. Hasil pemeriksaan mendapati pihak premis telah gagal mematuhi 3 Notis yang dikeluarkan. Notis yang gagal dipatuhi adalah seperti berikut:

1. No. Notis – JBPM/TR/BKK:700-4/26/1-6(1/2016)

Gagal mengadakan pemasangan Sistem Penggera Kebakaran jenis pecah kaca sebanyak empat (4) unit iaitu satu unit alat pecah kaca bagi setiap tingkat mengikut syarat-syarat penentuan yang digunakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

2. No. Notis– JBPM/TR/BKK:700-4/26/1-6(2/2016)

Gagal mengadakan pemasangan Sistem Hose Reel sebanyak empat (4) unit iaitu satu unit Hose Reel bagi setiap tingkat mengikut syarat-syarat penentuan yang diguna paka oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

3. No. Notis– JBPM/TR/BKK:700-4/26/1-6(3/2016)

Gagal mengadakan tangga jalan keluar yang cukup dan selamat bagi setiap tingkat mengikut syarat dan penentuan yang digunapakai oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Oleh yang demikian OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh didakwa mengikut seksyen dan akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

**PERTUDUHAN PERTAMA**

Bahawasanya kamu, pada 21.11.2016, lebih kurang jam 2.45 petang di premis Lot 27, Pekan Cabang Tiga, 21000 Kuala Terengganu, Terengganu telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor 01/2016 bertarikh 17.7.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Gagal mengadakan pemasangan Sistem Hose Reel di keseluruhan bangunan.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum bawah seksyen dan Akta yang sama.

**PERTUDUHAN KEDUA**

Bahawasanya kamu, pada 21.11.2016, lebih kurang jam 2.45 petang di premis Lot 27, Pekan Cabang Tiga, 21000 Kuala Terengganu, Terengganu telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor 02/2016 bertarikh 17.7.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Gagal mengadakan pemasangan Sistem Penggera Kebakaran jenis pecah kaca di keseluruhan bangunan.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum bawah seksyen dan Akta yang sama.

**PERTUDUHAN KETIGA**

Bahawasanya kamu, pada 21.11.2016, lebih kurang jam 2.45 petang di premis Lot 27, Pekan Cabang Tiga, 21000 Kuala Terengganu, Terengganu telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor 03/2016 bertarikh 17.7.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Gagal mengadakan Tangga Jalan Keluar yang cukup dan selamat bagi setiap tingkat.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Pn Noradila binti Ab. Latif telah menjatuhkan hukuman denda Pertuduhan Pertama -RM 2000.00 gagal bayar 1 Bulan Penjara, Pertuduhan Kedua -RM 2000.00 gagal bayar 1 Bulan Penjara, Pertuduhan Ketiga -RM 2000.00 gagal bayar 1 Bulan Penjara.

**KES YANG DIRUJUK:**

Jurnal kes pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.



**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Thoyyibah binti Taib bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis MR. DIY (Kuchai) Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 25

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN HOTEL INAP

**MAHKAMAH MAJISTRET SELAYANG**  
**NOMBOR SAMAN: 87-401-1/17, 87-402-2/17**  
**MAJISTRET NURUL IZZAH BINTI HASSAN BASRI**  
**01 MEI 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### **FAKTA KES**

Pemeriksaan premis bagi tujuan penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Menghapus Bahaya-Bahaya Kebakaran) telah dijalankan di premis Hotel Inap No. 66-1, Jalan Prima SG3, Prima Sri Gombak, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan oleh PBK II Harun bin Hj. Ahmad Sali dan PB Samsudin Bin Saiman dari BBP Selayang pada 15.10.2015 jam lebihkurang 02.00 Petang.

Hasil pemeriksaan, di dapati wujud bahaya kebakaran di premis ini dan sebanyak 6 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah dikeluarkan kepada Hotel Inap yang bertarikh 28.12.2015.

Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran diserahkan kepada wakil premis dan diberi tempoh selama 120 hari untuk dipatuhi.

Pemeriksaan semula telah dilakukan oleh PBK II Abdul Razak bersama PBK II Harun bin Hj. Ahmad Sali pada 14.06.2016. Hasil pemeriksaan didapati sebanyak 6 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran gagal dipatuhi iaitu notis siri ZHS:365/2015, ZHS:366/2015, ZHS:367/2015, ZHS:368/2015, ZHS:369/2015 dan ZHS:370/2015.

Pada 01.09.2016 kertas siasatan telah dibuka, perlantikan dibuat bagi pegawai penyiasat iaitu PgB Arief Fikry bin Yusof dan pegawai pendakwa ialah PKPgB Ahmad Syauqi bin Abdullah.

#### **PERTUDUHAN:**

Bahawasanya kamu, Pengurus premis Hotel Inap No. 66-1, Jalan Prima SG3, Prima Sri Gombak, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan telah gagal mematuhi kehendak – kehendak yang dinyatakan dalam Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bil notis : ZHS:365/2015, ZHS:366/2015, ZHS:367/2015, ZHS:368/2015, ZHS:369/2015 dan ZHS:370/2015. Bertarikh 28.12.2015 dalam masa yang ditetapkan iaitu :

1. Didapati ruang tangga terlindung di tingkat 1 dipecah dan tiada pintu api.
2. Didapati pintu keluar di bahagian belakang di tingkat 1 dihalang dengan barang-barang.
3. Didapati pintu bilik sejumlah 24 unit bukan dari jenis api.
4. Didapati ruang tangga terlindung di tingkat 3 dipecah dan tiada pintu api.
5. Didapati tidak terdapat sistem hos gelung (Hose Reel).

6. Didapati tidak terdapat sistem penggera kebakaran.

Oleh yang demikian kamu telah melanggar seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 10, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Nurul Izzah binti Hassan Basri telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 5000.00 keatas 6 pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Ahmad Syauqi bin Abdullah bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Hotel Inap mewakili diri sendiri.

## KES 26

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN PERABOT AIKAMAY (KC0024238-M)

**MAHKAMAH MAJISTRET SUNGAI PETANI**  
**NOMBOR SAMAN: KB-87-145-03/2018 & KB-87-146-03/2018**  
**MAJISTRET TUAN MOHAMAD FAREED BIN ABD LATIF**  
**05 JUN 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### **FAKTA KES**

Pada 23.05.2015 jam lebih kurang 10.30 pagi, suatu Pemeriksaan Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Penolong Penguasa Bomba Mohd Faizol Izwan bin Hang Tuah bersama Pegawai Bomba Mohd zaini bin Khadir di premis Perabot Aikamay, 2g jalan Kampong Baru, 08000 Sungai Petani, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud di premis tersebut.

Pada 08.07.2015 sebanyak 4 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada pemilik perniagaan tersebut iaitu Kam Tack Poh (660708-02-5291) supaya pihak premis mematuhi kehendak-kehendak notis dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Pada 28.06.2016 jam lebih kurang 12.30 tengah hari, Penolong Penguasa Bomba Mohd Fakrul Radzi bin Bemawi bersama-sama Penolong Penguasa Bomba Mohd Faiz bin Helmi telah membuat Pemeriksaan Semula Penghapusan Bahaya Kebakaran di premis tersebut dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **PERTUDUHAN:**

##### **Pertuduhan Pertama**

Bahawasanya kamu, pada 28.06.2016 jam lebih kurang 12.30 tengahari di premis Perabot Aikamay, 2g Jalan Kampong Baru, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran KD/SGP 122/2015 bertarikh 08.07.2015 iaitu mengadakan Tangga Keselamatan Kedua di bangunan Perabot Aikamay seperti mana mengikut kehendak Jadual Ke Sepuluh, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 mengikut piawaian yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **Pertuduhan Kedua**

Bahawasanya kamu, pada 28.06.2016 jam lebih kurang 12.30 tengahari di premis Perabot Aikamay, 2g Jalan Kampong Baru, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran KD/SGP 123/2015 bertarikh 08.07.2015 iaitu mengadakan Sistem Gelung Hos Hidraulik di bangunan Perabot Aikamay tersebut mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **Pertuduhan Ketiga**

Bahawasanya kamu, pada 28.06.2016 jam lebih kurang 12.30 tengahari di premis Perabot Aikamay, 2g Jalan Kampong Baru, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran KD/SGP 124/2015 bertarikh 08.07.2015 iaitu mengadakan Sistem Penggera Elektrik Manual di bangunan Perabot Aikamay seperti mana kehendak jadual ke sepuluh, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 mengikut piawaian yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **Pertuduhan Pertama**

Bahawasanya kamu, pada 28.06.2016 jam lebih kurang 12.30 tengahari di premis Perabot Aikamay, 2g Jalan Kampong Baru, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran KD/SGP 125/2015 bertarikh 08.07.2015 iaitu mengadakan Unit Titik Isyarat (Lampu Kecemasan ) di bangunan Perabot Aikamay seperti mana mengikut kehendak jadual ke sepuluh, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 mengikut kehendak piawaian yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **DIPUTUSKAN:**

Hakim Tuan Mohamad Fareed bin Abd Latif jatuhkan hukuman denda sebanyak RM 1,500 atau 1 bulan penjara setiap pertuduhan.

### **KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

### **UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Rahimi bin Ali bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Perabot Aikamay mewakili diri sendiri.

**KES 27**

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA, NEGERI KEDAH  
LAWAN  
D WIFI HOTEL SDN BHD (808829-A)**

**MAHKAMAH MAJISTRET SUNGAI PETANI**

**NOMBOR SAMAN: 87-570-04/2016**

**MAJISTRET TUAN MOHD HADI HAKIMI BIN HARUN / TUAN MOHD FARED  
BIN ABD LATIF**

**8 JUN 2017 – KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN (PIHAK PENDAKWAAN GAGAL  
PRIMA FACIE KES, OKS DILEPASKAN DAN DIBEBASKAN)**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

**FAKTA KES**

Pada 04.08.2014 jam lebih kurang 12.15 tengah hari, suatu Pemeriksaan Premis Penghapusan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Hadziri bin Ibrahim bersama-sama Pegawai Bomba Kanan II Izham bin Bahari di premis D Wifi Hotel Sdn Bhd, No. 46 & 47, Jalan Tunku Haminah 1, Taman Tuanku Haminah, 08000 Sungai Petani, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud pada premis tersebut.

Pada 06.08.2014 sebanyak 4 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada wakil premis tersebut iaitu Lim Swee Fong (880904-02-5146).

Pada 03.03.2015 jam lebih kurang 11.00 tengah hari, Penolong Penguasa Bomba Mohd Faiz bin Helmi bersama Penolong Penguasa Bomba Mohd Fakrul Radzi bin Bemawi telah membuat Pemeriksaan Semula Penghapusan Bahaya Kebakaran dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

**LAMPIRAN A**

**Pertuduhan Pertama**

Bahawasanya kamu, D WIFI HOTEL SDN BHD, No. 46 & 47, Jalan Tunku Haminah 1, Taman Tuanku Haminah, 08000 Sungai Petani, Kedah. Pada 03.03.2015 jam lebih kurang 11.00 pagi telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/SGP 39/2014 bertarikh 06.08.2014 iaitu didapati pintu api ketahanan 1 jam di bilik hotel sebanyak 23 bilik ditukar ke pintu kayu yang tidak mempunyai “rating” rintangan api, integriti dan insulasi sekaligus berpotensi menjadi sukar bagi pelepasan diri sekiranya berlaku kebakaran sepertimana tafsiran bahaya kebakaran seksyen 2 (d) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 supaya menggantikan semula pintu kayu tersebut dengan pintu

api baik setiap masa dalam tempoh 40 hari. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Pihak pendakwaan gagal mewujudkan prima facie kes. OKS dilepaskan dan dibebaskan (DNA).

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Rahimi bin Ali bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis DWifi Hotel Sdn. Bhd. diwakili oleh Peguambela En. C. Shanmugaiah & Co.



**KES 28**

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA, NEGERI KEDAH  
LAWAN  
NR RECREATION SDN BHD (965497-V)**

**MAHKAMAH MAJISTRET KULIM  
NOMBOR SAMAN: 87-325-05/2016 & 87-325-05/2016  
PUAN MANOMANI A/P RAMANATHAN  
12 JUN 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

**FAKTA KES**

Pada 10.07.2012 jam lebih kurang 3.00 petang, suatu Pemeriksaan Premis Penghapusan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Penolong Penguasa Bomba Mohd Faizol Izwan bin Hang Tuah bersama-sama Pegawai Bomba Mohd Zamri bin Abu Bakar di premis D Keriangan Hotel, No. 1 Tingkat 1, Jalan Damai II, Taman Damai, 09400 Padang Serai, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud di premis tersebut.

Pada 22.07.2012 sebanyak 10 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada wakil premis tersebut iaitu Solehah binti Mohamad (870409-02-5748).

Pada 12.01.2015 jam lebih kurang 4.10 petang, Penolong Kanan Penguasa Bomba Rusnida binti Abd Manap bersama Penolong Penguasa Bomba Noor Azizah binti Adnan telah membuat Pemeriksaan Semula Penghapusan Bahaya Kebakaran dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

**LAMPIRAN A**

**Pertuduhan Pertama**

Bahawasanya kamu, NR RECREATION SDN BHD ( 965497-V). Pada 12.01.2015 jam lebih kurang 4.10 petang bertempat di premis D Keriangan Hotel, No.1, Tingkat 1, Jalan Damai II, Taman Damai, 09400 Padang Serai, Kedah Darul Aman telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/ZKM 443/2012 bertarikh 22.07.2012 iaitu tidak terdapat pintu api di bilik no. 101 di tingkat satu supaya mengadakan pintu api di bilik no. 101 di tingkat satu dalam tempoh 30 hari. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **Pertuduhan Kedua**

Bahawasanya kamu, NR RECREATION SDN BHD ( 965497-V). Pada 12.01.2015jam lebih kurang 4.10 petang bertempat di premis D Keriangan Hotel, No.1, Tingkat 1, Jalan Damai II, Taman Damai, 09400 Padang Serai, Kedah Darul Aman telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/ZKM 444/2012 bertarikh 22.07.2012 iaitu tidak terdapat pintu api di bilik no. 102 di tingkat satu supaya mengadakan pintu api di bilik no. 102 di tingkat satu dalam tempoh 30 hari. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **Pertuduhan Ketiga**

Bahawasanya kamu, NR RECREATION SDN BHD ( 965497-V). Pada 12.01.2015jam lebih kurang 4.10 petang bertempat di premis D Keriangan Hotel, No.1, Tingkat 1, Jalan Damai II, Taman Damai, 09400 Padang Serai, Kedah Darul Aman telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/ZKM 445/2012 bertarikh 22.07.2012 iaitu tidak terdapat pintu api di bilik no. 103 di tingkat satu supaya mengadakan pintu api di bilik no. 103 di tingkat satu dalam tempoh 30 hari. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

## **LAMPIRAN B**

### **Pertuduhan Pertama**

Bahawasanya kamu, NR RECREATION SDN BHD ( 965497-V). Pada 12.01.2015 jam lebih kurang 4.10 petang bertempat di premis D Keriangan Hotel, No.1, Tingkat 1, Jalan Damai II, Taman Damai, 09400 Padang Serai, Kedah Darul Aman telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/ZKM 446/2012 bertarikh 22.07.2012 iaitu tidak terdapat pintu api di bilik no. 104 di tingkat satu supaya mengadakan pintu api di bilik no. 104 di tingkat satu dalam tempoh 30 hari. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **DIPUTUSKAN:**

Hakim Puan Manomani A/P Ramanathan telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 3,000.00 atau 3 bulan penjara bagi setiap pertuduhan. Mahkamah perintahkan OKS untuk melaksanakan kerja pematuhan notis dalam tempoh empat bulan.

### **KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

### **UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Kanan Bomba II Rahimi bin Ali bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis NR Recreation Sdn. Bhd. Diwakili oleh peguambela En. Saiful Ambar dan En. Ramasamy

## KES 29

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN KU AHMAD ROSIDI BIN KU MAT ESA (670815-09-5139)

MAHKAMAH MAJISTRET KULIM  
NOMBOR SAMAN: 87-124-04/2015 87-124-04/2015  
PUAN MANOMANI A/P RAMANATHAN  
12 JUN 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A)

#### FAKTA KES

Pada 10.04.2012 jam lebih kurang 11.30 pagi, suatu pemeriksaan Penghapusan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Ghazali bin Mahmud, bersama-sama Penolong Penguasa Bomba Mohd Faisol bin Hang Tuah dan Pegawai Kanan Bomba II Mohd Faisol bin Shuaib di premis D Keriangan Hotel beralamat Plot 707, Taman Seluang, 09400 Kulim, Kedah dan mendapati terdapat 10 bahaya kebakaran wujud di premis tersebut.

Pada 18.04.2012 sebanyak 10 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada Noraini binti Yusuf (660304-08-6480) yang merupakan wakil kepada premis tersebut pada ketika itu.

Pada 9.9.2012 jam lebih kurang 2.26 petang, Penolong Penguasa Bomba Poh Leong Soon bersama Pegawai Bomba Muhammad Zaini bin Shaari telah membuat pemeriksaan semula dan mendapati terdapat 10 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

#### LAMPIRAN A

##### Pertuduhan Pertama

Bahawasanya kamu, Ku Ahmad Rosidi bin Ku Mat Esa (670815-09-5139) Pemilik *NR RECREATION SOLUTION* yang beralamat di No 1, Tingkat 1, Jalan Damai II, Taman Damai 09400 Padang Serai, Kedah pada 09.09.2012 jam lebih kurang 2.26 petang di D Keriangan Hotel, Plot 707, Taman Seluang, 09400 Kulim, Kedah telah gagal mematuhi kehendak-kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/ZKM 70/2012 bertarikh 18.04.2012 iaitu Tidak terdapatnya pintu api di bilik no. 203 di tingkat atas supaya Mengadakan pintu api di bilik no 203 di tingkat atas mengikut kelulusan JBPM dalam tempoh 30 hari. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **Pertuduhan Kedua**

Bahawasanya kamu, Ku Ahmad Rosidi bin Ku Mat Esa (670815-09-5139) Pemilik *NR RECREATION SOLUTION* yang beralamat di No 1, Tingkat 1, Jalan Damai II, Taman Damai 09400 Padang Serai, Kedah pada 09.09.2012 jam lebih kurang 2.26 petang di D Keriangan Hotel, Plot 707, Taman Seluang, 09400 Kulim, Kedah telah gagal mematuhi kehendak-kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/ZKM 72/2012 bertarikh 18.04.2012 iaitu Tidak terdapatnya pintu api di bilik no. 201 di tingkat atas supaya Mengadakan pintu api di bilik no 201 di tingkat atas mengikut kelulusan JBPM dalam tempoh 30 hari. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **Hukuman**

Boleh didenda bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 iaitu denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan denda tambahan sebanyak satu ratus ringgit bagi setiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

### **Pertuduhan Ketiga**

Bahawasanya kamu, Ku Ahmad Rosidi bin Ku Mat Esa (670815-09-5139) Pemilik *NR RECREATION SOLUTION* yang beralamat di No 1, Tingkat 1, Jalan Damai II, Taman Damai 09400 Padang Serai, Kedah pada 09.09.2012 jam lebih kurang 2.26 petang di D Keriangan Hotel, Plot 707, Taman Seluang, 09400 Kulim, Kedah telah gagal mematuhi kehendak-kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/ZKM 73/2012 bertarikh 18.04.2012 iaitu Tidak terdapatnya pintu api di bilik no. 104 di tingkat bawah supaya Mengadakan pintu api di bilik no 104 di tingkat bawah mengikut kelulusan JBPM dalam tempoh 30 hari. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

## **LAMPIRAN B**

### **Pertuduhan Pertama**

Bahawasanya kamu, Ku Ahmad Rosidi bin Ku Mat Esa (670815-09-5139) Pemilik *NR RECREATION SOLUTION* yang beralamat di No 1, Tingkat 1, Jalan Damai II, Taman Damai 09400 Padang Serai, Kedah pada 09.09.2012 jam lebih kurang 2.26 petang di D Keriangan Hotel, Plot 707, Taman Seluang, 09400 Kulim, Kedah telah gagal mematuhi kehendak-kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/ZKM 74/2012 bertarikh 18.04.2012 iaitu Tidak terdapatnya pintu api di bilik no. 102 di tingkat bawah supaya Mengadakan pintu api di bilik no 102 di tingkat bawah mengikut kelulusan JBPM dalam tempoh 30 hari. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **Pertuduhan Kedua**

Bahawasanya kamu, Ku Ahmad Rosidi bin Ku Mat Esa (670815-09-5139) Pemilik *NR RECREATION SOLUTION* yang beralamat di No 1, Tingkat 1, Jalan Damai II, Taman Damai 09400 Padang Serai,

Kedah pada 09.09.2012 jam lebih kurang 2.26 petang di D Keriangan Hotel, Plot 707, Taman Seluang, 09400 Kulim, Kedah telah gagal mematuhi kehendak-kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/ZKM 75/2012 bertarikh 18.04.2012 iaitu Tidak terdapatnya pintu api di bilik no. 103 di tingkat bawah supaya Mengadakan pintu api di bilik no 103 di tingkat bawah mengikut kelulusan JBPM dalam tempoh 30 hari. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

OKS telah mengaku salah di atas pertuduhan tersebut. Majistret Puan Puan Manomani a/p Ramanathan telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM2500.00 atau 3 bulan penjara x 5 pertuduhan

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Sallehuddin bin Darawi bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pemilik *NR Recreation Solution* Diwakili oleh peguambela En. Saiful Ambar dan En. Azah

## KES 30

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN IKA HOUSEWARE (SP) SDN BHD

**MAHKAMAH MAJISTRET SUNGAI PETANI**  
**NOMBOR SAMAN: 87-404-06/2017**  
**MAJISTRET TUAN MOHD FAREED BIN ABD. LATIF**  
**20 JUN 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### **FAKTA KES**

Pada 06.07.2015 jam lebih kurang 1.25 petang, satu Pemeriksaan Premis Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Penolong Penguasa Bomba Mohd Fakrul Radzi bin Bemawi bersama Penolong Penguasa Bomba Mohd Faiz bin Helmi telah membuat Pemeriksaan Pengenalpastian Menghapuskan Bahaya Kebakaran di premis IKA Houseware (SP) Sdn Bhd, No. 11, Jalan Bank, 08000 Sungai Petani, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud pada premis tersebut.

Pada 02.09.2015 sebanyak 5 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada wakil premis tersebut iaitu Amiruddin bin Abd Malek (901215-02-5941) supaya pihak premis mematuhi kehendak-kehendak notis dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Pada 14.03.2016 jam lebih kurang 12.00 tengah hari, Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Hadziri bin Ibrahim bersama-sama Penolong Penguasa Bomba Mohd Faiz bin Helmi telah membuat Pemeriksaan Semula Penghapusan Bahaya Kebakaran di premis tersebut dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **PERTUDUHAN:**

##### **Pertuduhan Pertama**

Bahawasanya kamu, pada 14.03.2016 jam lebih kurang 12.00 petang di premis Ika Houseware (Sp) Sdn Bhd, No.11, Jalan Bank, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran KD/SGP 230/2015 bertarikh 02.09.2015 iaitu mengadakan Sistem Penggera Kebakaran Elektrik Manual di bangunan kedai Ika Houseware (SP) Sdn. Bhd mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Hakim Tuan Mohd Fareed bin Abd. Latif jatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Rahimi bin Ali bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Ika Houseware (SP) Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.



## KES 31

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN LOW BOON PING (860513-02-5781)

MAHKAMAH MAJISTRET 3 ALOR SETAR  
NOMBOR SAMAN: 87-674-05/2017  
MAJISTRET PUAN NOOR FARAH HAZWANI BINTI OSMAN  
21 JUN 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES •

Pada 27.07.2015 jam lebih kurang 03.30 petang, suatu Pemeriksaan Premis Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Ridzuan bin Nut Jamudin bersama Penolong Penguasa Bomba Ariff Fazila bin Hj. Ani di premis Pasaraya Borong Din AS, 202-206, Taman Bandar Baru Mergong, Persiaran Bandar Baru Mergong, 05150 Alor Setar, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud di premis tersebut.

Pada 18.08.2015 sebanyak 4 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada wakil premis tersebut iaitu Yee Hui Siang (860119-40-5065) supaya pihak premis mematuhi kehendak-kehendak Notis dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Pada 02.02.2016 jam lebih kurang 04.40 petang, Penolong Penguasa Bomba Mohd Hafizie bin Hassan bersama-sama Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Ridzuan bin Nut Jamudin telah membuat Pemeriksaan Semula Penghapusan Bahaya Kebakaran di premis tersebut dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

##### Pertuduhan Pertama

Bahawasanya kamu, pada 02.02.2016 jam lebih kurang 4.40 petang di premis PASARAYA BORONG DIN AS 202-206, Taman Bandar Baru Mergong, Persiaran Bandar Baru Mergong, 05150 Alor Setar, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. JBPM/KD/ZKS:222/2015 bertarikh 03.08.2015 iaitu didapati terdapatnya bukaan pada ruangan tangga terlindung pada lot 202,203,205 dan 206 di setiap tingkat. Merujuk seksyen 2(a) yang boleh mengancam kepada keselamatan nyawa jika berlaku kebakaran supaya Mengadakan semula tangga terlindung pada lot 202,203,205 dan 206 di setiap tingkat premis dalam tempoh 30 hari. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Hakim Puan Noor Farah Hazwani binti Osman jatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000 atau 3 bulan penjara.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Rahimi bin Ali bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Low Boon Ping mewakili diri sendiri.

## KES 32

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
LAWAN  
*HAP WATT MOTORS (K) SDN BHD (191629-H)***

**MAHKAMAH MAJISTRET 3 ALOR SETAR  
NOMBOR SAMAN: KA-87-910-07/2017  
MAJISTRET PUAN NOOR FARAH HAZWANI BINTI OSMAN  
21 JUN 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

### **FAKTA KES**

Pada 22.02.2016 jam lebih kurang 3.30 petang, suatu pemeriksaan premis bagi tujuan penghapusan bahaya kebakaran telah dilakukan oleh PKPgB Mohd Ridzuan bin Nut Jamudin dan PPgB Mohd Iqwan bin Ehsan di *HAP WATT MOTORS (K) SDN BHD*, 220& 221, Batu 3 ½, Jalan Sungai Korok, 05400 Alor Setar, Kedah (191629-H) dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud di premis tersebut.

Pada 03.3.2016 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bertarikh 25.02.2016 telah disampaikan kepada *HAP WATT MOTORS (K) SDN BHD*, 220& 221, Batu 3 ½, Jalan Sungai Korok, 05400 Alor Setar, Kedah (191629-H) untuk dipatuhi dalam tempoh yang ditetapkan.

Pada 21.09.2016 jam lebih kurang 1.30 petang, PKPgB Anbarasan A/L Yasiminan dan PPgB Ariff Fazila bin Haji Ani telah membuat Pemeriksaan Semula dan mendapati Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tersebut masih tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **PERTUDUHAN:**

#### **Pertuduhan Pertama**

Bahawa kamu, pada tarikh 21.09.2016 jam lebih kurang 1.30 petang bertempat di *HAP WATT MOTORS (K) SDN BHD*, 220& 221, Batu 3 ½, Jalan Sungai Korok, 05400 Alor Setar, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. JBPM/KD/ZKS: 37/2016 bertarikh 25.02.2016 dalam masa 180 hari iaitu gagal Mengadakan Sistem Hos Gelung dan Sistem Penggera Kebakaran Elektrik Manual di dalam premis *Hap Watt Motors (K) Sdn. Bhd.* Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **DIPUTUSKAN:**

Hakim Puan Noor Farah Hazwani binti Osman jatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000 atau 3 bulan penjara.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Sallehuddin bin Darawi bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis *Hap Watt Motors* (K) Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 33

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN CHANGLI WELDING WORKS SENDIRIAN BERHAD (79476-H)

MAHKAMAH MAJISTRET 3 ALOR SETAR  
NOMBOR SAMAN: 87-350-03/2017  
MAJISTRET PUAN NOOR FARAH HAZWANI BINTI OSMAN  
21 JUN 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES •

Pada 22.02.2016 jam lebih kurang 4.45 petang, suatu Pemeriksaan Pengenalpastian Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Ridzuan bin Nut Jamudin bersama Penolong Penguasa Bomba Mohd Iqwan bin Ehsan di Changli *Welding Works* Sendirian Berhad, Lot 3840, Batu 5, Jalan Simpang Empat 06650 Alor setar, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud di premis tersebut.

Pada 03.03.2016 sebanyak 3 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bertarikh 25.02.2016 telah disampaikan kepada wakil premis tersebut iaitu Tang Ai Leng (810915-02-5404) supaya pihak premis mematuhi kehendak-kehendak Notis dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Pada 21.09.2016 jam lebih kurang 1.00 petang, Penolong Kanan Penguasa Bomba Anbarasan a/l Yasiminan bersama-sama Penolong Penguasa Bomba Arif Fazila bin Hj Ani telah membuat Pemeriksaan Semula Penghapusan Bahaya Kebakaran di premis tersebut dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

#### LAMPIRAN A

##### Pertuduhan Pertama

Bahawasanya kamu, pada 21.09.2016 jam lebih kurang 1.00 petang di premis Changli *Welding Works* Sendirian Berhad, Lot 3840, Batu 5, Jalan Simpang Empat, 06650 Alor Setar, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran JBPM/KD/ZKS:41/2016 bertarikh 25.02.2016 iaitu mengadakan Sistem Hos Gelung dan Sistem Penggera Kebakaran Elektrik Manual di dalam premis Changli *Welding Works* Sdn. Bhd., dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Hakim Puan Noor Farah Hazwani binti Osman jatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000 atau 3 bulan penjara.

**KES YANG DIRUJUK:**

Pada 13.05.2016 sebanyak lapan (8) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bertarikh 13.05.2016 telah disampaikan kepada wakil premis New Hua Kiew Homestay, Lot 910-911, Jalan Lee Tak, 98000 Miri iaitu Hii Sing Choon (850509-13-5567).

Pada 13.09.2016 jam lebih kurang 14.05 petang, PgKB II Ahmad Nizam bin Sapaiee bersama seorang pegawai BBP Lopeng telah membuat Pemeriksaan Semula Penghapusan Bahaya Kebakaran di premis New Hua Kiew Homestay, Lot 910-911, Jalan Lee Tak, 98000 Miri dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian premis telah melanggar kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

##### Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu, New Hua Kiew Homestay yang beralamat di Lot 910-911, Jalan Lee Tak, 98000 Miri telah pada 13.09.2016 jam lebih kurang 14.05 petang telah tidak mematuhi kehendak-kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran JBPM/SK/ZMI:700-4/28/3 Bil. 266/2016 bertarikh 13.05.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu gagal memindahkan sebarang halangan kotak-kotak di tangga terlindung di tingkat bawah bangunan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **Pertuduhan Kedua**

Bahawa kamu, New Hua Kiew Homestay yang beralamat di Lot 910-911, Jalan Lee Tak, 98000 Miri telah pada 13.09.2016 jam lebih kurang 14.05 petang telah tidak mematuhi kehendak-kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran JBPM/SK/ZMI:700-4/28/3 Bil. 267/2016 bertarikh 13.05.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu gagal mengadakan pintu api di bilik 301 tingkat tiga bangunan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **Pertuduhan Ketiga**

Bahawa kamu, New Hua Kiew Homestay yang beralamat di Lot 910-911, Jalan Lee Tak, 98000 Miri telah pada 13.09.2016 jam lebih kurang 14.05 petang telah tidak mematuhi kehendak-kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran JBPM/SK/ZMI:700-4/28/3 Bil. 268/2016 bertarikh 13.05.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu gagal mengadakan pintu api di bilik 303 tingkat tiga bangunan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **DIPUTUSKAN:**

Majistret Tn Zuraini binti Ali Musa telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 1,400.00 bagi pertuduhan pertama, RM 3,900.00 bagi pertuduhan kedua dan RM 4,500.00 bagi pertuduhan ketiga.

### **KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

### **UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

### **PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Naddzmee Hi-Fi Syam bin Ahmad Jamil bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

### **ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis New Hua Kiew Homestay Sdn. Bhd. Mewakili diri sendiri.

## KES 40

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN *HOMEPRO FURNISHING SDN BHD (1095718-M)*

MAHKAMAH MAJISTRET SUNGAI PETANI  
NOMBOR SAMAN: 87-370-05/2017 & 87-371-05/2017  
MAJISTRET TUAN MOHD FAREED BIN ABD. LATIF  
09 OGOS 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES

Pada 03.06.2015 jam lebih kurang 11.20 pagi, suatu Pemeriksaan Penghapusan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Hadziri bin Ibrahim bersama Pegawai Bomba Kanan II Izham bin Bahari di premis *Homepro Furnishing Sdn Bhd*, 165-168, Jalan Melati 1, Zone Melati, Bandar Amanjaya 08000 Sungai Petani, Kedah dan mendapati wujud bahaya kebakaran di premis tersebut.

Pada 08.07.2015 sebanyak 5 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada wakil premis tersebut iaitu Teow Boon Shyan (891020-02-5443) supaya pihak premis mematuhi kehendak-kehendak notis dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Pada 08.03.2016 jam lebih kurang 12.15 tengah hari, Penguasa Bomba Mohamad Mustakim bin Mukhtar bersama-sama Penolong Penguasa Bomba Mohd Faiz bin Helmi telah membuat Pemeriksaan Semula Penghapusan Bahaya Kebakaran di premis tersebut dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

##### Pertuduhan Pertama

Bahawasanya kamu, pada 08.03.2016 jam lebih kurang 12.15 tengahari di premis *HomePro Furnishing Sdn Bhd*, 166-168, Jalan Melati 1, Zone Melati, Bandar Amanjaya, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran KD/SGP 147/2015 bertarikh 08.07.2015 iaitu mengadakan pemasangan Sistem Hos Gelung di bangunan kedai *HomePro Furnishing Sdn Bhd* mengikut mana-mana penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan memastikan kelengkapan menentang kebakaran sentiasa berada dalam keadaan baik setiap masa. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **Pertuduhan Kedua**

Bahawasanya kamu, pada 08.03.2016 jam lebih kurang 12.15 tengahari di premis *HomePro Furnishing Sdn Bhd*, 166-168, Jalan Melati 1, Zone Melati, Bandar Amanjaya, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran KD/SGP 148/2015 bertarikh 08.07.2015 iaitu mengadakan pemasangan Sistem Pengesan Api Automatik di seluruh bangunan kedai *HomePro Furnishing Sdn Bhd* mengikut mana-mana penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan memastikan kelengkapan menentang kebakaran sentiasa berada dalam keadaan baik setiap masa. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **Pertuduhan Ketiga**

Bahawasanya kamu, pada 08.03.2016 jam lebih kurang 12.15 tengahari di premis *HomePro Furnishing Sdn Bhd*, 166-168, Jalan Melati 1, Zone Melati, Bandar Amanjaya, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran KD/SGP 149/2015 bertarikh 08.07.2015 iaitu mengadakan pemasangan Sistem Penggera Kebakaran Elektrik Manual di keseluruhan bangunan kedai *HomePro Furnishing Sdn Bhd* mengikut mana-mana penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan memastikan kelengkapan menentang kebakaran sentiasa berada dalam keadaan baik setiap masa. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

## **LAMPIRAN B**

### **Pertuduhan Pertama**

Bahawasanya kamu, pada 08.03.2016 jam lebih kurang 12.15 tengahari di premis *HomePro Furnishing Sdn Bhd*, 166-168, Jalan Melati 1, Zone Melati, Bandar Amanjaya, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran KD/SGP 150/2015 bertarikh 08.07.2015 iaitu mengadakan 1 unit Pintu Keluar di bahagian hadapan tingkat 1, No. 166 bangunan kedai *HomePro Furnishing Sdn Bhd* sentiasa berada dalam keadaan baik setiap masa. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **Pertuduhan Kedua**

Bahawasanya kamu, pada 08.03.2016 jam lebih kurang 12.15 tengahari di premis *HomePro Furnishing Sdn Bhd*, 166-168, Jalan Melati 1, Zone Melati, Bandar Amanjaya, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran KD/SGP 151/2015 bertarikh 08.07.2015 iaitu mengadakan 1 unit Pintu Keluar kedua di bahagian basement No. 166 bangunan kedai *HomePro Furnishing Sdn Bhd* sentiasa berada dalam keadaan baik setiap masa. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Hakim Tuan Mohd Fareed bin Abd. Latif jatuhkan hukuman denda sebanyak: Pertuduhan 1 = RM 650, Pertuduhan 2 = RM 600, Pertuduhan 3 = RM 650, Pertuduhan 4 = RM 550, Pertuduhan 5 = RM 550. OKS bayar RM 3,000 bagi 2 kes, 5 pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Kanan Bomba II Rahimi bin Ali bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis *Homepro Furnishing Sdn. Bhd.* mewakili diri sendiri.



## KES 41

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN PERBADANAN PENGURUSAN IXORA

**MAHKAMAH MAJISTRET JENAYAH 8, KUALA LUMPUR**  
**NOMBOR SAMAN: 87 8405-02/ 2017 & 87 8406-02/2017**  
**MAJISTRET TUAN ZUHAIR BIN RUSLI**  
**15 OGOS 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### **FAKTA KES**

Pada 08 Januari 2016 lebih kurang jam 10:30 pagi, PKPgB Mohamad Hasbullah Naimi Bin Mohmood bersama-sama PB Mohamad Syahrul Hafizi Bin Norisham Bahagian Keselamatan Kebakaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur telah membuat pemeriksaan Menghapus Bahaya Kebakaran di Ixora Apartment, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur. Hasil daripada pemeriksaan tersebut didapati wujudnya tiga puluh dua (32) bahaya kebakaran di premis tersebut iaitu, bilangan Notis: MBK 01/2016 hingga MBK 32/2016.

Pada 14 Januari 2016 sebanyak tiga puluh dua (32) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran iaitu MBK 01/2016 hingga MBK 32/2016 telah dikeluarkan dan premis diberi tempoh selama 120 hari bagi tujuan menghapuskan bahaya-bahaya kebakaran yang disebutkan di atas.

Pada 25 Mei 2016 jam 01:45 petang, pemeriksaan semula telah dibuat oleh PgB Rosdi Fitri Bin Roslan bersama PB Mohamad Syahrul Hafizi Bin Norisham dari Bahagian Keselamatan Kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur, didapati lima belas (15) kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bertarikh 14.01.2016 dipatuhi manakala didapati tujuh (7) kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bertarikh 14.01.2016 tidak dipatuhi (rujuk notis MBK 03/2016, MBK 04/2016, MBK12/2016, MBK 13/2016, MBK 14/2016, MBK 21/2016 dan MBK 22/2016).

Pada 30 Jun 2016, satu aduan mengenai kesalahan tersebut telah dibuat bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) ke Cawangan Pendakwaan, Bahagian Penyiasatan Kebakaran JBPM Kuala Lumpur.

Pada 10 November 2016, Pegawai Penyiasat yang dilantik telah melakukan siasatan di premis Ixora Apartment dan didapati benar pihak pengurusan Ixora Apartment iaitu Perbadanan Pengurusan Ixora masih gagal mematuhi empat notis yang telah dikeluarkan.

1. Bilangan Notis: MBK 03/2016 terdapat louver di dalam bilik janakuasa yang menyebabkan sistem pemasangan tetap CO2 tidak dapat berfungsi dengan berkesan
2. Bilangan Notis: MBK 12/2016 kerosakan di lif bomba di Blok 3 yang menyebabkan kesukaran pihak bomba mengambil milik lif tersebut bagi kegunaan eksklusif dalam masa kecemasan.

3. Bilangan Notis: MBK 14/2016 kerosakan transfer pump bagi sistem pancur menurun di Blok 5 yang ditempatkan di bilik pam di tingkat bawah yang menyebabkan sistem tersebut tidak dapat digunakan bagi maksud menentang kebakaran
4. Bilangan Notis: MBK 22/20116 kerosakan transfer pump bagi sistem pancur menurun di Blok 7 yang ditempatkan di bilik pam di tingkat bawah yang menyebabkan sistem tersebut tidak dapat digunakan bagi maksud menentang kebakaran

Oleh yang demikian, OKS iaitu Perbadanan Pengurusan Ixora telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

- i. Bahawa kamu, pada tarikh 25 Mei 2016 jam lebih kurang 01:45 petang bertempat di Ixora Apartment, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. MBK 03/2016 bertarikh 14 Januari 2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu terdapat louver di dalam bilik janakuasa yang menyebabkan sistem pemasangan tetap CO2 tidak dapat berfungsi dengan berkesan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.
- ii. Bahawa kamu, pada tarikh 25 Mei 2016 jam lebih kurang 01:45 petang bertempat di Ixora Apartment, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. MBK 12/2016 bertarikh 14 Januari 2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu kerosakan pada lif Bomba di Blok 3 yang menyebabkan kesukaran pihak Bomba mengambil milik lif tersebut bagi kegunaan eksklusif dalam masa kecemasan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.
- iii. Bahawa kamu, pada tarikh 25 Mei 2016 jam lebih kurang 01:45 petang bertempat di Ixora Apartment, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. MBK 14/2016 bertarikh 14 Januari 2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu kerosakan transfer pump bagi sistem pancur menurun di Blok 5 yang ditempatkan di bilik pam di tingkat bawah yang menyebabkan sistem tersebut tidak dapat digunakan bagi maksud menentang kebakaran. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.
- iv. Bahawa kamu, pada tarikh 25 Mei 2016 jam lebih kurang 01:45 petang bertempat di Ixora Apartment, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. MBK 22/2016 bertarikh 14 Januari 2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu kerosakan transfer pump bagi sistem pancur menurun di Blok 7 yang ditempatkan di bilik pam di tingkat bawah yang menyebabkan sistem tersebut tidak dapat digunakan bagi maksud menentang kebakaran. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda RM 500.00 bagi setiap kesalahan. Jumlah keseluruhan denda adalah RM2000.00.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

PgB Mohd Yunus Bin Ibrahim

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Perbadanan Pengurusan Ixora diwakili oleh peguambela Zulkifli Bin Awang.

## KES 42

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN PASARAYA K-CERIA SDN BHD

**MAHKAMAH MAJISTRET ALOR SETAR  
NOMBOR SAMAN: KA-87-892-07/2017  
MAJISTRET TUAN ARIF BIN MOHAMAD  
21 OGOS 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### **FAKTA KES**

Pada 30.06.2015 jam lebih kurang 12.15 tengahari, suatu pemeriksaan premis bagi tujuan menghapuskan bahaya kebakaran telah dilakukan oleh PKPgB Mohd Ridzuan bin Nut Jamudin dan PPgB Ariff Fazila bin Haji Ani di Pasaraya K-Ceria (Kuala Kedah) Sdn Bhd, No. 1, 2, 3 & 3A, Jalan Seri Dayung 1, 06600 Bandar Kuala Kedah, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran yang wujud pada premis tersebut.

Pada 13.07.2015 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bertarikh 06.07.2015 telah disampaikan kepada Pasaraya K-Ceria (Kuala Kedah) Sdn Bhd, No. 1, 2, 3 & 3A, Jalan Seri Dayung 1, 06600 Bandar Kuala Kedah, Kedah untuk dipatuhi dalam tempoh yang ditetapkan.

Pada 02.02.2016 jam lebih kurang 3.50 petang, PPgB Mohd Hafizie bin Hassan dan PKPgB Mohd Ridzuan bin Nut Jamudin telah membuat Pemeriksaan Semula dan mendapati Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tersebut masih tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

#### **PERTUDUHAN:**

##### **Pertuduhan Pertama**

Bahawa kamu, pada tarikh 02.02.2016 jam lebih kurang 3.50 petang bertempat di Pasaraya K-Ceria (Kuala Kedah) Sdn Bhd, No. 1, 2, 3 & 3A, Jalan Seri Dayung 1, 06600 Bandar Kuala Kedah, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. JBPM/KD/ZKS:144/2015 bertarikh 06.07.2015 dalam masa yang ditetapkan iaitu gagal mengadakan 'protected lift' di setiap tingkat. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **DIPUTUSKAN:**

Hakim Tuan Arif bin Mohamad menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2500.00 atau 10 hari penjara setiap pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Sallehuddin bin Darawi bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Pasaraya K-Ceria (Kuala Kedah) Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 43

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN AL-IKHSAN SPORTS SDN BHD ( 415771-P )

MAHKAMAH MAJISTRET SUNGAI PETANI  
NOMBOR SAMAN: KB-87-655-07/2017  
MAJISTRET TUAN MOHAMAD FAREED BIN ABD LATIF  
22 OGOS 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES

Pada 01.09.2015 jam lebih kurang 12.45 tengahari, suatu pemeriksaan premis bagi tujuan menghapuskan bahaya kebakaran telah dilakukan oleh PKPgB Mohd Hadziri bin Ibrahim dan PBK II Izhah bahari terhadap Al-Ikhsan Sport Sdn Bhd No. 25, 25A, 25B & 26, 26A, 26B, Jalan PPZ1, Pusat Perniagaan Zamrud, 08000 Sungai Petani, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran yang wujud di premis tersebut.

Pada 07.09.2015 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bertarikh 07.09.2015 telah disampaikan kepada Al-Ikhsan Sport Sdn Bhd No. 25, 25A, 25B & 26, 26A, 26B, Jalan PPZ1, Pusat Perniagaan Zamrud, 08000 Sungai Petani, Kedah untuk dipatuhi dalam tempoh yang ditetapkan.

Pada 08.03.2016 jam lebih kurang 2.20 petang, PgB Mohd Mustakim bin Mukhtar dan PPgB Mohd Faiz bin Helmi telah membuat Pemeriksaan Semula dan mendapati Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tersebut masih tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

##### Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu, pada tarikh 08.03.2016 jam lebih kurang 02.20 petang bertempat di AL-IKHSAN SPORTS SDN BHD, No. 25, 25A, 25B & 26, 26A, 26B, Jalan PPZ1, Pusat Perniagaan Zamrud, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/SGP 238/2015 bertarikh 07.09.2015 dalam masa yang ditetapkan iaitu gagal mengadakan tangga ke 2 di bahagian belakang bangunan kedai Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd. dan sentiasa berada dalam keadaan baik pada setiap masa. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

## **Pertuduhan Kedua**

Bahawa kamu, pada tarikh 08.03.2016 jam lebih kurang 02.20 petang bertempat di AL-IKHSAN SPORTS SDN BHD, No. 25, 25A, 25B & 26, 26A, 26B, Jalan PPZ1, Pusat Perniagaan Zamrud, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/SGP 240/2015 bertarikh 07.09.2015 dalam masa yang ditetapkan iaitu gagal mengadakan pemasangan sistem Gelong Hos Haidrolik di keseluruhan bangunan kedai Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd., mengikut mana-mana penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia dan sentiasa berada dalam keadaan baik pada setiap masa. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

## **DIPUTUSKAN:**

Hakim Tuan Mohamad Fareed Bin Abd Latif jatuhkan hukuman denda sebanyak RM1300.00 atau 1 bulan penjara setiap pertuduhan.

## **KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

## **UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

## **PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Sallehuddin bin Darawi bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

## **ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 44

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA LAWAN TERUS JAYA CASH & CARRY

**MAHKAMAH MAJISTRET (MELAKA)**  
**Nombor Saman: MA-87-1010-06/2017**  
**MAJISTRET FIRDAUS BIN SALLEH**  
**25 OGOS 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### **FAKTA KES**

Pada 29.02.2016 lebih kurang jam 11.53 am, PKPgB Mohd Hafiz bin Shariff bersama Muhammad Asyraf bin M. Rasid telah membuat pemeriksaan Penghapusan Bahaya Kebakaran di Terus Jaya Cash & Carry yang beralamat di PT 2641, Mukim Merlimau, Merlimau, Melaka. Dalam pemeriksaan tersebut didapati terdapat bahaya-bahaya kebakaran iaitu:

1. Tidak terdapat alat pemadam api di dalam ruangan kedai sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
2. Tidak terdapat lampu kecemasan di dalam ruangan kedai sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
3. Tidak terdapat lampu kecemasan di dalam ruangan stor sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
4. Tidak terdapat lampu tanda keluar kecemasan di pintu keluar hadapan sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
5. Tidak terdapat lampu tanda keluar kecemasan di pintu keluar belakang sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
6. Tidak terdapat sistem pecah kaca di dalam premis sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
7. Tidak terdapat sistem hos gelung di dalam premis sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
8. Tidak terdapat sistem pengesan haba/ asap di dalam premis sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Pada 22.06.2016 sebanyak (08) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada Pengurus Terus Jaya Cash & Carry dan diberi tempoh notis selama 180 bagi tujuan menghapuskan bahaya-bahaya kebakaran yang disebut di atas.



Pada 22.12.2016 jam lebih kurang 11.00 am, PKPgB Mohd Hafiz bin Shariff bersama Muhammad Asyraf bin M. Rasid telah membuat pemeriksaan semula dan mendapati Notis-Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran yang dikeluarkan masih ada yang belum dipatuhi iaitu seperti berikut:

1. Tidak terdapat alat pemadam api di dalam ruangan kedai sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
2. Tidak terdapat lampu kecemasan di dalam ruangan kedai sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
3. Tidak terdapat lampu kecemasan di dalam ruangan stor sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
4. Tidak terdapat lampu tanda keluar kecemasan di pintu keluar hadapan sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
5. Tidak terdapat lampu tanda keluar kecemasan di pintu keluar belakang sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
6. Tidak terdapat sistem pecah kaca di dalam premis sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
7. Tidak terdapat sistem hos gelung di dalam premis sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Oleh yang demikian, OKS telah melanggar Seksyen 10 Akta 341 (Akta Perkhidmatan Bomba 1988) dan boleh di dakwa di Mahkamah bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **PERTUDUHAN:**

Bahawa kamu pada tarikh 22.12.2016 lebih kurang jam 11.00 pagi, di PT 2641, Mukim Merlimau, 77300 Merlimau, Melaka sebagai Pemunya Terus Jaya Cash & Carry, telah didapati gagal mematuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam notis Penghapusan Bahaya Kebakaran (Borang A) bertarikh 22.06.2016 dalam masa yang telah ditetapkan yang disampaikan kepada kamu menurut Sek. 8 iaitu:

Mengadakan sistem hos gelung di premis sepertimana kehendak jadual kesepuluh undang-undang kecil bangunan seragam 1984.

Oleh yang demikian kamu telah melanggar Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh di hukum bawah seksyen 10, akta yang sama.

#### **DIPUTUSKAN:**

Majistret Firdaus bin Salleh telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 600.00 bagi kesalahan tersebut.

#### **KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

#### **UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Noraini Bte Husin bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Terus Jaya Cash & Carry mewakili diri sendiri.

## KES 45

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA LAWAN SAN SHINE TRADING

**MAHKAMAH MAJISTRET (MELAKA)**  
**NOMBOR SAMAN: MA-87-1017-06/2017**  
**MAJISTRET FIRDAUS BIN SALLEH**  
**25 OGOS 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### **FAKTA KES**

Pada 09.03.2016 lebih kurang jam 11.00 am, PKPgB Mohd Hafiz bin Shariff bersama Muhammad Asyraf bin M. Rasid. telah membuat pemeriksaan Penghapusan Bahaya Kebakaran di San Shine Trading yang beralamat di Lot 2911, 2912, 2913, 2914 Jalan Duyong, Permatang Duyong, Duyong 75460 Melaka. Dalam pemeriksaan tersebut didapati terdapat bahaya-bahaya kebakaran iaitu:

1. Memperbaharui alat pemadam api yang telah tamat tempoh sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
2. Tidak terdapat sistem pecah kaca di dalam premis sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
3. Tidak terdapat sistem hos gelung di dalam premis sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
4. Mengadakan pintu keluar yang mencukupi di dalam premis sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Pada 17.06.2016 sebanyak (04) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada Pengurus San Shine Trading dan diberi tempoh notis selama 180 bagi tujuan menghapuskan bahaya-bahaya kebakaran yang disebut di atas.

Pada 22.12.2016 jam lebih kurang 12.30 tengahari, PKPgB Mohd Hafiz bin Shariff bersama Muhammad Asyraf bin M. Rasid telah membuat pemeriksaan semula dan mendapati Notis-Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran yang dikeluarkan masih ada yang belum dipatuhi iaitu seperti berikut:

1. Memperbaharui alat pemadam api yang telah tamat tempoh sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
2. Tidak terdapat sistem pecah kaca di dalam premis sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
3. Tidak terdapat sistem hos gelung di dalam premis sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
4. Mengadakan pintu keluar yang mencukupi di dalam premis sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Oleh yang demikian, OKS telah melanggar Seksyen 10 Akta 341 (Akta Perkhidmatan Bomba 1988) dan boleh di dakwa di Mahkamah bawah seksyen dan akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

Bahawa kamu pada tarikh 22.12.2016 lebih kurang jam 12.30 tengahari, di Lot 2911, 2912, 2913 & 2914 Jalan Duyong, Permatang Duyong, Duyong 75460 Melaka sebagai Pemunya San Shine Trading, telah didapati gagal mematuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bertarikh 17.06.2016 dalam masa yang telah ditetapkan yang disampaikan kepada kamu menurut Sek. 8 iaitu:

1. Mengadakan sistem hos gelung di premis sepertimana kehendak jadual kesepuluh undang-undang kecil bangunan seragam 1984.
2. Mengadakan sistem pecah kaca di premis sepertimana kehendak jadual kesepuluh undang-undang kecil bangunan seragam 1984.

Oleh yang demikian kamu telah melanggar Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh di hukum bawah seksyen 10, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Firdaus bin Salleh telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 400.00 bagi setiap 1 pertuduhan kesalahan tersebut. Jumlah denda keseluruhan RM 800.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Noraini Bte Husin bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis San Shine Trading mewakili diri sendiri.

## KES 46

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA LAWAN AMSTRONG AUTO PARTS SDN. BHD

**MAHKAMAH MAJISTRET (MELAKA)**  
**NOMBOR SAMAN: MA-87-1034-06/2017**  
**MAJISTRET FIRDAUS BIN SALLEH**  
**25 OGOS 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### **FAKTA KES**

Pada tarikh 31.03.2017 suatu aduan kesalahan berkenaan dengan Perakuan Bomba telah dikeluarkan oleh PgB Zulkifli bin Nordin ke atas premis Armstrong Auto Parts Sdn. Bhd. yang beralamat Lot 5029 (PT 1746) Taman Pegoh HICOM, 78000 Alor Gajah, Melaka. Pihak premis tidak mengemukakan pelan kelulusan untuk rak-rak penyimpanan barang (Lampiran H3) dalam tempoh ditetapkan iaitu bermula dari 18.03.2016 hingga 30.05.2016. Oleh itu premis ini tidak mempunyai Perakuan Bomba Berkuatkuasa dan adalah melakukan suatu kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988. Jika disabit kesalahan boleh dihukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

#### **PERTUDUHAN:**

Bahawa kamu Pengarah Armstrong Auto Parts Sdn. Bhd. penghuni premis di Lot 5029 (PT 1746) Taman Pegoh Hicom, 78000 Alor Gajah, Melaka sebuah premis ditetapkan menurut Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1998 Jadual Premis Ditetapkan. Pada 31.05.2016 didapati tidak mempunyai Perakuan Bomba Berkuatkuasa sebagaimana dikehendaki bawah seksyen 28(1) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341). Oleh itu kamu telah melanggar Seksyen 33 dan boleh dihukum bawah seksyen 58, Akta 341.

#### **DIPUTUSKAN:**

Majistret Firdaus bin Salleh telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 500.00 bagi kesalahan tersebut.

#### **KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Noraini Bte Husin bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Armstrong Auto Parts Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

**KES 47**

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
LAWAN  
HOTEL INDAH**

**MAHKAMAH MAJISTRET KUALA TERENGGANU  
NO. SAMAN: TA-87-743-08/2017  
MAJISTRET PUAN NORADILA BINTI AB. LATIF  
13 SEPTEMBER 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

**FAKTA KES**

Pada 13.3.2016 jam lebih kurang 11.30 pagi Penolong Kanan Penguasa Bomba Hasan bin Embong bersama Penguasa Kanan II Azmi bin Mohamad dari Zon 1 Terengganu telah melakukan pemeriksaan Penghapusan Bahaya Kebakaran (MBK) di alamat Hotel Indah No 71 Jalan Tok Lam, 20100 Kuala Terengganu. Semasa pemeriksaan dilakukan didapati premis Hotel Indah telah melaku 38 kesalahan berkaitan MBK.

Pada 22.3.2016 kesemua 38 Notis Kesalahan (Borang A) bertarikh 20.3.2016 telah diserahkan kepada Look Kok Siang Penyelia Hotel Indah.

Pada 9.11.2016 Jam lebih kurang 10.30 pagi satu pemeriksaan semula MBK telah dilakukan oleh PKPgB Abdul Hafiz bin Nuwawi bersama PKPgB Zulbahry bin Sulong dari Zon 1 Terengganu.

Hasil pemeriksaan ini didapati 4 notis MBK masih belum dipatuhi oleh pihak Hotel Indah. Notis tersebut adalah 2/2016, 4/2016, 33/2016 dan 34/2016.

Oleh yang demikian pihak Hotel Indah telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

**NOMBOR SAMAN: TA-87-759-08/2017**

**PERTUDUHAN PERTAMA**

Bahawa kamu, pada 9 November 2016, lebih kurang jam 10.30 pagi di premis Hotel Indah 71, Jalan Tok Lam, Kuala Terengganu, 20100 Kuala Terengganu, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor 2/2016 bertarikh 20 Mac 2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Tiada Sistem Penggera Kebakaran di premis OKS dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

### **PERTUDUHAN KEDUA**

Bahawa kamu, pada 9 November 2016, lebih kurang jam 10.30 pagi di premis Hotel Indah 71, Jalan Tok Lam, Kuala Terengganu, 20100 Kuala Terengganu, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor 4/2016 bertarikh 20 Mac 2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-  
Tiada Sistem Pengesan Api Automatik di premis OKS dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

### **PERTUDUHAN KETIGA**

Bahawa kamu, pada 9 November 2016, lebih kurang jam 10.30 pagi di premis Hotel Indah 71, Jalan Tok Lam, Kuala Terengganu, 20100 Kuala Terengganu, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor 33/2016 bertarikh 20 Mac 2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-  
Tiada Pintu Api di tingkat 2 bahagian hadapan premis OKS dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

### **SAMAN SAMAN : TA-87-760-08/2017**

#### **PERTUDUHAN PERTAMA**

Bahawa kamu, pada 9 November 2016, lebih kurang jam 10.30 pagi di premis Hotel Indah 71, Jalan Tok Lam, Kuala Terengganu, 20100 Kuala Terengganu, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor 34/2016 bertarikh 20 Mac 2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-  
Tiada Pintu Api di bahagian hadapan tingkat 3 premis Hotel Indah dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

#### **DIPUTUSKAN:**

Majistret Puan Noradila Binti Ab. Latif telah menjatuhkan hukuman denda RM 6000.00, gagal bayar penjara 3 bulan.

#### **KES YANG DIRUJUK:**

Jurnal kes pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988

#### **UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).



**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Penguasa Bomba Muhammad Ashraff bin Mohd Amin bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Hotel Indah mewakili diri sendiri.

## KES 48

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN TOP 7 HOTEL SDN. BHD.

MAHKAMAH MAJISTRET KEMAMAN  
NO. SAMAN: 87-628-08/17  
MAJISTRET TUAN BADRUL MUNIR BIN HAMDY  
14 SEPT 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES

Pada 25 Jun 2015, Penolong Penguasa Bomba Rozlan bin Seman dari Zon 2 Terengganu bersama-sama Pegawai Bomba Mohd Hilmi bin Jamaluddin dari Balai Bomba dan Penyelamat Kemaman telah membuat pemeriksaan Penghapusan Bahaya Kebakaran di premis Hotel Top 7 Sdn. Bhd. Lot 14267 Jalan Jakar 24000 Kemaman. Hasil pemeriksaan mendapati wujudnya bahaya kebakaran.

Pada 6 Julai 2015, Penguasa Kanan Bomba II Azmi bin Ab. Rahim. Ketua Zon 2 Terengganu telah mengeluarkan 34 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran dengan tempoh 180 hari untuk pihak premis menyediakan kelengkapan sebagaimana kehendak Notis.

Pada 18 Julai 2016 lebih kurang jam 10.30 pagi satu pemeriksaan semula Menghapus Bahaya telah dibuat oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohamad Hamdan bin Sudin bersama Pegawai Bomba Kanan II Rosli bin Kadir, hasil pemeriksaan mendapati pihak premis masih gagal mematuhi Notis yang dikeluarkan iaitu seperti berikut:

1. No. Notis- TR/Z2/63/2015  
Tiada Pengesan Api Automatik dalam bilik 801 di tingkat 2 dan telah mewujudkan bahaya kebakaran bawah seksyen 2(c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.
1. No. Notis- TR/Z2/77/2015  
Tiada Pengesan Api Automatik dalam bilik 821 di tingkat 3 dan telah mewujudkan bahaya kebakaran bawah seksyen 2(c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian premis Top 7 Hotel Sdn. Bhd. telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

##### PERTUDUHAN PERTAMA

Bahawa kamu, pada 18 Julai 2016, lebih kurang jam 10.30 pagi di premis Top 7 Hotel Sdn. Bhd. Lot 14266 & 14267 Jalan Jakar, 24000 Kemaman, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor TR/Z2: 63/2015 bertarikh 6 Julai 2015 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Tiada Sistem Pengesan Api Automatik dalam bilik 801 di tingkat 2 dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

#### **PERTUDUHAN KEDUA**

Bahawa kamu, pada 18 Julai 2016, lebih kurang jam 10.30 pagi di premis Top 7 Hotel Sdn. Bhd. Lot 14266 & 14267 Jalan Jakar, 24000 Kemaman, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor TR/Z2: 77/2015 bertarikh 6 Julai 2015 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Tiada Sistem Pengesan Api Automatik dalam bilik 821 di tingkat 3 dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama

#### **DIPUTUSKAN:**

Majistret Tn. Badrul Munir bin Hamdy telah menjatuhkan hukuman denda RM 2000.00, gagal bayar penjara 3 bulan.

#### **KES YANG DIRUJUK:**

Jurnal kes pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

#### **UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

#### **PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Penguasa Bomba Muhammad Ashraff bin Mohd Amin bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

#### **ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Hotel Indah mewakili diri sendiri.

## KES 49

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA, NEGERI PERLIS LAWAN UJ AUTO PARTS ENTERPRISE

#### MAHKAMAH MAJISTRET KANGAR

NOMBOR SAMAN: RA-87-374-08/17, RA-87-405-09/2017 & RA-87-404-09/2017

MAJISTRET PUAN RUSITA MD LAZIM

18 SEPTEMBER 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A)

#### FAKTA KES

Pada 08.09.2016 jam lebih kurang 11.15 pagi, satu pemeriksaan premis bagi tujuan Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Timbalan Penguasa Bomba Yusmi bin Arshad bersama Penolong Penguasa Bomba Mohamad Safaril bin Wahid di premis UJ Auto Parts Enterprise, No.89, Jalan Jejawi Sematang, Taman Muhibbah, 02600 Jejawi, Perlis dan mendapati terdapat enam (6) bahaya kebakaran yang wujud pada premis tersebut iaitu:-

Pada 14.09.2016 sebanyak enam (6) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada Kong Ket Hin (700316-09-5075) yang merupakan pengurus kepada premis tersebut. Enam (6) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran tersebut adalah:-

1. Tidak terdapatnya Tanda Tempat Keluar Kecemasan di pintu masuk, di tingkat satu (1) premis. (Bil. 146/2016)
2. Tidak terdapatnya Tanda Tempat Keluar Kecemasan di pintu keluar, bahagian belakang, di tingkat satu (1) premis. (Bil. 147/2016)
3. Tidak terdapatnya Tanda Tempat Keluar Kecemasan di pintu keluar, bahagian belakang, di tingkat bawah premis. (Bil. 148/2016)
4. Tidak terdapatnya Tanda Tempat Keluar Kecemasan di pintu masuk, bahagian hadapan, di tingkat bawah premis. (Bil. 149/2016)
5. Didapati tangga bagi jalan keluar di bahagian tengah, tingkat satu (1) bangunan tidak dilindungi dengan bahan ketahanan api dua (2) jam. (Bil. 150/2016)
6. Tidak terdapatnya tangga pada jalan keluar di bahagian belakang tingkat satu (1) premis. (Bil. 151/2016)

Pada 06.02.2017 jam lebih kurang 11.50 pagi, Timbalan Penguasa Bomba Yusmi bin Arshad bersama Penolong Penguasa Bomba Mohamad Safaril bin Wahid telah membuat Pemeriksaan Semula dan mendapati pihak premis hanya mematuhi tiga (3) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran sahaja manakala tiga (3) lagi notis Bil. 147/2016, 150/2016 dan 151/2016 masih lagi gagal dipatuhi sepenuhnya. Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

**RA-87-374-08/2017**

Bahawa kamu, Pengurus UJ Auto Parts Enterprise pada tarikh 06.02.2017 jam lebih kurang 11.50 pagi bertempat di No.89, Jalan Jejawi Sematang, Taman Muhibbah, 02600 Jejawi, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bernombor 147/2016 bertarikh 14.09.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu di dapati tidak terdapatnya Tanda Tempat Keluar Kecemasan di pintu keluar, bahagian belakang, ditingkat satu (1) premis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**RA-87-404-09/2017**

Bahawa kamu, Pengurus UJ Auto Parts Enterprise pada tarikh 06.02.2017 jam lebih kurang 11.50 pagi bertempat di No.89, Jalan Jejawi Sematang, Taman Muhibbah, 02600 Jejawi, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bernombor 150/2016 bertarikh 14.09.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu di dapati tangga bagi jalan keluar di bahagian tengah, tingkat satu (1) bangunan tidak dilindungi dengan bahan ketahanan api dua (2) jam. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**RA-87-405-09/2017**

Bahawa kamu, Pengurus UJ Auto Parts Enterprise pada tarikh 06.02.2017 jam lebih kurang 11.50 pagi bertempat di No.89, Jalan Jejawi Sematang, Taman Muhibbah, 02600 Jejawi, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bernombor 151/2016 bertarikh 14.09.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu di dapati tidak terdapatnya tangga pada jalan keluar di bahagian belakang tingkat satu (1) premis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

OKS telah mengakusalah di atas pertuduhan tersebut. Majistret Puan Rusita Md Lazim telah menjatuhkan hukuman:

1. Denda RM 500.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-374-08/2017 atau satu (1) bulan penjara jika gagal membayar denda.
2. Denda RM 600.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-404-09/2017 atau satu (1) bulan penjara jika gagal membayar denda.
3. Denda RM 1,000.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-405-09/2017 atau tiga (3) bulan penjara jika gagal membayar denda.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohamad Yusrizal Bin Muhammad Yusof bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis UJ Auto Parts Enterprise mewakili diri sendiri.

**KES 50**

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
LAWAN  
TAN BEE HOON ( 860520-02-5392 )**

**MAHKAMAH MAJISTRET SUNGAI PETANI  
NOMBOR SAMAN: KB-87-670-08/2017  
MAJISTRET TUAN MOHAMAD FAREED BIN ABD LATIF  
19 SEPT 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

**FAKTA KES**

Pada 01.07.2015 jam lebih kurang 11.00 pagi, satu pemeriksaan premis bagi tujuan menghapuskan bahaya kebakaran telah dilakukan oleh PKPgB Mohd Hadziri bin Ibrahim dan PBKII Izham bin Bahari terhadap Perabut Yeap, 50,51,53 Jalan Bandar Puteri Jaya 1/1, Bandar Puteri Jaya, 08000, Sungai Petani, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran yang wujud pada premis tersebut.

Pada 19.08.2015 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bertarikh 19.08.2015 telah disampaikan kepada Perabut Yeap, 50,51,53 Jalan Bandar Puteri Jaya 1/1, Bandar Puteri Jaya, 08000, Sungai Petani, Kedah untuk dipatuhi dalam tempoh yang ditetapkan.

Pada 14.03.2016 jam lebih kurang 11.20 pagi, PPgB Mohd Faiz bin Helmi dan PKPgB Mohd Hadziri bin Ibrahim telah membuat Pemeriksaan Semula dan mendapati Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran ( Borang A ) tersebut masih tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

**Pertuduhan Pertama**

Bahawa kamu, pada tarikh 14.03.2016 jam lebih kurang 11.20 pagi bertempat di PERABOT YEAP, 50, 51, 52, 53, Jalan Bandar Puteri Jaya 1/1, Bandar Puteri Jaya, 08000, Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/SGP 190/2015 bertarikh 19.08.2015 dalam masa 120 hari iaitu gagal mengadakan Sistem Gelung Hos Hidraulik di bangunan Perabot Yeap, mematuhi Piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**Pertuduhan Kedua**

Bahawa kamu, pada tarikh 14.03.2016 jam lebih kurang 11.20 pagi bertempat di PERABOT YEAP, 50, 51, 52, 53, Jalan Bandar Puteri Jaya 1/1, Bandar Puteri Jaya, 08000, Sungai Petani, Kedah telah

tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/SGP 191/2015 bertarikh 19.08.2015 dalam masa 120 hari iaitu gagal mengadakan Sistem Penggera Kebakaran Elektrik Manual di bangunan Perabot Yeap, mematuhi Piawai yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Hakim Tuan Mohamad Fareed Bin Abd Latif jatuhkan hukuman denda sebanyak RM900.00 atau 3 bulan penjara setiap pertuduhan

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Sallehuddin bin Darawi bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Tan Bee Hoon mewakili diri sendiri.



## KES 51

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN SEN HENG ELECTRIC (KL) SDN BHD (DUNGUN)

MAHKAMAH MAJISTRET DUNGUN  
NOMBOR SAMAN: D87-152-08/2017  
MAJISTER PUAN HAZWANIE BINTI HUSAIN BUSTARI  
20 SEPTEMBER 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 - Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A)

#### FAKTA KES •

Pada 28 Jun 2016 jam lebih kurang 3.00 petang Penolong Kanan Penguasa Bomba Hamdan bin Sudin bersama Pegawai Bomba Noriah binti Abdul Majid telah menjalankan pemeriksaan Menghapus Bahaya Kebakaran (MBK) di premis Sen Heng Electric (KL) Sdn Bhd Lot 11777,11778 GM 8428 Jalan Pak Sabah Kuala Dungun, hasil pemeriksaan didapati terdapat 3 kesalahan berkaitan bahaya kebakaran di premis tersebut.

Pada 28 Julai 2016, 3 notis kesalahan (Borang A) bertarikh 30 Jun 2016 telah diserahkan kepada pihak OKS dengan tempoh 30 hari untuk pihak premis mematuhi kehendak notis tersebut.

Pada 13 Disember 2016 lebih kurang jam 2.00 petang satu pemeriksaan semula telah dilakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohamad Hamdan bin Sudin bersama Pegawai Bomba Kanan II Rosli bin Kadir, semasa pemeriksaan dilakukan didapati 2 notis yang telah disampaikan pada 28 Julai 2016 masih belum dipatuhi oleh OKS.

Oleh yang demikian OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh didakwa mengikut seksyen dan akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

##### PERTUDUHAN PERTAMA

Bahawa kamu, pada 13 Disember 2016, lebih kurang jam 2.00 petang di premis Senheng Electric (KL) Sdn Bhd, Lot 11777 & 11778 Gm 8428, Jalan Pak Sabah Kuala Dungun, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor TR/Z2: 167/2016 bertarikh 30 Jun 2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Gagal memastikan Pintu Keluar tidak terhalang oleh kepingan besi di tingkat 1 bahagian belakang premis dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(a) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

## **PERTUDUHAN KEDUA**

Bahawa kamu, pada 13 Disember 2016, lebih kurang jam 2.00 petang di premis Senheng Electric (KL) Sdn Bhd, Lot 11777 & 11778 Gm 8428, Jalan Pak Sabah Kuala Dungun, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor TR/Z2: 168/2016 bertarikh 30 Jun 2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Tiada tangga jalan keluar kedua di tingkat 2 premis dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(e) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

## **DIPUTUSKAN:**

Majistret Puan Hazwanie binti Husain Bustari telah menjatuhkan hukuman denda RM 5000.00 bagi 2 pertuduhan.

## **KES YANG DIRUJUK:**

Jurnal kes pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988

## **UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

## **PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Thooyibah binti Taib bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

## **ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Sen Heng Electric (KL) mewakili diri sendiri.

**KES 52**

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
LAWAN  
LONGWAN RETAIL & WHOLESALERS (M) SDN BHD**

**MAHKAMAH MAJISTRET ALOR SETAR  
NOMBOR SAMAN: KA-87-923-08/2017  
MAJISTRET TUAN ARIF BIN MOHAMAD  
01 OKTOBER 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

**FAKTA KES**

Pada 27.07.2015 jam lebih kurang 4.20 petang, satu pemeriksaan premis bagi tujuan menghapuskan bahaya kebakaran telah dilakukan oleh PKPgB Mohd Ridzuan bin Nut Jamudin dan PPgB Ariff Fazila bin Hj Ani terhadap Longwan Retail & Wholesales (M) Sdn Bhd No. 193, 195, 196 & 197, Taman Perindustrian 2010, Jalan Lecong Barat, Mukim Mergong 06250 Alor Setar, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran yang wujud pada premis tersebut.

Pada 07.09.2015 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bertarikh 07.09.2015 telah disampaikan kepada Longwan Retail & Wholesales (M) Sdn Bhd No. 193, 195, 196 & 197, Taman Perindustrian 2010, Jalan Lecong Barat, Mukim Mergong 06250 Alor Setar, Kedah untuk dipatuhi dalam tempoh yang ditetapkan.

Pada 22.09.2015 jam lebih kurang 4.30 petang, PgB Mohd Iqwan bin Ehshan dan PKPgB Mohd Ridzuan bin Nut Jamudin telah membuat Pemeriksaan Semula dan mendapati Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran ( Borang A ) tersebut masih tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

**PERTUDUHAN PERTAMA**

Bahawa kamu, pada tarikh 04.02.2016 jam lebih kurang 12.15 tengah hari bertempat di Longwan Retail & Wholesales (M) Sdn Bhd, No 193, 195, 196 & 197, Taman Perindustrian 2010, Jalan Lencong Barat, Mukim Mergong 06250 Alor Setar, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. JBPM/KD/ZKS:235/2015 bertarikh 03.08.2015 dalam masa yang ditetapkan iaitu gagal Mengadakan semula tangga terlindung pada lot 193, 195, 196 dan 197 di setiap tingkat premis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Hakim Tuan Arif Bin Mohamad jatuhkan hukuman denda sebanyak RM 3000.00 atau 1 bulan penjara setiap pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Sallehuddin bin Darawi bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Longwan Retail & Wholesales (M) Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 53

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN GIO FABRICSSDN. BHD. (CO. NO. : 1054933 - W )

MAHKAMAH MAJISTRET ( KUANTAN )  
NOMBOR SAMAN: CA - 87- 1572 - 08/2017  
MAJISTRET PUAN RINI TRIANY BINTI MUHAMMAD ALI  
05 OKTOBER 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### FAKTA KES ●

Pada 12.01.2016, Penguasa Kanan Bomba II Haji Mahayaddin bin Mahmad Din bersama Penolong Penguasa Bomba Amirul Naem bin Harun membuat pemeriksaan kali pertama bagi tujuan Perakuan Bomba Pembaharuan di premis Gio Mall, A-91 Jalan Tun Ismail , Kuantan, Pahang. Semasa pemeriksaan terdapat enam (6) kesalahan berkaitan Pepasangan Keselamatan Menentang kebakaran tidak berada dalam keadaan baik.

Pada 05.02.2016 Notis Memberitahu Tentang Keperluan-Keperluan Perlu dipatuhi mengandungi enam (6) kesalahan telah dikeluarkan dan disampaikan kepada Pengurus Gio Mall Kuantan, Pahang. Kesalahan tersebut ialah :

1. Hendaklah memastikan tiada sebarang ruang bukaan pada sesalur elektrik di tingkat mezzanine dan ianya hendaklah mempunyai api yang berkesan.
2. Hendaklah memastikan tiada sebarang ruang bukaan pada sesalur elektrik di tingkat satu, dan ianya hendaklah mempunyai penggalang api yang berkesan.
3. Hendaklah memastikan tiada pemasangan “ Outdoor split aircond unit ” diruang tangga terlindung di tingkat satu dan memastikan tiada sebarang halangan.
4. Hendaklah memastikan tiada sebarang ruang bukaan pada sesalur elektrik di tingkat dua dan ianya hendaklah mempunyai penggalang api yang berkesan.
5. Hendaklah memastikan “ Fire Roller Shutter ” di ruang escalator di tingkat dua berfungsi dan ianya sentiasa dalam keadaan baik.
6. Hendaklah memastikan keseluruhan kepala Sistem Semburan Air automatic di keseluruhan bangunan Gio Mall tidak terhalang dan terjejas serta memastikan ianya sentiasa berada dalam keadaan baik.

Pada 23.08.2016 Penolong Penguasa Bomba Mohd Khairul Izwan bin Hariffin PPgB Mohd Khairul Mazlan bin Abdullah menjalankan pemeriksaan kali kedua bagi tujuan Perakuan Bomba di premis tersebut didapati kesemua enam ( 6 ) kehendak notis tersebut belum dipatuhi sepenuhnya.

Ekoran kegagalan pihak premis mematuhi sepenuhnya keenam-enam kehendak notis tersebut menyebabkan permohonan Perakuan Bomba Pembaharuan bagi Gio Mall Kuantan tidak disokong dan Gio Mall Kuantan tidak mempunyai Perakuan Bomba Yang Berkuatkuasa. Oleh yang demikian, OKS Gio Fabrics Sdn. Bhd. yang memiliki Gio Mall Kuantan telah melakukan kesalahan bawah Seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah Seksyen 58, Akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

Bahawa kamu pada 23 Ogos 2016 lebih kurang jam 11.00 pagi di premis Gio Mall beralamat di No. A-91 Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan, Pahang didapati tidak mempunyai Perakuan Bomba yang berkuatkuasa berkenaan premis yang ditetapkan iaitu Gio Mall Sdn. Bhd. beralamat seperti di atas, sepertimana mengikut perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1998 (P.U. (A) 276 / 1998). Oleh yang demikian kamu Gio Fabrics Sdn. Bhd. selaku pemilik telah melakukan kesalahan bawah Seksyen 33 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 58, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Pn. Rini Triany binti Muhammad Ali telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000.00

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Mohd Sobri bin Mohd Kamilan bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Gio Fabrics Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 54

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN BEAUMET SDN. BHD. (CROWN REGENCY SERVICED SUITES)

MAHKAMAH MAJISTRET JENAYAH 8, KUALA LUMPUR  
NOMBOR SAMAN: WA 87-2124 – 08 / 2017  
MAJISTRET TUAN ZUHAIR BIN RUSLI  
11 OKTOBER 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 32 (2) - Perubahan keadaan yang menjejaskan kecukupan kemudahan keselamatan diri, dll.

#### FAKTA KES

Pada 21.02.2017 satu pemeriksaan bagi tujuan Pembaharuan Perakuan Bomba telah dijalankan ke atas premis Crown Regency Serviced Suited oleh wakil dari Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM Kuala Lumpur. Pegawai pemeriksa adalah seperti berikut:

1. PgB Siti Farhana Binti Baharom
2. PKPgB Nurul Ashida Binti Zakaria

Hasil dari pemeriksaan tersebut, didapati pihak premis telah melakukan perubahan terhadap struktur di tingkat 3 dan Ground Floor. Permohonan Pembaharuan Perakuan Bomba adalah tidak disokong. Pihak premis telah melakukan kesalahan bawah seksyen 32 (2) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341). Borang FC 7 Laporan Kesalahan Berkenaan Dengan Perakuan Bomba untuk penyediaan kertas siasatan di atas nama premis bertarikh 22.02.2017 telah dihantar ke Bahagian Penyiasatan Kebakaran JBPM Kuala Lumpur.

Pada 19 Mei 2017, pegawai penyiasat yang dilantik telah menjalankan siasatan bawah seksyen 32(2) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (perubahan material pada premis semasa Perakuan Bomba Berkuatkuasa) terhadap premis Crown Regency Serviced Suited didapati pihak premis telah membuat perubahan keadaan pada premis di aras 3 dan ground floor dengannya perakuan bomba sedang berkuatkuasa sebelum memberikan notis kepada Ketua Pengarah.

Oleh yang demikian, OKS atas nama Beaumet Sdn. Bhd. telah melakukan satu kesalahan bawah seksyen 32(2) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dihukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

Bahawa kamu Beaumet Sdn. Bhd., beralamat di Crown Regency Serviced Suites, No.12, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur iaitu satu premis yang telah ditetapkan, pada tarikh 21.02.2017 jam lebih kurang 10:00 pagi telah didapati membuat perubahan keadaan pada premis Crown Regency Serviced Suites dengannya perakuan bomba sedang berkuatkuasa sebelum memberi notis kepada

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan bawah seksyen 32 (2) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda RM 4000.00 bagi kesalahan tersebut. Jumlah keseluruhan denda adalah RM 4000.00.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Kanan Bomba II Azrinnoor Ahmad bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Beaumet Sdn. Bhd. (Crown Regency Serviced Suites) mewakili diri sendiri.



**KES 55**

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
LAWAN  
LEECOR TRADING SDN BHD ( 542308-A )**

**MAHKAMAH MAJISTRET YAN  
NOMBOR SAMAN: 87-22-08/17  
MAJISTRET TUAN ARIF BIN MOHAMAD  
23 OKTOBER 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

**FAKTA KES**

Pada 29.06.2015 jam lebih kurang 10.30 pagi, satu pemeriksaan premis bagi tujuan menghapuskan bahaya kebakaran telah dilakukan oleh PPgB Mohd Firdaus Bukari dan PB Ana Suziana Abd Wahid terhadap Leecor Trading Sdn Bhd, Plot 1,2 & 3, Pekan Guar Cempedak, ( Hadapan Bangunan UMNO ), 08800 Guar Cempedak, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran yang wujud pada premis tersebut.

Pada 04.08.2015 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bertarikh 04.08.2015 telah disampaikan kepada Leecor Trading Sdn Bhd, Plot 1,2 & 3, Pekan Guar Cempedak, ( Hadapan Bangunan UMNO ), 08800 Guar Cempedak, Kedah untuk dipatuhi dalam tempoh yang ditetapkan.

Pada 10.08.2016 jam lebih kurang 12.30 tengahari, PPgB Mohd Fakrul Radzi bin Bemawi dan PPgB Mohd Faiz bin Helmi telah membuat Pemeriksaan Semula dan mendapati Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran ( Borang A ) tersebut masih tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

Bahawa kamu, pada tarikh 10.08.2016 jam lebih kurang 12.30 tengah hari bertempat di LEECOR TRADING SDN. BHD. Plot 1, 2, & 3, Pekan Guar Cempedak, (Hadapan Bangunan UMNO), 08800 Guar Cempedak, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/SGP 164/2015 bertarikh 04.08.2015 dalam masa 120 hari iaitu gagal mengadakan Sistem Gelung Hos Hidraulik di bangunan kedai LeeCor Trading Sdn. Bhd. mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Hakim Tuan Arif Bin Mohamad jatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2500.00 atau 3 bulan penjara setiap pertuduhan

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Sallehuddin bin Darawi bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Lee Cor Trading Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 56

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN NIRWANA MAJU SDN. BHD.

MAHKAMAH MAJISTRET KUALA TERENGGANU  
NOMBOR SAMAN: TA-87-743-08/2017  
MAJISTRET PUAN NORADILA BINTI AB. LATIF  
23 OKTOBER 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 - Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES •

Pada 7 Mac 2016 jam lebih kurang 11.40 pagi Penolong Kanan Penguasa Bomba Hasan bin Embong bersama Penguasa Kanan II Azmi bin Mohamad dari Zon 1 Terengganu telah melakukan pemeriksaan Menghapus Bahaya Kebakaran (MBK) di premis Nirwana Maju Sdn. Bhd Cawangan Terengganu, Lot 1967, Jalan Kuala Berang, Kampung Wakaf Mempelam, 20500 Kuala Terengganu. Hasil pemeriksaan mendapati, wujudnya bahaya kebakaran iaitu;

1. Tidak terdapat Sistem Hos Gelong di premis Nirwana Maju Sdn. Bhd. (Cawangan Terengganu)
2. Tidak terdapat Sistem Penggera Kebakaran di premis Nirwana Maju Sdn. Bhd (Cawangan Terengganu)
3. Tidak terdapat Sistem Pengesan Api Automatik di premis Nirwana Maju Sdn. Bhd (Cawangan Terengganu)
4. Tidak terdapat Sistem Semburan Automatik di premis Nirwana Maju Sdn. Bhd (Cawangan Terengganu)

Pada 8 Mac 2017, Penguasa Kanan I Wan Azmi bin Ahmad Ketua Zon 1 Terengganu telah mengeluarkan 4 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran dalam tempoh masa 120 hari untuk pihak OKS mengadakan kelengkapan sebagaimana kehendak notis.

Pada 16 Nov 2017 jam lebih kurang 11.00 pagi satu pemeriksaan semula Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dibuat oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Abdul Hafiz bin Nuwawi bersama Penolong Penguasa Bomba Norshah bin Shaari. Hasil pemeriksaan mendapati pihak OKS masih gagal mematuhi kesemua 4 notis yang telah dikeluarkan.

Oleh yang demikian premis Nawab Maju Enterprise Sdn. Bhd. telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

**NOMBOR SAMAN : TA-87-743-08/2017**

**PERTUDUHAN PERTAMA**

Bahawa kamu, pada 6 Jun 2016, lebih kurang jam 11.00 pagi di premis Nirwana Maju Sdn. Bhd. Lot 1967, Jalan Kuala Berang, Kampung Wakaf Mempelam, 20050 Kuala Terengganu, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor 1/2016 bertarikh 8 Mac 2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Tiada Sistem Hos Gelung di premis Nirwana Maju Sdn.Bhd. dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

**PERTUDUHAN KEDUA**

Bahawa kamu, pada 6 Jun 2016, lebih kurang jam 11.00 pagi di premis Nirwana Maju Sdn. Bhd. Lot 1967, Jalan Kuala Berang, Kampung Wakaf Mempelam, 20050 Kuala Terengganu, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor 2/2016 bertarikh 8 Mac 2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Tiada Sistem Penggera Kebakaran di premis Nirwana Maju Sdn.Bhd. dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

**PERTUDUHAN KETIGA**

Bahawa kamu, pada 6 Jun 2016, lebih kurang jam 11.00 pagi di premis Nirwana Maju Sdn. Bhd. Lot 1967, Jalan Kuala Berang, Kampung Wakaf Mempelam, 20050 Kuala Terengganu, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor 3/2016 bertarikh 8 Mac 2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Tiada Sistem Pengesan Api Automatik di premis Nirwana Maju Sdn.Bhd. dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

**NOMBOR SAMAN: TA-87-744-08/2017**

**PERTUDUHAN PERTAMA**

Bahawa kamu, pada 6 Jun 2016, lebih kurang jam 11.00 pagi di premis Nirwana Maju Sdn. Bhd. Lot 1967, Jalan Kuala Berang, Kampung Wakaf Mempelam, 20050 Kuala Terengganu, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor 4/2016 bertarikh 8 Mac 2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Tiada Sistem Semburan Automatik (Sprinkler) di premis Nirwana Maju Sdn.Bhd. dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Puan Noradila Binti Ab. Latif telah menjatuhkan hukuman denda RM 1500.00, gagal bayar penjara 3 bulan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Jurnal kes pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Penguasa Bomba Muhammad Ashraff bin Mohd Amin bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Nirwana Maju Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 57

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN MECH POWER GENERATOR SDN. BHD.

MAHKAMAH MAJISTRET JOHOR BAHRU, JOHOR  
NOMBOR SAMAN: JA-87-3155-10/2018  
MAJISTRET PUAN SURLEHAN BINTI ABD RAHMAN  
05 NOVEMBER 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### FAKTA KES

Pada 15 Mac 2017, lebih kurang jam 11:30 pagi satu pemeriksaan permohonan Pembaharuan Perakuan Bomba telah dilakukan oleh Penolong Penguasa Bomba Mohd Hairul Anuar bin Ali, bersama Penolong Penguasa Bomba Azhar bin Abd.Jalil di Premis Mech Power Generator Sdn Bhd, (251793-P), Lot 48539 (Ptd 66033) Off Bt. 17, Jalan Besar Saleng, 81400 Senai, Johor Darul Takzim.

Satu notis memberitahu tentang keperluan-keperluan yang perlu di patuhi (Borang FC6) bertarikh 03 April 2017 telah di keluarkan kepada Premis Mech Power Generator Sdn Bhd, (251793-P), Lot 48539 (Ptd 66033) Off Bt. 17, Jalan Besar Saleng, 81400 Senai, Johor Darul Takzim dan di beri tempoh selama seratus dua puluh (120) hari untuk di sempurnakan.

Pada 28 Ogos 2017 lebih kurang jam 11:00 pagi pemeriksaan semula untuk memastikan notis memberitahu tentang keperluan-keperluan yang perlu di patuhi (Borang FC6) telah di lakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Hasiah binti Hj.Amin dan Penolong Penguasa Bomba Saifaniza binti Parathen.

Hasil pemeriksaan tersebut di dapati ada satu (1) keperluan sepertimana dalam Notis FC6 yang masih lagi tidak di patuhi iaitu: -

1. Sila pastikan Pili Bomba berada dalam keadaan baik pada bila-bila masa.

Oleh yang demikian, Premis Mech Power Generator Sdn Bhd, (251793-P), Lot 48539 (Ptd 66033) Off Bt. 17, Jalan Besar Saleng, 81400 Senai, Johor Darul Takzim, telah melakukan kesalahan.

#### PERTUDUHAN:

BAHAWASANYA kamu Pengurus Premis Mech Power Generator Sdn Bhd, (251793-P), Lot 48539 (Ptd 66033) Off Bt. 17, Jalan Besar Saleng, 81400 Senai, Johor Darul Takzim, yang merupakan sebuah premis ditetapkan mengikut Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1998, telah pada 2 May 2009 lebih kurang jam 10.30 pagi telah tiada Perakuan Bomba. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Puan Surlehan binti Abdul Rahman telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000.00 atas pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Mohd Hanif bin Che Hasim bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Mech Power Generator Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 58

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA, NEGERI PERLIS LAWAN DE MESRA VILLA

MAHKAMAH MAJISTRET KANGAR  
NOMBOR SAMAN: RA-87-464-10/2017, RA-87-465-10/2017,  
RA-87-466-10/2017, RA-87-467-10/2017,  
RA-87-468-10/2017, RA-87-469-10/2017,  
RA-87-470-10/2017, RA-87-471-10/2017  
MAJISTRET PUAN RUSITA MD LAZIM  
15 NOVEMBER 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A)

#### FAKTA KES

Pada 14.04.2016 jam lebih kurang 03.30 petang, satu pemeriksaan premis bagi tujuan Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Timbalan Penguasa Bomba Yusmi bin Arshad bersama Penolong Penguasa Bomba Mohamad Safaril bin Wahid di premis De Mesra Villa, No.2 & 4, Lorong 2, Medan Pulai, 01000 Kangar, Perlis dan mendapati terdapat lapan (8) bahaya kebakaran yang wujud pada premis tersebut.

Pada 12.05.2016 sebanyak lapan (8) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada Zuraina Binti Sazali (920723-09-5026) yang merupakan wakil kepada premis tersebut pada ketika itu.

Pada 06.02.2017 jam lebih kurang 04.00 petang, Timbalan Penguasa Bomba Yusmi bin Arshad bersama Penolong Penguasa Bomba Mohamad Safaril bin Wahid telah membuat Pemeriksaan Semula dan mendapati pihak premis masih lagi gagal mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran yang telah dikeluarkan.

1. Gagal memasang satu (1) unit Tanda Tempat Keluar Kecemasan di pintu masuk, bahagian hadapan, tingkat bawah premis.
2. Gagal memastikan tangga jalan keluar di tingkat bawah, sebelah kanan bangunan dilindungi dengan bahan ketahanan api dua (2) jam.
3. Gagal memastikan tangga jalan keluar di tingkat bawah, sebelah kiri bangunan dilindungi dengan bahan ketahanan api dua (2) jam.
4. Gagal memasang satu (1) unit Pintu Keluar di sebelah kanan bahagian belakang, tingkat satu (1) premis.
5. Gagal memasang satu (1) unit Pintu Keluar di sebelah kiri, bahagian belakang, tingkat satu (1) premis.
6. Gagal memasang Lampu Kecemasan di kurungan tangga, sebelah kiri.
7. Gagal memasang satu (1) unit pintu api pada ruang tangga terlindung di pintu masuk, bahagian hadapan, sebelah kanan, tingkat satu (1) premis.



8. Gagal memasang satu (1) unit pintu api pada ruang tangga terlindung di pintu masuk, bahagian hadapan, sebelah kiri, tingkat satu (1) premis.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

**RA-87-464-10/2017**

Bahawa kamu, Pengurus De Mesra Villa pada tarikh 06.02.2017 jam lebih kurang 04.00 petang bertempat di No. 2 & 4, Lorong 2, Medan Pulai, 01000 Kangar, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bernombor 43/2016 bertarikh 18.04.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu di dapati tidak terdapatnya Tanda Tempat Keluar Kecemasan di pintu masuk, bahagian hadapan tingkat bawah premis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**RA-87-465-10/2017**

Bahawa kamu, Pengurus De Mesra Villa pada tarikh 06.02.2017 jam lebih kurang 04.00 petang bertempat di No. 2 & 4, Lorong 2, Medan Pulai, 01000 Kangar, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bernombor 44/2016 bertarikh 18.04.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu di dapati tangga bagi jalan keluar di tingkat bawah sebelah kanan bangunan tidak dilindungi dengan bahan ketahanan api dua (2) jam. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**RA-87-466-10/2017**

Bahawa kamu, Pengurus De Mesra Villa pada tarikh 06.02.2017 jam lebih kurang 04.00 petang bertempat di No. 2 & 4, Lorong 2, Medan Pulai, 01000 Kangar, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bernombor 45/2016 bertarikh 18.04.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu di dapati tangga bagi jalan keluar di tingkat bawah sebelah kiri bangunan tidak dilindungi dengan bahan ketahanan api dua (2) jam. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**RA-87-467-10/2017**

Bahawa kamu, Pengurus De Mesra Villa pada tarikh 06.02.2017 jam lebih kurang 04.00 petang bertempat di No. 2 & 4, Lorong 2, Medan Pulai, 01000 Kangar, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bernombor 46/2016 bertarikh 18.04.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu di dapati tidak terdapatnya jalan keluar yang mencukupi di sebelah kanan bahagian belakang, tingkat satu (1) premis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**RA-87-468-10/2017**

Bahawa kamu, Pengurus De Mesra Villa pada tarikh 06.02.2017 jam lebih kurang 04.00 petang bertempat di No. 2 & 4, Lorong 2, Medan Pulai, 01000 Kangar, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bernombor 47/2016 bertarikh 18.04.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu di dapati tidak terdapatnya jalan keluar yang mencukupi di sebelah kiri bahagian belakang, tingkat satu (1) premis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**RA-87-469-10/2017**

Bahawa kamu, Pengurus De Mesra Villa pada tarikh 06.02.2017 jam lebih kurang 04.00 petang bertempat di No. 2 & 4, Lorong 2, Medan Pulai, 01000 Kangar, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bernombor 48/2016 bertarikh 18.04.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu di dapati tidak terdapatnya Lampu Kecemasan di kurungan tangga, sebelah kiri premis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**RA-87-470-10/2017**

Bahawa kamu, Pengurus De Mesra Villa pada tarikh 06.02.2017 jam lebih kurang 04.00 petang bertempat di No. 2 & 4, Lorong 2, Medan Pulai, 01000 Kangar, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bernombor 49/2016 bertarikh 18.04.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu di dapati tidak terdapatnya pintu api pada ruang tangga terlindung di pintu masuk bahagian hadapan, sebelah kanan, tingkat satu (1) premis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**RA-87-471-10/2017**

Bahawa kamu, Pengurus De Mesra Villa pada tarikh 06.02.2017 jam lebih kurang 04.00 petang bertempat di No. 2 & 4, Lorong 2, Medan Pulai, 01000 Kangar, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bernombor 50/2016 bertarikh 18.04.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu di dapati tidak terdapatnya pintu api pada ruang tangga terlindung di pintu masuk bahagian hadapan, sebelah kiri, tingkat satu (1) premis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

OKS telah mengakusalah di atas pertuduhan tersebut. Majistret Puan Rusita Md Lazim telah menjatuhkan hukuman:

1. Denda RM 400.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-464-10/2017 atau satu (1) bulan penjara jika gagal membayar denda.
2. Denda RM 500.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-465-10/2017 atau satu (1) bulan penjara jika gagal membayar denda.

3. Denda RM 500.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-466-10/2017 atau satu (1) bulan penjara jika gagal membayar denda.
4. Denda RM 500.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-467-10/2017 atau satu (1) bulan penjara jika gagal membayar denda.
5. Denda RM 400.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-468-10/2017 atau satu (1) bulan penjara jika gagal membayar denda.
6. Denda RM 400.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-469-10/2017 atau satu (1) bulan penjara jika gagal membayar denda.
7. Denda RM 500.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-470-10/2017 atau satu (1) bulan penjara jika gagal membayar denda.
8. Denda RM 500.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-471-10/2017 atau satu (1) bulan penjara jika gagal membayar denda.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohamad Yusrizal Bin Muhammad Yusof pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis De Mesra Villa mewakili diri sendiri.

## KES 59

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN PALM TREE HOTEL

MAHKAMAH MAJISTRET JOHOR BAHRU, JOHOR  
NOMBOR SAMAN: JA-87-3156-10/2018  
MAJISTRET PUAN SURLEHAN BINTI ABD RAHMAN  
22 NOVEMBER 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### FAKTA KES

Pada 11 Febuari 2015, lebih kurang jam 12:00 tengahari satu pemeriksaan permohonan Pembaharuan Perakuan Bomba telah dilakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Norazizan bin Haji Awang bersama Penolong Penguasa Bomba Norliana binti Yusof di Premis Palm Tree Hotel Block 3, Jalan Permas Jaya, 81750 Masai, Johor Darul Ta'zim.

Satu notis memberitahu tentang keperluan-keperluan yang perlu di patuhi (Borang FC6) bertarikh 12 Febuari 2015 telah di keluarkan kepada Palm Tree Hotel dan di beri tempoh enam puluh (60) hari untuk di sempurnakan.

Pada 10 Mei 2015 lebih kurang jam 9.00 pagi pemeriksaan semula untuk memastikan notis memberitahu tentang keperluan-keperluan yang perlu di patuhi (Borang FC6) telah di lakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Hasiah binti Haji Amin dan Penolong Penguasa Bomba Saifaniza binti Parathen.

Hasil pemeriksaan tersebut di dapati ada satu (1) keperluan sepertimana dalam Notis FC6 yang masih lagi tidak di patuhi iaitu: -

1. Gagal mengemukakan pelan ubahan tambahan pada bangunan yang telah di sahkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Oleh yang demikian, Palm Tree Hotel, telah melakukan kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh di hukum bawah seksyen 58 dan akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

BAHAWASANYA kamu Pengurus Palm Tree Hotel Block 3, Jalan Permas Jaya, 81750 Masai, Johor Darul Ta'zim, yang merupakan sebuah premis ditetapkan mengikut Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1998, telah pada 3 Ogos 2015 lebih kurang jam 9.00 pagi telah tiada Perakuan Bomba. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Puan Surlehan binti Abd Rahman telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000.00 atas pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Mohd Hanif bin Che Hasim bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Palm Tree Hotel mewakili diri sendiri.

## KES 60

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN THE GARDEN INN

**MAHKAMAH MAJISTRET (MIRI) SARAWAK**  
**Nombor SAMAN: MYY-87DPT-247/11-2017**  
**MAJISTRET ZURAINI BINTI ALI MUSA**  
**08 DISEMBER 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A)

#### **FAKTA KES**

Pada 15.03.2016 jam lebih kurang 4.00petang, satu Pemeriksaan Premis Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh PpGB Thaddeus Boinon bersama-sama seorang pegawai BBP Lopeng di The Garden Inn, Lot 290B, Jalan Teo Chew, 98000 Miri, Sarawak dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud pada premis tersebut.

Sebanyak tujuh (7) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bertarikh 21.3.2016 telah disampaikan kepada wakil premis The Garden Inn, Lot 290B, Jalan Teo Chew, 98000 Miri, Sarawak iaitu Mohd Suhaimi (900624-13-8117) pada 21.3.2016.

Pada 13.9.2016 jam lebih kurang 10.40 pagi, PpKB II Ahmad Nizam bin Sapaiee bersama seorang pegawai BBP Lopeng telah membuat Pemeriksaan Semula Menghapuskan Bahaya Kebakaran di premis The Garden Inn, Lot 290B, Jalan Teo Chew, 98000 Miri, Sarawak dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran JBPM/SK/ZMI:700-4/18/80, Bil. Notis:153/2016 tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian premis telah melanggar kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **PERTUDUHAN:**

Bahawa kamu, The Garden Inn yang beralamat di Lot 290B, Jalan Teo Chew, 98000 Miri, Sarawak pada 13.9.2016 jam lebih kurang 10.40pagi telah tidak mematuhi kehendak-kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran JBPM/SK/ZMI:700-4/18/80 Bil. Notis:153/2016 bertarikh 21.3.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu terdapat panel penggera kebakaran tidak berada dalam keadaan baik di tingkat bawah bangunan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **DIPUTUSKAN:**

Majistret Tn Zuraini binti Ali Musatelah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,500.00 bagi pertuduhan tersebut.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Mohd Khairul Nizam bin Mohamad Anuar bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis The Garden Inn mewakili diri sendiri.

## KES 61

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN ECONSAVE CASH & CARRY SDN BHD

**MAHKAMAH MAJISTRET (MIRI) SARAWAK**  
**Nombor SAMAN: MYY-87DPT-246/11-2017**  
**MAJISTRET ZURAINI BINTI ALI MUSA**  
**08 DISEMBER 2017**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### **FAKTA KES**

Pada 27.06.2016 jam lebih kurang 10.45 pagi, satu pemeriksaan premis Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh PgB Awangku Mohd Azmin bersama-sama seorang pegawai di Econsave Cash & Carry Sdn Bhd, Lot 992, Jalan Lutong-Kuala Baram, 98100 Miri dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud pada premis tersebut.

Pada 26.08.2016 sebanyak dua (2) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bertarikh 11.07.2016 telah disampaikan kepada wakil premis Econsave Cash & Carry Sdn Bhd, Lot 992, Jalan Lutong-Kuala Baram, 98100 Miri iaitu Dayang Nur Syahirah (930911-13-5695).

Pada 29.12.2016 jam lebih kurang 16.02 petang, PPgB Nazmi bin Nawang bersama seorang pegawai BBP Lopeng telah membuat Pemeriksaan Semula Menghapuskan Bahaya Kebakaran di premis Econsave Cash & Carry Sdn Bhd, Lot 992, Jalan Lutong-Kuala Baram, 98100 Miri dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran tidak dipatuhi iaitu Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran rujukan JBPM/SK/ZMI:700-4/28/14 Bil. 380/2016 bertarikh 11.07.2016 iaitu gagal mengalihkan kotak-kotak 5 x 4 kaki di tangga terlindung di tingkat tiga bangunan pejabat pengurusan. Oleh yang demikian premis telah melanggar kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **PERTUDUHAN:**

Bahawa kamu, Econsave Cash & Carry Sdn Bhd yang beralamat di Lot 992, Jalan Lutong-Kuala Baram, 98100 Miri telah pada 29.12.2016 jam lebih kurang 16.02petang telah tidak mematuhi kehendak-kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran JBPM/SK/ZMI:700-4/28/14 Bil. 380/2016 bertarikh 11.07.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu gagal mengalihkan kotak-kotak 5 x 4 kaki di tangga terlindung di tingkat tiga bangunan pejabat pengurusan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.



**DIPUTUSKAN:**

Majistret Tuan Zuraini binti Ali Musa telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000.00 bagi pertuduhan tersebut.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohamad bin Meramit bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Econsave Cash & Carry Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 62

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN RESTORAN UTARA DIJAYA PLT

MAHKAMAH MAJISTRET KANGAR  
NOMBOR SAMAN: RA-87-621-11/2017, RA-87-622-11/2017,  
RA-87-623-11/2017  
MAJISTRET PUAN RUSITA MD LAZIM  
13 DISEMBER 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A)

#### FAKTA KES

Pada 17.10.2016 jam lebih kurang 12.00 t/hari, satu pemeriksaan premis bagi tujuan Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Timbalan Penguasa Bomba Yusmi bin Arshad bersama Penolong Penguasa Bomba Mohamad Safaril bin Wahid di premis Restoran Utara Dijaya PLT, No.10E, Lot 17, Jalan Raja Syed Alwi, 01000 Kangar, Perlis dan mendapati terdapat empat (4) bahaya kebakaran yang wujud pada premis tersebut.

Pada 28.11.2016 jam lebih kurang 12.40 t/hari sebanyak empat (4) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada Lim Sin Quan yang merupakan pekerja premis tersebut.

Pada 27.02.2017 jam lebih kurang 03.30 petang, Timbalan Penguasa Bomba Yusmi bin Arshad bersama Penolong Penguasa Bomba Mohamad Safaril bin Wahid telah membuat Pemeriksaan Semula dan mendapati pihak premis hanya mematuhi satu (1) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran sahaja manakala tiga (3) lagi notis masih lagi gagal dipatuhi sepenuhnya iaitu:

1. 167/2016 - Tidak terdapatnya Tanda Tempat Keluar Kecemasan di pintu masuk, bahagian hadapan premis.
2. 168/2016 - Tidak terdapatnya Tanda Tempat Keluar Kecemasan di pintu keluar, bahagian belakang premis.
3. 170/2016 – Tidak terdapatnya Pintu Api pada ruang tangga terlindung di sebelah kiri pintu masuk, tingkat bawah premis.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

**RA-87-621-11/2017**

**Pertuduhan Pertama**

Bahawa kamu, Pengurus Restoran Utara Dijaya PLT pada tarikh 27/02/2017 jam lebih kurang 03.30 petang bertempat di No.10E, Lot 17, Jalan Raja Syed Alwi, 01000 Kangar, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bernombor 167/2016 bertarikh 20/10/2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu tidak terdapatnya Tanda Tempat Keluar Kecemasan di pintu masuk, bahagian hadapan premis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**RA-87-622-11/2017**

**Pertuduhan Pertama**

Bahawa kamu, Pengurus Restoran Utara Dijaya PLT pada tarikh 27/02/2017 jam lebih kurang 03.30 petang bertempat di No.10E, Lot 17, Jalan Raja Syed Alwi, 01000 Kangar, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bernombor 168/2016 bertarikh 20/10/2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu tidak terdapatnya Tanda Tempat Keluar Kecemasan di pintu keluar, bahagian belakang premis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**RA-87-623-11/2017**

**Pertuduhan Pertama**

Bahawa kamu, Pengurus Restoran Utara Dijaya PLT pada tarikh 27/02/2017 jam lebih kurang 03.30 petang bertempat di No.10E, Lot 17, Jalan Raja Syed Alwi, 01000 Kangar, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bernombor 170/2016 bertarikh 20/10/2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu tidak terdapatnya Pintu Api pada ruang tangga terlindung di sebelah kiri pintu masuk, tingkat bawah premis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

OKS telah mengaku salah di atas pertuduhan tersebut. Majistret Puan Rusita Md Lazim telah menjatuhkan hukuman:

1. Denda RM 800.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-621-11/2017 atau dua (2) bulan penjara jika gagal membayar denda.
2. Denda RM 800.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-622-11/2017 atau dua (2) bulan penjara jika gagal membayar denda.
3. Denda RM 1,000.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-623-11/2017 atau tiga (3) bulan penjara jika gagal membayar denda.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohamad Yusrizal Bin Muhammad Yusof bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Restoran Utara Dijaya PLT mewakili diri sendiri.

## KES 63

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA, NEGERI PERLIS LAWAN OYC SHENG HONG TRADING

#### MAHKAMAH MAJISTRET KANGAR

NOMBOR SAMAN: RA-87-554-10/2017, RA-87-555-10/2017,  
RA-87-556-10/2017, RA-87-557-10/2017, RA-87-558-10/2017

PUAN RUSITA MD LAZIM

13 DISEMBER 2017

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A)

#### FAKTA KES ●

Pada 15.08.2016 jam lebih kurang 03.00 petang, satu pemeriksaan premis bagi tujuan Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Timbalan Penguasa Bomba Yusmi bin Arshad bersama Penolong Penguasa Bomba Mohamad Safaril bin Wahid di premis OYC Sheng Hong Trading, No.16-18, Jalan Sena Indah 3, Taman Sena Indah, Simpang 3, 01000 Kangar, Perlis, dan mendapati terdapat sembilan (9) bahaya kebakaran yang wujud pada premis tersebut.

Pada 17.08.2016 jam lebih kurang 11.30 pagi sebanyak sembilan (9) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada Ooi Yong Chiat yang merupakan pengurus premis tersebut.

Pada 22.08.2016 jam lebih kurang 11.30 pagi, satu pemeriksaan premis bagi tujuan Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Timbalan Penguasa Bomba Yusmi B. Arshad bersama Penolong Penguasa Bomba Mohamad Safaril B. Wahid di premis Nusa Murni Electrical & Trading, No.22 Jalan Sena Indah 3, Taman Sena Indah, 01000 Kangar Perlis dan mendapati terdapat sembilan (9) bahaya kebakaran yang wujud pada premis tersebut iaitu:

- i. Tidak terdapatnya jalan keluar mencukupi di bahagian belakang, tingkat satu premis.(Bil. Notis 119/2016)
- ii. Tidak terdapatnya jalan keluar mencukupi di bahagian belakang, tingkat bawah premis.(Bil. Notis 120/2016)
- iii. Tidak terdapatnya Pintu Api pada ruang tangga terlindung di sebelah kanan, pintu masuk tingkat bawah premis.(Bil. Notis 121/2016)
- iv. Tidak terdapatnya Pintu Api pada ruang tangga terlindung di tingkat satu premis.(Bil. Notis 122/2016)
- v. Tanda Keluar Kecemasan di pintu masuk bahagian hadapan, tingkat bawah premis tidak berfungsi.(Bil. Notis 123/2016)
- vi. Tanda Keluar Kecemasan di pintu keluar bahagian belakang, tingkat bawah premis tidak berfungsi.(Bil. Notis 124/2016)
- vii. Tanda Keluar Kecemasan di pintu keluar pada kurungan tangga terlindung, tingkat satu premis tidak berfungsi.(Bil. Notis 125/2016)
- viii. Tangga terlindung di tingkat satu premis dihalang dengan susunan tong cat menjadikan pelepasan diri menjadi sukar sekiranya berlaku kebakaran.(Bil. Notis 126/2016)
- ix. Lantai Stor tambahan di tingkat satu premis tidak mematuhi ketahanan api setengah jam.(Bil. Notis 127/2016)

Pada 08.09.2016 sebanyak dua (2) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada Wahida Yusnita Bt. Abd Raffar (801107-03-5212) yang merupakan Kerani di premis tersebut.

Pada 27.02.2017 jam lebih kurang 04.30 petang, Timbalan Penguasa Bomba Yusmi B. Arshad bersama Penolong Penguasa Bomba Mohamad Safaril B. Wahid telah membuat Pemeriksaan Semula dan mendapati pihak premis masih gagal mematuhi dua (2) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bilangan 119/2016 dan 120/2016 yang telah dikeluarkan terhadap premis tersebut.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **PERTUDUHAN:**

##### **RA-87-751-10/2017**

##### **Pertuduhan Pertama**

Bahawa kamu, Pengurus Nusa Murni Electrical & Trading, pada tarikh 27.02.2017 jam lebih kurang 04.30 petang bertempat di No.22, Jalan Sena Indah 3, Taman Sena Indah, 01000 Kangar, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. 119/2016 bertarikh 24.08.2016 dalam masa yang telah ditetapkan iaitu didapati tidak terdapatnya **Jalan Keluar yang mencukupi di bahagian belakang, tingkat satu (1) premis**. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

##### **RA-87-752-10/2017**

##### **Pertuduhan Kedua**

Bahawa kamu, Pengurus Nusa Murni Electrical & Trading, pada tarikh 27.02.2017 jam lebih kurang 04.30 petang bertempat di No.22, Jalan Sena Indah 3, Taman Sena Indah, 01000 Kangar, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. 120/2016 bertarikh 24.08.2016 dalam masa yang telah ditetapkan iaitu didapati tidak terdapatnya **Jalan Keluar yang mencukupi di bahagian belakang, tingkat bawah premis**. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **Hukuman**

Boleh didenda bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 iaitu denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan denda tambahan sebanyak satu ratus ringgit bagi setiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

#### **DIPUTUSKAN:**

OKS telah mengaku salah di atas pertuduhan tersebut. Majistret Puan Rusita Md Lazim telah menjatuhkan hukuman:

- I. Denda RM 650.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-751-12/2017 atau dua (2) bulan penjara jika gagal membayar denda.
- II. Denda RM 600.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-752-12/2017 atau dua (2) bulan penjara jika gagal membayar denda.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Penguasa Bomba Abdul Rahim Bin Che Omar bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Erawan Lmw Industries Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri

## KES 84

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN

**ERAWAN LMW INDUSTRIES SDN. BHD. LOT 1052, KG. KEMAYANG, TAWANG, 16020  
BACHOK, KELANTAN**

**MAHKAMAH MAJISTRET BACHOK, KELANTAN**

**NOMBOR KES: DD-87-27-12/2017**

**HAKIM MAJISTRET TUAN AZEM FATIHI BIN KAMAL**

**08 FEBRUARI 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 - Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### **FAKTA KES**

Pada 18 Mac 2014 jam lebih kurang 12.00 tengahari PKPgB Abdul Manaf bin Jaafar, PPgB Hamzah bin Musa, PBKI Nordin bin Zakaria dan PB Che Yunus bin Che Mat telah membuat pemeriksaan pertama bagi tujuan Perakuan Bomba di Erawan LMW Industries Sdn. Bhd. di alamat Lot 1052, Kg. Kemayang, Tawang, 16020 Bachok, Kelantan. Hasil pemeriksaan tersebut, didapati terdapat keperluan-keperluan yang perlu dipatuhi sebelum Perakuan Bomba dapat dikeluarkan.

Pada 19 Mac 2014, Notis Memberitahu Tentang Keperluan-Keperluan Yang Perlu Dipatuhi ( Borang FC6) telah disampaikan dan diberi tempoh selama 90 hari untuk dipatuhi sebelum Perakuan Bomba boleh dikeluarkan.

Pada 15 Jun 2014, Senior Engineering Manager Encik Hashim bin Hamzah telah membuat permohonan penangguhan tempoh pemeriksaan selama 3 bulan dan akan mengembalikan Borang FC4 apabila siap membuat pembaikan.

Pada 15 Mac 2015, sekali lagi Senior Engineering Manager Encik Hashim bin Hamzah telah membuat permohonan penangguhan tempoh pemeriksaan selama 3 bulan lagi dan akan mengembalikan Borang FC4 apabila siap membuat pembaikan. Walau bagaimanapun, Borang FC4 masih belum dikembalikan selepas tempoh penangguhan tersebut.

Pada 21 Ogos 2017 jam 11.00 pagi pemeriksaan kedua PKPgB Abdul Manaf bin Jaafar bersama PPgB Hj. Zainal Abidin bin Ali, mendapati Pengurus Erawan LMW Industries SDN. BHD. masih tidak mematuhi keperluan-keperluan terhadap Notis Memberitahu Tentang Keperluan-Keperluan Yang Perlu Dipatuhi (Borang FC6) sehingga tamat tempoh dan tidak mempunyai Perakuan Bomba bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba.

Oleh yang demikian, OKS telah melanggar Seksyen 32(5) dan seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh didakwa di Mahkamah serta boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 58 dan akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

**Pertuduhan Pertama**

Bahawasa kamu, Pengurus Erawan LMW Industries Sdn. Bhd. di premis ditetapkan Erawan LMW Industries Sdn. Bhd. beralamat di atas, pada 21 Ogos 2017 jam lebih kurang 11.00 pagi telah tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa berkenaan dengan premis ditetapkan tersebut. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan akta yang sama iaitu denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

**DIPUTUSKAN :**

Pada 08 Februari 2018 OKS telah diwakili Encik Hashim bin Hamzah telah mengaku salah di atas pertuduhan tersebut . Majistret Tuan Azem Fatihi bin kamal telah menjatuhkan hukuman denda RM5,000.00 terhadap pertuduhan tersebut.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Zuzuki bin Safei bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Erawan Lmw Industries Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri

## KES 85

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN *PIZZA HUT RESTAURANTS SDN. BHD.*

**MAHKAMAH MAJISTRET KANGAR**  
**NOMBOR SAMAN: RA-87-801-12/2017 & RA-87-802-12/2017**  
**PUAN RUSITA MD LAZIM**  
**12 FEBRUARI 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### **FAKTA KES**

Pada 23.06.2016 jam lebih kurang 03.00 petang, satu pemeriksaan premis bagi tujuan Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Timbalan Penguasa Bomba Yusmi B. Arshad bersama Penolong Penguasa Bomba Mohamad Safaril B. Wahid di Pizza Hut Restaurants Sdn. Bhd. No.22, Ground Floor, Jalan Bukit Lagi, 01000 Kangar Perlis dan mendapati terdapat dua (2) bahaya kebakaran yang wujud pada premis tersebut iaitu:-

- i. Tangga bagi jalan keluar di tingkat bawah, sebelah kanan pintu masuk tidak dilindungi dengan bahan ketahanan api dua (2) jam.
- ii. Tangga bagi jalan keluar di sebelah kiri tingkat satu bangunan tidak dilindungi dengan bahan ketahanan api dua (2) jam.

Pada 09.08.2016 sebanyak dua (2) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada Noordalilah Bt. Mahmud (851209-01-5170) yang merupakan Penolong Pengurus dipremis tersebut.

Pada 31.01.2017 jam lebih kurang 03.30 petang, Timbalan Penguasa Bomba Yusmi B. Arshad bersama Penolong Penguasa Bomba Mohamad Safaril B. Wahid telah membuat Pemeriksaan Semula dan mendapati pihak premis masih gagal mematuhi dua (2) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran. Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **PERTUDUHAN:**

**RA-87-801-12/2017**

##### **Pertuduhan Pertama**

Bahawa kamu, Pengurus Pizza Hut Sdn.Bhd, pada tarikh 31.01.2017 jam lebih kurang 03.00 petang bertempat di No.26-28, Ground Floor, Jalan Bukit Lagi, 01000 Kangar Perlis, telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. 90/2016 bertarikh 26.07.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu didapati gagal **mengadakan perlindungan tangga dengan bahan ketahanan api dua (2) jam pada tangga jalan keluar tingkat bawah, sebelah kanan pintu masuk bangunan supaya**

mengadakan perlindungan tangga dengan bahan ketahanan api dua (2) jam pada tangga jalan keluar tingkat bawah, sebelah kanan pintu masuk bangunan sebagaimana ditetapkan dalam jadual ketujuh Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**RA-87-802-12/2017**

**Pertuduhan Kedua**

Bahawa kamu, Pengurus Pizza Hut Sdn.Bhd, pada tarikh 31.01.2017 jam lebih kurang 03.00 petang bertempat di No.26-28, Ground Floor, Jalan Bukit Lagi, 01000 Kangar Perlis, telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. **91/2016** bertarikh 26.07.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu didapati gagal **mengadakan perlindungan tangga dengan bahan ketahanan api dua (2) jam pada tangga jalan keluar sebelah kiri, di tingkat satu bangunan supaya mengadakan perlindungan tangga dengan bahan ketahanan api dua (2) jam pada tangga jalan keluar sebelah kiri, di tingkat satu bangunan sebagaimana ditetapkan dalam jadual ketujuh Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.** Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

OKS telah mengaku salah di atas pertuduhan tersebut. Majistret Puan Rusita Md Lazim telah menjatuhkan hukuman:

- i. Denda RM 600.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-801-12/2017 atau dua (2) bulan penjara jika gagal membayar denda.
- ii. Denda RM 600.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-802-12/2017 atau dua (2) bulan penjara jika gagal membayar denda.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Penguasa Bomba Abdul Rahim Bin Che Omar bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Pizza Hut Restaurants Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 86

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN AYU VILLA HOTEL

#### MAHKAMAH MAJISTRET KANGAR

NOMBOR SAMAN: RA-87-797-12/2017, RA-87-798-12/2017 & RA-87-799-12/2017

HAKIM PUAN RUSITA MD LAZIM

12 FEBRUARI 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES

Pada 18.04.2016 jam lebih kurang 11.00 pagi, satu pemeriksaan premis bagi tujuan Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Timbalan Penguasa Bomba Yusmi B. Arshad bersama Penolong Penguasa Bomba Mohamad Safaril B. Wahid di Ayu Villa Hotel (RA0037059-T) No.15, Jalan Kangar Alor-Setar, Seriab 01000 Kangar Perlis dan mendapati terdapat tiga (3) bahaya kebakaran yang wujud pada premis tersebut iaitu:-

- i. Sistem Hos Gegelung tidak berada dalam keadaan yang baik.
- ii. Tidak terdapatnya Pintu Api pada ruang tangga terlindung di sebelah kiri, pintu masuk bahagian hadapan tingkat satu premis.
- iii. Tidak terdapatnya Pintu Api pada ruang tangga terlindung di sebelah kanan, pintu masuk bahagian hadapan tingkat satu premis.

Pada 12.05.2016 sebanyak tiga (3) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada Nurul Fadzilah Bt. Johari (910728-09-5122) yang merupakan Penyambut Tetamu dipremis tersebut.

Pada 09.02.2017 jam lebih kurang 12.00 tengahari, Timbalan Penguasa Bomba Yusmi B. Arshad bersama Penolong Penguasa Bomba Mohamad Safaril B. Wahid telah membuat Pemeriksaan Semula dan mendapati pihak premis masih gagal mematuhi tiga (3) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran yang telah dikeluarkan terhadap premis tersebut.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

##### Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu, Pengurus Ayu Villa Hotel, pada tarikh 09.02.2017 jam lebih kurang 12.00 tengahari bertempat di No.15, Jalan Kangar-Alor Setar, Seriab 01000 Kangar Perlis, telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. 51/2016 bertarikh 20.04.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu didapati sistem Hos Gelung tidak berada dalam keadaan baik supaya membaiki dan memastikan sistem



Hos Gelung berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan sebagaimana ditetapkan dalam jadual ketujuh Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **Pertuduhan Kedua**

Bahawa kamu, Pengurus Ayu Villa Hotel, pada tarikh 09.02.2017 jam lebih kurang 12.00 tengahari bertempat di No.15, Jalan Kangar-Alor Setar, Seriab 01000 Kangar Perlis, telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. 52/2016 bertarikh 20.04.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu didapati terdapatnya pintu api pada ruang tangga terlindung di sebelah kiri, pintu masuk bahagian hadapan tingkat satu premis supaya mengadakan satu unit pintu api pada ruang tangga terlindung di sebelah kiri, pintu masuk bahagian hadapan, tingkat satu premis sebagaimana ditetapkan dalam jadual ketujuh Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **Pertuduhan Ketiga**

Bahawa kamu, Pengurus Ayu Villa Hotel, pada tarikh 09.02.2017 jam lebih kurang 12.00 tengahari bertempat di No.15, Jalan Kangar-AlorSetar, Seriab 01000 Kangar Perlis, telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. 53/2016 bertarikh 20.04.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu didapati tidak terdapatnya pintu api pada ruang tangga terlindung di sebelah kanan, pintu masuk bahagian hadapan tingkat satu premis supaya mengadakan satu unit pintu api pada ruang tangga terlindung di sebelah kanan, pintu masuk bahagian hadapan, tingkat satu premis sebagaimana ditetapkan dalam jadual ketujuh Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **DIPUTUSKAN:**

OKS telah mengaku salah di atas pertuduhan tersebut. Majistret Puan Rusita Md Lazim telah menjatuhkan hukuman:

- I. Denda RM 300.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-797-12/2017 atau satu (1) bulan penjara jika gagal membayar denda.
- II. Denda RM 300.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-798-12/2017 atau satu (1) bulan penjara jika gagal membayar denda.
- III. Denda RM 200.00 bagi satu (1) pertuduhan dalam kes RA-87-799-12/2017 atau satu (1) bulan penjara jika gagal membayar denda.

### **KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Penguasa Bomba Abdul Rahim Bin Che Omar bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Ayu Villa Hotel mewakili diri sendiri

**KES 87**

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
LAWAN  
PENGURUS, PILLY FURNITURE CENTRE**

**MAHKAMAH MAJISTRET W.P. LABUAN  
NOMBOR SAMAN: LBN-87DPT-178/12-2017 (MC)  
MAJISTRET LEONA DOMINIC MOJILIU  
13 FEBRUARI 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

**FAKTA KES**

Pada 22 September 2016 jam lebih kurang 02:40 petang, Penolong Kanan Penguasa Bomba Kamarudin Bin Sogon bersama Penolong Penguasa Bomba Handry Aribun telah membuat pemeriksaan Penghapusan Bahaya Kebakaran di Pilly Furniture Centre, SL 225, Jalan Tun Mustapha, 87015 Wilayah Persekutuan Labuan untuk mengenalpasti bahaya kebakaran. Dalam pemeriksaan tersebut sebanyak tujuh (7) bahaya kebakaran telah ditemui dalam premis berkenaan.

Pada 29 September 2016, tujuh (7) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah dikeluarkan oleh Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Labuan dan telah disampaikan dengan serahan tangan oleh Penolong Penguasa Bomba Handry Aribun kepada Puan Wong Leong Leh iaitu pekerja kerani di Pilly Furniture Centre dengan diberikan tempoh tiga ratus enam puluh (360) hari bagi tujuan menghapuskan bahaya kebakaran yang disebutkan di atas.

Pada 13 Oktober 2017 jam lebih kurang 10:00 pagi Penolong Penguasa Bomba Handry Aribun bersama Penolong Penguasa Bomba Affendi Chin telah membuat pemeriksaan semula di Pilly Furniture Centre, SL 225, Jalan Tun Mustapha, 87015 Wilayah Persekutuan Labuan dan mendapati sebanyak tujuh (7) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran yang telah dikeluarkan pada 29 September 2016 **masih belum** dipatuhi iaitu :-

- I. Gagal mengadakan Pemasangan Semburan Automatik (Automatic Sprinkler) mengikut kehendak undang-undang. Ruj WPL/BKK/97/2016
- II. Gagal mengadakan Pemasangan Hos Gelung (Hose Reel) mengikut kehendak undang-undang. Ruj WPL/BKK/98/2016
- III. Gagal mengadakan Pemasangan Sistem Penggera Kebakaran Elektrik Manual (Manual Electrical Fire Alarm Sistem) mengikut kehendak undang-undang. Ruj WPL/BKK/99/2016
- IV. Gagal mengadakan Janakuasa (Generator) mengikut kehendak undang-undang. Ruj WPL/BKK/100/2016
- V. Gagal mengadakan jalan keluar sentiasa mencukupi di showroom dari aras satu ke aras bawah di bangunan tersebut. Ruj WPL/BKK/101/2016
- VI. Gagal mengadakan jalan keluar sentiasa mencukupi dari bilik store dari aras satu ke aras bawah di bangunan tersebut. Ruj WPL/BKK/102/2016

VII. Gagal mengadakan dinding pangsang diantaras bilik setor dengan showroom di aras satu dan aras bawah di bangunan tersebut. Ruj WPL/BKK/103/2016

Oleh yang demikian, OKS telah melanggar Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh didakwa di Mahkamah bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **PERTUDUHAN:**

##### **Pertuduhan Pertama**

Bahawa kamu pada 13.10.2017 jam lebih kurang 10:00 pagi di premis Pilly Furniture Centre, SL 225, Jalan Tun Mustapha, 87015 Wilayah Persekutuan Labuan sebagai penama yang bertanggungjawab kerana telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bertarikh 29.09.16 dalam masa yang ditetapkan iaitu:

Mengadakan Pemasangan Semburan Automatik (Automatic Sprinkler) mengikut kehendak undang-undang

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

##### **Pertuduhan Kedua**

Bahawa kamu pada 13.10.2017 jam lebih kurang 10:00 pagi di premis Pilly Furniture Centre, SL 225, Jalan Tun Mustapha, 87015 Wilayah Persekutuan Labuan sebagai penama yang bertanggungjawab kerana telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bertarikh 29.09.16 dalam masa yang ditetapkan iaitu:

Mengadakan Pemasangan Hos Gelung (Hose Reel) mengikut kehendak undang-undang

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

##### **Pertuduhan Ketiga**

Bahawa kamu pada 13.10.2017 jam lebih kurang 10:00 pagi di premis Pilly Furniture Centre, SL 225, Jalan Tun Mustapha, 87015 Wilayah Persekutuan Labuan sebagai penama yang bertanggungjawab kerana telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bertarikh 29.09.16 dalam masa yang ditetapkan iaitu:

Mengadakan Pemasangan Sistem Penggera Kebakaran Elektrik Manual (Manual Electrical Fire Alarm Sistem) mengikut kehendak undang-undang

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

##### **Pertuduhan Keempat**

Bahawa kamu pada 13.10.2017 jam lebih kurang 10:00 pagi di premis Pilly Furniture Centre, SL 225, Jalan Tun Mustapha, 87015 Wilayah Persekutuan Labuan sebagai penama yang bertanggungjawab kerana telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bertarikh 29.09.16 dalam masa yang ditetapkan iaitu:

Mengadakan Janakuasa (Generator) mengikut kehendak undang-undang

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **Pertuduhan Kelima**

Bahawa kamu pada 13.10.2017 jam lebih kurang 10:00 pagi di premis PillyFurnitureCentre, SL 225, Jalan Tun Mustapha, 87015 Wilayah Persekutuan Labuan sebagai penama yang bertanggungjawab kerana telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bertarikh 29.09.16 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Mengadakan jalan keluar sentiasa mencukupi di showroom dari aras satu ke aras bawah di bangunan tersebut

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **Pertuduhan Keenam**

Bahawa kamu pada 13.10.2017 jam lebih kurang 10:00 pagi di premis PillyFurnitureCentre, SL 225, Jalan Tun Mustapha, 87015 Wilayah Persekutuan Labuan sebagai penama yang bertanggungjawab kerana telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bertarikh 29.09.16 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Mengadakan jalan keluar sentiasa mencukupi dari bilik store dari aras satu ke aras bawah di bangunan tersebut

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **Pertuduhan Ketujuh**

Bahawa kamu pada 13.10.2017 jam lebih kurang 10:00 pagi di premis Pilly Furniture Centre, SL 225, Jalan Tun Mustapha, 87015 Wilayah Persekutuan Labuan sebagai penama yang bertanggungjawab kerana telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bertarikh 29.09.16 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Mengadakan dinding pangsang di antara bilik setor dengan showroom di aras satu dan aras bawah di bangunan tersebut

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **DIPUTUSKAN:**

Hakim Leona Dominic Mojiliu telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 700 bagi setiap pertuduhan(RM 4,900) atau penjara 5 Hari jika gagal membayar denda atas pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Chong Hon Fah@Christopher bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Pilly Furniture Centre mewakili diri sendiri.

## KES 88

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT LAWAN SUARA WIRA SDN. BHD. (317680-P) MEGALONG SHOPPING MALL

MAHKAMAH MAJISTRET KOTA KINABALU  
NOMBOR SAMAN: BKI-87DPT-214/1-2018(MC1)  
MAJISTRET CINDY MC JUCE BALITUS  
27 FEBRUARI 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### FAKTA KES •

Pada 16 Jun 2015 Pemeriksaan kali pertama bagi tujuan pemeriksaan Perakuan Bomba telah dilakukan oleh PKPgB Muhamad Elias Bin Shukor, PPGb Ray Mansin, PB Marcus Jr dan PB Saminin dan hasil pemeriksaan keatas premis ini mendapati ianya tidak disokong untuk dikeluarkan Perakuan Bomba.

Pada 19 Jun 2015 suatu **Notis Memberitahu Tentang Keperluan-Keperluan Yang Perlu Dipatuhi Bagi Tujuan Pengeluaran Perakuan Bomba (Borang FC 6)** telah dikeluarkan kepada Pengurus Suara Wira Sdn. Bhd (317680-P) Megalong Shopping Mall, Lower Ground Floor, 89500 Penampang, Sabah dan hendaklah dipatuhi dengan sempurna dalam tempoh masa 30 hari.

Pada 13 Ogos 2015 satu surat peringatan dikeluarkan oleh Bahagian Keselamatan Kebakaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia Negeri Sabah dan perlu memberikan maklumbalas dalam tempoh 14 hari.

Pada 14 Disember 2015 satu surat peringatan terakhir dikeluarkan oleh Bahagian Keselamatan Kebakaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sabah dan perlu memberikan maklumbalas dalam tempoh 14 hari.

Pada 11 Mac 2016 satu pengaduan dilakukan oleh PgKB I Jemros Bin Olin ke Cawangan Pendakwaan untuk tujuan pendakwaan kerana Syarikat Suara Wira Sdn. Bhd (317680-P) Megalong Shopping Mall tidak mematuhi keperluan-keperluan di Notis Memberitahu Tentang Keperluan-Keperluan yang Perlu Dipatuhi bagi Tujuan Pengeluaran Perakuan Bomba (Borang FC6).

Pada 31 Januari 2017, Timbalan Pendakwaraya telah menyarankan agar Pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sabah menghantar semula Notis Kepada Syarikat Suara Wira Sdn. Bhd (317680-P) Megalong Shopping Mall.

Pada 21 Mac 2017 Bahagian Keselamatan Kebakaran, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Malaysia Negeri Sabah telah mengeluarkan Notis Memberitahu Tentang Keperluan-Keperluan Yang Perlu Dipatuhi Bagi Tujuan Pengeluaran Perakuan Bomba (Borang FC 6) kepada Pengurus Suara Wira Sdn. Bhd (317680-P) Megalong Shopping Mall, Lower Ground Floor, 89500 Penampang, Sabah dan hendaklah dipatuhi dengan sempurna dalam tempoh masa 30 hari.

Pada 10 Oktober 2017 Satu permohonan pemeriksaan bagi tujuan Perakuan Bomba telah dipohon oleh pihak Premis. (Borang FC 4)

Pada 10 Oktober 2017, Pemeriksaan kali kedua bagi tujuan Perakuan Bomba telah dilakukan oleh PKPgB Zeno Tingalan, PKPgB Mohammad Akramin Bin Sakirun dan PPgB Edeon Macheal dan laporan pemeriksaan adalah dalam Borang FC3 dimana premis ini tidak disokong untuk dikeluarkan Perakuan Bomba.

Pada 16 Oktober 2017 satu pengaduan dilakukan oleh PgKB I Jemros Bin Olin ke Cawangan Pendakwaan untuk tujuan pendakwaan kerana Syarikat Suara Wira Sdn. Bhd (317680-P) Megalong Shopping Mall tidak mematuhi keperluan-keperluan di Notis Memberitahu Tentang Keperluan-Keperluan yang Perlu Dipatuhi bagi Tujuan Pengeluaran Perakuan Bomba (Borang FC6).

Oleh kerana premis tersebut tidak mempunyai Perakuan Bomba yang berkuatkuasa menurut seksyen 28(1) maka Syarikat Suara Wira Sdn. Bhd (317680-P) Megalong Shopping Mall telah melakukan kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh di hukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

Bahawa kamu **SUARA WIRA SDN. BHD (317680-P) MEGALONG SHOPPING MALL** beralamat di **Megalong Shopping Mall, Lower Ground Floor, 89500 Penampang, Sabah** iaitu sebuah premis yang ditetapkan mengikut Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan 1998), telah pada 10 Oktober 2017 jam lebih kurang 10.00 pagi, didapati **tidak mempunyai Perakuan Bomba Berkuatkuasa** dan Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 yang boleh dihukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Cindy Mc Juce Balitus telah mensabitkan OKS bersalah dan menjatuhkan hukuman denda RM3500 dan Sehari Penjara dan sekiranya ingkar dipenjara 10 bulan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Mohd. Alfian Bin Salioh bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Premis Suara Wira Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri



**KES 89**

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
LAWAN  
PERSONA ENTERPRISE**

**MAHKAMAH MAJISTRET SUNGAI PETANI  
NOMBOR SAMAN: KB-87-117-02/2018  
TUAN MOHAMAD FAREED BIN ABD LATIF  
20 MACH 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

**FAKTA KES**

Pada 29.06.2015 jam lebih kurang 10.30 pagi, satu pemeriksaan premis bagi tujuan menghapuskan bahaya kebakaran telah dilakukan oleh PPgB Mohd Fakrul Radzi bin Bemawi bersama-sama PPgB Mohd Faiz bin Helmi terhadap Persona Enterprise, 31 Jalan Perdana Height, 08000 Sungai Petani, Kedah mendapati terdapat bahaya kebakaran yang wujud pada premis tersebut.

Pada 04.08.2015 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bertarikh 04.08.2015 telah disampaikan kepada Persona Enterprise, 31 Jalan Perdana Height, 08000 Sungai Petani, Kedah untuk dipatuhi dalam tempoh yang ditetapkan.

Pada 08.06.2016 jam lebih kurang 1.35 petang, PKPgB Mohd Hadziri bin Ibrahim dan PPgB Safuwan bin Md Saad serta PPgB Mohamad Firdaus bin Isa telah membuat Pemeriksaan Semula dan mendapati Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran ( Borang A ) tersebut masih tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

**PERTUDUHAN PERTAMA**

Bahawa kamu, pada tarikh 08.06.2016 jam lebih kurang 01.35 petang bertempat di Persona Enterprise, 31, Jalan Perdana Height 2/1, Jalan Perdana Height, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. KD/SGP 157/2015 bertarikh 04.08.2015 dalam masa 120 hari iaitu gagal mengadakan Sistem Gelung Hos Hidraulik di bangunan Persona Enterprise, mematuhi Piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Hakim Tuan Mohamad Fareed bin Abd Latif jatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2300.00

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- i. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- ii. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Sallehuddin bin Darawi bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Premis Nesfern Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri

## KES 90

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN NESFERN SDN. BHD.

#### MAHKAMAH MAJISTRET SELAYANG

NOMBOR SAMAN: **BD-87-161-1/2018, BD-87-162-1/2018 DAN BD-87-163-1/2018**

MAJISTRET NURUL IZZAH BINTI HASSAN BASRI

**26.2.2018 (SEBUTAN PERTAMA), 27.03.2018 (JATUH HUKUM)**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES

Pemeriksaan premis bagi tujuan penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (menghapus bahaya-bahaya kebakaran) telah dijalankan di premis Nesfern Sdn. Bhd. Lot 46920, jalan 4, Taman Perindustrian Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan oleh PBK II Harun bin Hj.Ahmad Sali dan PB Mohd Naim Bin Sulaiman dari BBP Selayang pada 14.06.2016 jam lebihkurang 10.00 Pagi.

Hasil pemeriksaan, di dapati wujud bahaya kebakaran di premis ini dan sebanyak 9 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah dikeluarkan kepada Nesfern Sdn.Bhd yang bertarikh 28.07.2016. Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran diserahkan kepada wakil premis dan diberi tempoh selama 60 hari untuk dipatuhi.

Pemeriksaan semula telah dilakukan oleh PPgB Mohd Khairul Anuar bersama PBK II Harun bin Hj.Ahmad Sali pada 24.11.2016. Hasil pemeriksaan didapati sebanyak 9 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran gagal dipatuhi iaitu notis siri ZHS:1031/2016, ZHS:1032/2016, ZHS:1033/2016, ZHS:1034/2016, ZHS:1036/2016, ZHS:1037/2016, ZHS:1038/2016, ZHS:1039/2016, dan ZHS:1040/2016

Pada 01.03.2017 kertas siasatan telah dibuka, perlantikan dibuat bagi pegawai penyiasat iaitu PgB Arief Fikry bin Yusof dan pegawai pendakwa ialah PKPgB Ahmad Syauqi bin Abdullah.

#### PERTUDUHAN:

Bahawasanya kamu, Pengurus premis Nesfern Sdn. Bhd. Lot 46920, jalan 4, Taman Perindustrian Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan telah gagal mematuhi kehendak – kehendak yang dinyatakan dalam Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bil notis : ZHS:1031/2016, ZHS:1032/2016, ZHS:1033/2016, ZHS:1034/2016, ZHS:1036/2016, ZHS:1037/2016, ZHS:1038/2016,ZHS:1039/2016 dan ZHS:1040/2016 bertarikh 28.07.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu :

- I. Didapati lampu tanda keluar di pintu utama bahagian hadapan tingkat bawah tidak berfungsi
- II. Didapati tidak terdapat lampu kecemasan di ruang stor tingkat bawah.

- III. Didapati tidak terdapat alat pemadam api mudah alih di kebanyakan lokasi di premis ini.
- IV. Didapati tidak terdapat sistem pemasangan hos gelung di premis ini.
- V. Didapati laluan akses perkakas bomba di sebelah kanan bangunan dihalang dengan barangan.
- VI. Didapati pintu kecemasan di ruang pejabat ke tangga jalan keluar di tingkat bawah bukan dari jenis pintu rintangan api.
- VII. Didapati pintu kecemasan di ruang pejabat ke tangga jalan keluar di tingkat 1 bukan dari jenis pintu rintangan api.
- VIII. Didapati pintu kecemasan di ruang pejabat ke tangga jalan keluar di tingkat 2 bukan dari jenis pintu rintangan api.
- IX. Didapati tingkat 2 bangunan tersebut dijadikan tempat tinggal pekerja yang boleh mengancam nyawa jika berlaku kebakaran.

Oleh yang demikian kamu telah melanggar Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 10 Akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Nurul Izzah binti Hassan Basri telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 6000.00 keatas 9 pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Ahmad Syauqi bin Abdullah bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Premis Nesfern Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri

## KES 91

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN GHAZRIN BUDGET HOTEL

MAHKAMAH MAJISTRET JOHOR BAHRU, JOHOR  
NOMBOR SAMAN: JA-87-934-03/2018  
MAJISTRET PUAN SURLEHAN BINTI ABDUL RAHMAN  
08 APRIL 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### FAKTA KES

Pada 05 Oktober 2015, lebih kurang jam 02:00 petang satu pemeriksaan permohonan Perakuan Bomba telah dilakukan oleh Penolong Penguasa Bomba Mohd Mazrul bin Abdul Mutalib bersama Penolong Penguasa Bomba Norliana binti Mohd Yusof di Premis Ghazrins Budget Hotel di alamat No.18 dan 20, Jalan Garuda 1, 80350, Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim.

Satu notis memberitahu tentang keperluan-keperluan yang perlu di patuhi (Borang FC6) bertarikh 18 Oktober 2015 telah di keluarkan kepada Premis Ghazrins Budget Hotel dan di beri tempoh selama seratus dua puluh (120) hari untuk di sempurnakan.

Pada 19 Disember 2016 lebih kurang jam 11:00 pagi pemeriksaan semula untuk memastikan notis memberitahu tentang keperluan-keperluan yang perlu di patuhi (Borang FC6) telah di lakukan oleh Penolong Penguasa Bomba Mohd Hairul Anuar bin Ali dan Penolong Penguasa Bomba Azhar bin Mohd Jalil.

Hasil pemeriksaan tersebut di dapati ada beberapa keperluan-keperluan sepertimana dalam Notis FC6 yang masih lagi tidak di patuhi iaitu: -

- I. Sila kemukakan pelan arkitek dan pelan mekanikal yang telah di sahkan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- II. Sila pastikan Pemasangan Keselamatan Kebakaran berada dalam keadaan baik dan boleh berfungsi pada bila-bila masa.
  - a. Sila pastikan Pemasangan Keselamatan Kebakaran di selenggara oleh "Fire Contractor" yang berkelayakan.

Oleh yang demikian, Premis Ghazrins Budget Hotel yang beralamat No.18 dan 20, Jalan Garuda 1, 80350, Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, telah melakukan kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh di hukum bawah seksyen 58 dan akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

BAHAWASANYA kamu Pengurus Ghazrin Budget Hotel beralamat No.18 dan 20, Jalan Garuda 1, 80350, Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim yang merupakan sebuah premis ditetapkan mengikut Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1998, telah pada 19 Disember 2016 lebih kurang jam 11.00 pagi telah tiada Perakuan Bomba. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Puan Surlehan binti Abd Rahman telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000.00 atas pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Mohd Hanif bin Che Hasim bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Premis Ghazrin Budget Hotel mewakili diri sendiri

## KES 92

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN MR DIY KUCHAI SDN BHD WAKAF TAPAI

MAHKAMAH MAJISTRET MARANG

NOMBOR SAMAN: MM87-36-03/2018,

MM87-37-03/2018, MM87-38-03/2018,

MM87-39-03/2018

MAJISTRET TN. NIK MOHD TARMIZIE BIN NIK MOHD SHUKRI

16 APRIL 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 - Kesalahan kerana gagal mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran.

#### FAKTA KES

Pada 11 Januari 2017 jam lebih kurang 12.00 tengahari Penolong Kanan Penguasa Bomba Abdul Hafiz bin Nuwawi bersama Penolong Kanan Penguasa Bomba Azila binti Wahab dari Bahagian Keselamatan Kebakaran Zon 1 Terengganu telah melakukan pemeriksaan Menghapus Bahaya Kebakaran (MBK) di alamat Mr DIY (Kuchai) Sdn Bhd, Lot 7549-7555 Bangunan MDM Kedai Wakaf Tapai, Jalan Kuala Berang 21040 Marang, semasa pemeriksaan dilakukan didapati wujud 11 kesalahan berkaitan Bahaya Kebakaran.

Pada 2 Februari 2017, 11 Notis kesalahan Menghapus Bahaya Kebakaran bertarikh 15 Januari 2017 dengan tempoh masa 60 hari untuk dipatuhi telah diserahkan kepada pihak premis Mr DIY (Kuchai) Sdn Bhd.

Pada 19 April 2017 jam lebih kurang 5.00 petang satu pemeriksaan semula Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Abdul Hafiz bin Nuwawi bersama Penolong Kanan Penguasa Bomba Azila binti Wahab, semasa pemeriksaan dilakukan didapati 11 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran yang disampaikan masih belum dipatuhi oleh premis Mr DIY (Kuchai) Sdn Bhd.

Oleh yang demikian premis Mr DIY (Kuchai) Sdn Bhd telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

NOMBOR SAMAN: MM87-36-03/2018

#### PERTUDUHAN PERTAMA

Bahawa kamu, pada 21 Jun 2017, lebih kurang jam 2.30 petang di premis Mr DIY (Kuchai) Sdn. Bhd. Lot 7549-7555 Bangunan MDM, Kedai Wakaf Tapai, Jalan Kuala Berang, 21040 Kuala Terengganu, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor TR/Z1TR: 12/2017 bertarikh 16 Februari 2017 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Gagal memastikan Panel Penggera Kebakaran sebelum pintu masuk utama berada dalam keadaan baik dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(d) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

### **PERTUDUHAN KEDUA**

Bahawa kamu, pada 21 Jun 2017, lebih kurang jam 2.30 petang di premis Mr DIY (Kuchai) Sdn. Bhd. Lot 7549-7555 Bangunan MDM, Kedai Wakaf Tapai, Jalan Kuala Berang, 21040 Kuala Terengganu, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor TR/Z1TR: 13/2017 bertarikh 16 Februari 2017 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Gagal memastikan Hos Gelung di tingkat bawah sebelah kaunter juruwang berada dalam keadaan baik dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(d) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

### **PERTUDUHAN KETIGA**

Bahawa kamu, pada 21 Jun 2017, lebih kurang jam 2.30 petang di premis Mr DIY (Kuchai) Sdn. Bhd. Lot 7549-7555 Bangunan MDM, Kedai Wakaf Tapai, Jalan Kuala Berang, 21040 Kuala Terengganu, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor TR/Z1TR: 14/2017 bertarikh 16 Februari 2017 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Gagal memastikan Hos Gelung di tingkat atas bahagian Household berada dalam keadaan baik dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(d) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

### **NOMBOR SAMAN: MM87-37-03/2018**

#### **PERTUDUHAN PERTAMA**

Bahawa kamu, pada 21 Jun 2017, lebih kurang jam 2.30 petang di premis Mr DIY (Kuchai) Sdn. Bhd. Lot 7549-7555 Bangunan MDM, Kedai Wakaf Tapai, Jalan Kuala Berang, 21040 Kuala Terengganu, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor TR/Z1TR: 15/2017 bertarikh 16 Februari 2017 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Tiada Pintu Api di tingkat bawah bahagian barangan elektrik dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

#### **PERTUDUHAN KEDUA**

Bahawa kamu, pada 21 Jun 2017, lebih kurang jam 2.30 petang di premis Mr DIY (Kuchai) Sdn. Bhd. Lot 7549-7555 Bangunan MDM, Kedai Wakaf Tapai, Jalan Kuala Berang, 21040 Kuala Terengganu, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor TR/Z1TR: 16/2017 bertarikh 16 Februari 2017 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-



Tiada Pintu Api di tingkat bawah bahagian aksesories kereta dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

### **PERTUDUHAN KETIGA**

Bahawa kamu, pada 21 Jun 2017, lebih kurang jam 2.30 petang di premis Mr DIY (Kuchai) Sdn. Bhd. Lot 7549-7555 Bangunan MDM, Kedai Wakaf Tapai, Jalan Kuala Berang, 21040 Kuala Terengganu, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor TR/Z1TR: 17/2017 bertarikh 16 Februari 2017 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Tiada tambahan jalan keluar yang mencukupi di tingkat bawah dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

### **NOMBOR SAMAN: MM87-38-03/2018**

#### **PERTUDUHAN PERTAMA**

Bahawa kamu, pada 21 Jun 2017, lebih kurang jam 2.30 petang di premis Mr DIY (Kuchai) Sdn. Bhd. Lot 7549-7555 Bangunan MDM, Kedai Wakaf Tapai, Jalan Kuala Berang, 21040 Kuala Terengganu, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor TR/Z1TR: 18/2017 bertarikh 16 Februari 2017 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Tiada Sistem Penggera Kebakaran di keseluruhan premis dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

#### **PERTUDUHAN KEDUA**

Bahawa kamu, pada 21 Jun 2017, lebih kurang jam 2.30 petang di premis Mr DIY (Kuchai) Sdn. Bhd. Lot 7549-7555 Bangunan MDM, Kedai Wakaf Tapai, Jalan Kuala Berang, 21040 Kuala Terengganu, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor TR/Z1TR: 19/2017 bertarikh 16 Februari 2017 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Tiada Sistem Pengesan api Automatik di keseluruhan premis dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**TUAN MOHAMAD FAREED BIN ABD LATIF**  
**05 JUN 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### **FAKTA KES**

Pada 23.05.2015 jam lebih kurang 10.30 pagi, suatu Pemeriksaan Premis Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Penolong Penguasa Bomba Mohd faizol Izwan bin Hang Tuah bersama Pegawai Bomba Mohd zaini bin Khadir telah membuat Pemeriksaan Pengenalpastian Menghapuskan Bahaya Kebakaran di premis Perabot Aikamay, 2g jalan Kampong Baru, 08000 Sungai Petani, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud pada premis tersebut.

Pada 08.07.2015 sebanyak 4 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada pemilik perniagaan tersebut iaitu Kam Tack Poh (660708-02-5291) supaya pihak premis mematuhi kehendak-kehendak notis dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Pada 28.06.2016 jam lebih kurang 12.30 tengah hari, Penolong Penguasa Bomba Mohd Fakrul Radzi bin Bemawi bersama-sama Penolong Penguasa Bomba Mohd Faiz bin Helmi telah membuat Pemeriksaan Semula Penghapusan Bahaya Kebakaran di premis tersebut dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **PERTUDUHAN:**

#### **LAMPIRAN A**

##### **Pertuduhan Pertama**

Bahawasanya kamu, pada 28.06.2016 jam lebih kurang 12.30 tengahari di premis Perabot Aikamay, 2g Jalan Kampong Baru, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran KD/SGP 122/2015 bertarikh 08.07.2015 iaitu mengadakan Tangga Keselamatan Kedua di bangunan Perabot Aikamay seperti mana mengikut kehendak Jadual Ke Sepuluh, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 mengikut piawaian yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **Pertuduhan Kedua**

Bahawasanya kamu, pada 28.06.2016 jam lebih kurang 12.30 tengahari di premis Perabot Aikamay, 2g Jalan Kampong Baru, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran KD/SGP 123/2015 bertarikh 08.07.2015 iaitu mengadakan Sistem Gelung Hos Hidraulik di bangunan Perabot Aikamay tersebut mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **Pertuduhan Ketiga**

Bahawasanya kamu, pada 28.06.2016 jam lebih kurang 12.30 tengahari di premis Perabot Aikamay, 2g Jalan Kampong Baru, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran KD/SGP 124/2015 bertarikh 08.07.2015 iaitu mengadakan Sistem Penggera Elektrik Manual di bangunan Perabot Aikamay seperti mana kehendak jadual ke sepuluh, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 mengikut piawaian yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

## **LAMPIRAN B**

### **Pertuduhan Pertama**

Bahawasanya kamu, pada 28.06.2016 jam lebih kurang 12.30 tengahari di premis Perabot Aikamay, 2g Jalan Kampong Baru, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran KD/SGP 125/2015 bertarikh 08.07.2015 iaitu mengadakan Unit Titik Isyarat (Lampu Kecemasan ) di bangunan Perabot Aikamay seperti mana mengikut kehendak jadual ke sepuluh, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 mengikut kehendak piawaian yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

### **DIPUTUSKAN:**

Hakim Tuan Mohamad Fareed bin Abd Latif jatuhkan hukuman denda sebanyak RM 1,500 atau 1 bulan penjara setiap pertuduhan

### **KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

### **UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).



**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Kanan Bomba II Rahimi bin Ali bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Premis Perabot Aikamay mewakili diri sendiri.

## KES 107

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA LAWAN LOTUS INN SDN. BHD.

MAHKAMAH MAJISTRET (MELAKA)  
NOMBOR SAMAN: MA-87-1196-05/2018  
MAJISTRET FIRDAUS BIN SALLEH  
6 JULAI 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### FAKTA KES

Pada tarikh 07.12.2017 satu aduan kesalahan berkenaan dengan Perakuan Bomba telah dikeluarkan oleh PPgB Mohd Hanif bin Mustafa ke atas premis LOTUS INN SDN. BHD. yang beralamat di No. 2846, Jln Semabok, 75050 Melaka. Pihak premis masih gagal menyempurnakan Notis Memberitahu Tentang Keperluan-Keperluan Yang Perlu Dipatuhi ( Notis FC 6 ) yang dikeluarkan kepada pihak premis untuk dipatuhi. Oleh itu premis ini tidak mempunyai Perakuan Bomba Berkuatkuasa dan adalah melakukan suatu kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988. Jika disabit kesalahan boleh di hukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

Bahawa kamu Pemunya LOTUS INN SDN. BHD. di alamat No. 2846 Jalan Semabok, dalam Daerah Melaka Tengah di Negeri Melaka, sebuah premis ditetapkan menurut Penggunaan Premis 3, Jadual Premis Ditetapkan, Perintah Perkhidmatan Bomba 1988. Pada tarikh 07.12.2017 didapati tidak mempunyai Perakuan Bomba Berkuatkuasa sebagaimana dikehendaki bawah seksyen 28(1), Akta Perkhidmatan Bomba 1988 ( Akta 341 ). Oleh itu kamu telah melanggar Seksyen 33 dan boleh dihukum bawah seksyen 58, Akta 341.

#### DIPUTUSKAN:

Majistret Firdaus bin Salleh telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 1000.00 bagi kesalahan tersebut.

#### KES YANG DIRUJUK:

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Noraini Bte Husin bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Lotus Inn Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 108

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
LAWAN  
KCS RESOURCES CORPORATION (M) SENDIRIAN BERHAD (570831-W)  
-LORONG MERPATI**

**MAHKAMAH MAJISTRET ALOR SETAR  
NOMBOR SAMAN: KA-87-758-06/2018  
TUAN ARIF BIN MOHAMAD  
09 JULAI 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

### **FAKTA KES**

Pada 25.05.2016 jam lebih kurang 04.25 petang, satu Pemeriksaan Premis Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Ridzuan bin Nut Jamudin bersama Pegawai Bomba Kanan II Idros bin Saad telah membuat Pemeriksaan Pengenalpastian Menghapuskan Bahaya Kebakaran di premis KCS RESOURCES CORPORATION (M) SDN BHD, 880-A & B, Lorong Merpati, Jalan Langgar 05200 Alor Setar, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud pada premis tersebut.

Pada 02.06.2016 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada penghuni premis yang merupakan pekerja syarikat tersebut supaya pihak premis mematuhi kehendak-kehendak notis dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Pada 29.03.2017 jam lebih kurang 2.00 petang, Penolong Kanan Penguasa Bomba Anbarasan a/ Yasiminan bersama-sama Penolong Penguasa Bomba Ariff Fazila bin Haji Ani dan Pegawai Bomba Kanan II Idros bin Saad telah membuat Pemeriksaan Semula Penghapusan Bahaya Kebakaran di premis tersebut dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **PERTUDUHAN:**

#### **LAMPIRAN A**

##### **Pertuduhan Pertama**

Bahawasanya kamu, pada 29.03.2017 jam lebih kurang 2.00 petang di premis KCS RESOURCES CORPORATION (M) SDN. BHD, No. 880-A & B Lorong Merpati, Jalan Langgar, 05200 Alor Setar, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran JBPM/KD/ZKS: 185/2016 bertarikh 31 Mei 2016 iaitu mengadakan Sistem Hos Gelung di dalam Premis dalam

tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Hakim Tuan Arif bin Mohamad jatuhkan hukuman denda sebanyak RM 3,000.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Kanan Bomba II Rahimi bin Ali bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus KCS Resources Corporation (M) Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 109

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
LAWAN  
KCS RESOURCES CORPORATION (M) SENDIRIAN BERHAD (570831-W)  
-KUALA KEDAH**

**NOMBOR SAMAN: KA-87-757-06/2018  
MAHKAMAH MAJISTRET ALOR SETAR  
TUAN ARIF BIN MOHAMAD  
09 JULAI 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

### **FAKTA KES**

Pada 25.05.2016 jam lebih kurang 03.15 petang, suatu Pemeriksaan Premis Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Ridzuan bin Nut Jamudin bersama Pegawai Bomba Kanan II Idros bin Saad telah membuat Pemeriksaan Pengenalpastian Menghapuskan Bahaya Kebakaran di premis KCS RESOURCES CORPORATION (M) SDN BHD, No 1A Jalan Kuala Kedah, 05400 Alor Setar, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud pada premis tersebut.

Pada 02.06.2016 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada penghuni premis yang merupakan pekerja syarikat tersebut supaya pihak premis mematuhi kehendak-kehendak notis dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Pada 29.03.2017 jam lebih kurang 12.30 tengah hari, Penolong Kanan Penguasa Bomba Anbarasan a/l Yasiminan bersama-sama Penolong Penguasa Bomba Ariff Fazila bin Haji Ani dan Pegawai Bomba Kanan II Idros bin Saad telah membuat Pemeriksaan Semula Penghapusan Bahaya Kebakaran di premis tersebut dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **PERTUDUHAN:**

#### **LAMPIRAN A**

##### **Pertuduhan Pertama**

Bahawasanya kamu, pada 13.03.2017 jam lebih kurang 12.30 tengahari di premis KCS RESOURCES CORPORATION (M) SDN. BHD, No. 1A Jalan Kuala Kedah, 05400 Alor Setar, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran JBPM/KD/ZKS: 166/2016 bertarikh 31

Mei 2016 iaitu mengadakan Sistem Hos Gelung di dalam Premis dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Hakim Tuan Arif bin Mohamad jatuhkan hukuman denda sebanyak RM 3,000.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Kanan Bomba II Rahimi bin Ali bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus KCS Resources Corporation (M) Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri

## KES 110

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN HOTEL HERITAGE (CO. NO.: 247753 - K)

MAHKAMAH MAJISTRET (CAMERON HIGHLANDS)  
NOMBOR SAMAN: CG87-28-06/2018  
MAJISTRET MUHAMMAD IBRAHIM BIN MUHAMMAD GHULAM  
10 JULAI 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 - Tidak Mempunyai Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### FAKTA KES

Pada 08.12.2016, Pen. Penguasa Bomba Mazlan bin Abdullah bersama Pen. Penguasa Bomba Zulfadli bin Zakaria dan Pen. Penguasa Bomba Mohd Haziq bin Hazmi membuat pemeriksaan kali pertama bagi tujuan Pembaharuan Perakuan Bomba di Heritage Hotel Sdn. Bhd. beralamat di Jalan Gereja, Tanah Rata, 39000 Cameron Highlands, Pahang. Semasa pemeriksaan terdapat sembilan (9) kesalahan berkaitan keperluan-keperluan yang perlu dipatuhi bagi perakuan bomba.

Pada 21.12.2016 Notis Memberitahu Tentang Keperluan-Keperluan Perlu dipatuhi mengandungi sembilan (9) kesalahan telah dikeluarkan dan disampaikan kepada Pengurus Heritage Hotel Cameron Highlands, Pahang. Kesalahan tersebut ialah:

- I. Hendaklah membaikpulih sistem 'fireman intercom' di keseluruhan Premis Heritage dan memastikan ianya berfungsi dengan baik.
- II. Hendaklah membaikpulih Pam Jockey, Duty dan Stanby bagi sistem 'Sprinkkler' dan 'Hose Reel' serta memastikannya berada dalam keadaan baik.
- III. Hendaklah membaikpulih Lif Penumpang dan Lif Bomba di bangunan tambahan supaya berada dalam keadaan baik dan berfungsi mengikut 'alarm mode'
- IV. Hendaklah menyediakan 'bunk wall' bagi tangki penyimpanan diesel di bilik janakuasa dan memastikan dalam keadaan baik.
- V. Hendaklah menutup semua bukaan di bilik janakuasa dan MSSB dan memastikan berada dalam keadaan baik.
- VI. Hendaklah membaikpulih 'Installation Valve' dan 'Flow Switch' di keseluruhan premis dan memastikan berfungsi dan berada dalam keadaan baik.
- VII. Hendaklah membaikpulih 'exhaust fan kitchen hood' berfungsi secara automatic semasa 'fire mood'.
- VIII. Hendaklah membaik pulih panel kawalan sistem Karbon Dioksida (CO<sub>2</sub>) di bilik janakuasa dan MSSB serta memastikan ianya berfungsi dengan baik.
- IX. Hendaklah mengadakan tempat penyimpanan gas petroleum cecair L.P.G mengikut piawaian yang telah ditetapkan di kawasan 'laundry'.

Pada 14.06.2017 Penolong Penguasa Bomba Mohd Khairul Izwan bin Hariffin bersama PPgB Mohd Badelishah bin Omar menjalankan pemeriksaan kali kedua bagi tujuan Perakuan Bomba di premis



tersebut didapati kesemua lima (5) kehendak notis tersebut belum dipatuhi sepenuhnya.

Ekoran kegagalan pihak premis mematuhi sepenuhnya keenam-enam kehendak notis tersebut menyebabkan permohonan Perakuan Bomba Pembaharuan bagi Heritage Hotel Cameron Highlands tidak disokong dan Heritage Hotel Cameron Highlands tidak mempunyai Perakuan Bomba Yang Berkuatkuasa.

Oleh yang demikian, OKS Heritage Hotel Cameron Highlands yang memiliki Heritage Hotel Cameron Highlands telah melakukan kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 58, akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

Bahawa kamu, sebagai Pengurus Hotel Heritage pada 14.06.2017 jam lebih kurang 02.30 petang, telah didapati tidak mempunyai perakuan bomba yang berkuatkuasa berkenaan dengan premis ditetapkan iaitu Hotel Heritage beralamat di Jalan Gereja, Tanah Rata, 39000 Cameron Highlands, Pahang. Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan bawah Seksyen 33 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 58, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Mohamad Ibrahim bin Mohammad Ghulam telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 1,500.00 atau 7 bulan penjara.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Mohd Sobri bin Haji Mohd Kamilan bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Hotel Heritage mewakili diri sendiri.

## KES 111

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN HIGH TECH EXTRA SENDIRIAN BERHAD (954343-P)

MAHKAMAH MAJISTRETALOR SETAR  
NOMBOR SAMAN: KA-87-759-06/2018  
TUAN ARIF BIN MOHAMAD  
24 JULAI 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 - Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES

Pada 24.05.2016 jam lebih kurang 04.25 petang, suatu Pemeriksaan Premis Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Ridzuan bin Nut Jamudin bersama Penolong Penguasa Bomba Mohd Iqwan bin Ehsan telah membuat Pemeriksaan Pengenalpastian Menghapuskan Bahaya Kebakaran di premis KCS RESOURCES CORPORATION (M) SDN BHD, No. 1933-C & 1933-D, Jalan Stadium 05100, Alor Setar, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud pada premis tersebut.

Pada 31.05.2016 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada penghuni premis yang merupakan pekerja syarikat tersebut supaya pihak premis mematuhi kehendak-kehendak notis dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Pada 13.03.2017 jam lebih kurang 12.30 tengah hari, Penolong Kanan Penguasa Bomba Anbarasan a/l Yasiminan bersama-sama Penolong Penguasa Bomba Ariff Fazila bin Haji Ani telah membuat Pemeriksaan Semula Penghapusan Bahaya Kebakaran di premis tersebut dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

#### LAMPIRAN A

##### Pertuduhan Pertama

Bahawasanya kamu, pada 13.03.2017 jam lebih kurang 12.30 tengahari di premis KCS RESOURCES CORPORATION (M) SDN. BHD, No. 1933-C & 1933-D, Jalan Stadium, 05100 Alor Setar, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran JBPM/KD/ZKS: 145/2016 bertarikh 31 Mei 2016 iaitu mengadakan Sistem Hos Gelung di dalam Premis dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Hakim Tuan Arif bin Mohamad jatuhkan hukuman denda sebanyak RM 3,000.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Kanan Bomba II Rahimi bin Ali bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus High Tech Extra Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 112

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN PASARAYA LYC SDN. BHD. (CO. NO.: 741708 - K)

MAHKAMAH MAJISTRET (KUANTAN)

NOMBOR SAMAN: CA-87-840-07/2018

MAJISTRET PUAN TENGKU ELIANA BINTI TUAN KAMARUZAMAN

26 JULAI 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Seksyen 10 - Kesalahan Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES

Pada 23.09.2016 lebih kurang jam 10.00 pagi Penolong Kanan Penguasa Bomba Azizi bin Atan bersama Penolong Penguasa Bomba Afandi bin Ab. Halim telah membuat pemeriksaan bagitujuan Menghapuskan Bahaya Kebakaran ( MBK) di Premis Pasaraya LYC Sdn Bhd, No B 30, B2-32, Jalan Biz Park Utama, Kuantan Biz Park, 25100 Kuantan, Pahang. Hasil daripada pemeriksaan didapati terdapat enam belas (16) Bahaya Kebakaran di premis tersebut.

Pada 07.10.2016 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran ( Borang A ) bertarikh 27.09.2016 dihantar kepada Pengurus LYC Sdn Bhd supaya menghapuskan bahaya kebakaran tersebut dalam tempoh maksimum 120 hari dari tarikh notis disampaikan.

Pada 30.10.2017 lebih kurang jam 2.30 petang Penolong Penguasa Bomba Afandi bin Ab Halim bersama Penolong Penguasa Bomba Mohd Hilmi Kashfi bin Mat Zali telah membuat pemeriksaan kali kedua keatas premis tersebut dan mendapati pihak pengurusan premis masih tidak mematuhi sepenuhnya Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran ( Borang A ) dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 120 hari maksima dari tarikh notis disampaikan. Notis yang belum dipatuhi adalah :

- I. Suatu bahaya kebakaran iaitu lampu kecemasan di bangunan Pasaraya LYC tidak berada dalam
- II. keadaan baik.
- III. Suatu bahaya kebakaran iaitu pemasangan sistem hos gelung di keseluruhan bangunan Pasaraya LYC tidak berada dalam keadaan baik semasa pemeriksaan dijalankan.
- IV. Suatu bahaya kebakaran iaitu pemasangan sistem penggera di keseluruhan bangunan Pasaraya LYC tidak berada dalam keadaan baik semasa pemeriksaan dijalankan.

#### PERTUDUHAN:

Bahawa kamu pada 27.09.2016 di Pasaraya LYC Sdn Bhd, No B 30, B2-32, Jalan Biz Park Utama, Kuantan Biz Park Utama, 25100 Kuantan, Pahang didapati tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) Bil. Notis: 275/2016, Bil. Notis: 277/2016 dan Bil. Notis: 278/2016 bertarikh 27.09.2016 dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bawah seksyen 8 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 yang telah disampaikan pada

tarikh 07.10.2016 dalam tempoh masa seratus dua puluh (120) hari seperti yang dinyatakan dalam notis. Oleh yang demikian kamu selaku Pengarah Pasaraya LYC Sdn Bhd. yang memiliki Pasaraya LYC Sdn Bhd. telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**DIPUTUSKAN:**

- I. Majistret Puan Tengku Eliana binti Tuan Kamaruzaman telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,000.00 atau 3 bulan penjara (Pertuduhan Pertama).
- II. Majistret Puan Tengku Eliana binti Tuan Kamaruzaman telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,000.00 atau 3 bulan penjara (Pertuduhan Kedua).
- III. Majistret Puan Tengku Eliana binti Tuan Kamaruzaman telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,000.00 atau 3 bulan penjara (Pertuduhan Ketiga).

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Mohd Sobri bin Haji Mohd Kamilan bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Mega LYC Plantation Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri

## KES 113

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
LAWAN  
LYC PLANTATION SDN. BHD. (CO. NO.: 882387 - W)**

**MAHKAMAH MAJISTRET (KUANTAN)  
NOMBOR SAMAN: CA-87-841-07/2018  
MAJISTRET PUAN TENGKU ELIANA BINTI TUAN KAMARUZAMAN  
26 JULAI 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 - Kesalahan Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

### **FAKTA KES**

Pada 23.09.2016 lebih kurang jam 11.30 pagi Penolong Kanan Penguasa Bomba Azizi bin Atan bersama Penolong Penguasa Bomba Afandi bin Ab. Halim telah membuat pemeriksaan bagi tujuan Menghapuskan Bahaya Kebakaran (MBK) di Premis Pasaraya LYC Plantation Sdn. Bhd., No 6, Jalan IM 3/9, Kawasan Perindustrian Sektor 1, 25200 Kuantan, Pahang. Hasil daripada pemeriksaan didapati terdapat dua (2) Bahaya Kebakaran di premis tersebut.

Pada 07.10.2016 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran ( Borang A ) bertarih 27.09.2016 dihantar kepada Pengurus LYC Sdn Bhd supaya menghapuskan bahaya kebakaran tersebut dalam tempoh maksimum 120 hari dari tarikh notis disampaikan.

Pada 30.10.2017 lebih kurang jam 2.02 petang Penolong Penguasa Bomba Afandi bin Ab Halim bersama Penolong Penguasa Bomba Mohd Hilmi Kashfi bin Mat Zali telah membuat pemeriksaan kali kedua keatas premis tersebut dan mendapati pihak pengurusan premis masih tidak mematuhi sepenuhnya Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 120 hari maksima dari tarikh notis disampaikan. Notis yang belum dipatuhi adalah :

- I. Suatu bahaya kebakaran iaitu mengubahsuai dinding pemisah di premis LYC Plantation Sdn. Bhd. yang mungkin menjadi pelepasan diri dari mana-mana bahagian premis sekiranya berlaku kebakaran pada matannya lebih sukar mengikut seksyen 2(a), Akta Perkhidmatan Bomba.
- II. Suatu bahaya kebakaran iaitu didapati tidak terdapat lampu kecemasan di bangunan LYC Plantation Sdn. Bhd. seperti yang dikehendaki oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

### **PERTUDUHAN:**

Bahawa kamu pada 27.09.2016 di LYC Plantation Sdn. Bhd., No 6, Jalan IM 3/9, Kawasan Perindustrian Sektor 1, 25200 Kuantan, Pahang didapati tidak mematuhi kehendak notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran ( Borang A ) Bil. Notis: 264/2016 dan Bil. Notis : 265/2016 bertarih 27.09.2016 dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bawah Seksyen 8 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 yang telah disampaikan pada tarikh 07.10.2016 dalam tempoh masa seratus dua puluh ( 120 ) hari seperti yang dinyatakan dalam notis. Oleh yang demikian kamu

selaku Pengarah LYC Plantation Sdn Bhd. yang memiliki LYC Plantation Sdn Bhd. telah melakukan kesalahan bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**DIPUTUSKAN:**

- I. Majistret Puan Tengku Eliana binti Tuan Kamaruzaman telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,500.00 atau 3 bulan penjara bagi setiap pertama dan penalty RM100.00 setiap hari sehinggalah notis MBK itu dipatuhi.
- II. Majistret Puan Tengku Eliana binti Tuan Kamaruzaman telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,500.00 atau 3 bulan penjara bagi pertuduhan kedua.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Mohd Sobri bin Haji Mohd Kamilan bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Mega LYC Plantation Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri

## KES 114

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA LAWAN MEGA PRINTING & PACKAGING SDN BHD

MAHKAMAH MAJISTRET (MELAKA)  
NOMBOR SAMAN: MA-87-1312-06/2018  
MAJISTRET FIRDAUS BIN SALLEH  
27 JULAI 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### FAKTA KES

Pada tarikh 21.05.2018 satu aduan kesalahan berkenaan dengan Perakuan Bomba telah dikeluarkan oleh PPgB Mohd Hanif bin Mustafa ke atas premis MEGA PRINTING & PACKAGING SDN. BHD yang beralamat di LOT 1020, JALAN SERI EMAS 48, 75450 MELAKA. Pihak premis masih gagal menyempurnakan Notis Memberitahu Tentang Keperluan-Keperluan Yang Perlu Dipatuhi ( Notis FC 6 ) yang dikeluarkan kepada pihak premis untuk dipatuhi. Oleh itu premis ini tidak mempunyai Perakuan Bomba Berkuatkuasa dan adalah melakukan suatu kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988. Jika disabit kesalahan boleh di hukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

Bahawa kamu Pemunya MEGA PRINTING & PACKAGING SDN. BHD di alamat LOT 1020, JALAN SERI EMAS 48, KAWASAN PERINDUSTRIAN TELUK EMAS, dalam Daerah Melaka Tengah di Negeri Melaka, sebuah premis ditetapkan menurut Jadual Premis Ditetapkan, Perintah Perkhidmatan Bomba ( Premis Ditetapkan ) 1988. Pada tarikh 21.05.2018 didapati tidak mempunyai Perakuan Bomba Berkuatkuasa sebagaimana dikehendaki bawah Seksyen 28(1) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 ( Akta 341 ). Oleh itu kamu telah melanggar Seksyen 33 dan boleh dihukum bawah seksyen 58, Akta 341.

#### DIPUTUSKAN:

Majistret Firdaus bin Salleh telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2000.00 bagi kesalahan tersebut

#### KES YANG DIRUJUK:

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.



**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Noraini Bte Husin bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Mega Printing & Packaging Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 115

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA  
LAWAN  
HOTEL SRI IMPIAN (*SUPERB MANAGEMENT RESOURCES SDN BHD*)**

**MAHKAMAH MAJISTRET (MELAKA)  
NOMBOR SAMAN: MA-87-1308-06/2018  
MAJISTRET FIRDAUS BIN SALLEH  
27 JULAI 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

### **FAKTA KES**

Pada tarikh 06.02.2018 satu aduan kesalahan berkenaan dengan Perakuan Bomba telah dikeluarkan oleh PKPgB Hashim bin Kasiring ke atas premis Hotel Sri Impian (Superb Management Resources Sdn. Bhd.) yang beralamat di JA 8286, Bandar Baru Jasin 3, 77000 Jasin Melaka. Pihak premis masih gagal menyempurnakan Notis Memberitahu Tentang Keperluan-Keperluan Yang Perlu Dipatuhi (Notis FC 6) yang dikeluarkan kepada pihak premis untuk dipatuhi. Oleh itu premis ini tidak mempunyai Perakuan Bomba Berkuatkuasa dan adalah melakukan suatu kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988. Jika disabit kesalahan boleh di hukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

### **PERTUDUHAN:**

Bahawa kamu Pemunya Hotel Sri Impian (Superb Management Resources Sdn. Bhd.) di alamat JA 8286, Bandar Baru Jasin 3, Jasin dalam Daerah Melaka Tengah di Negeri Melaka, sebuah premis ditetapkan menurut Jadual Premis Ditetapkan, Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1998. Pada tarikh 06.02.2018 didapati tidak mempunyai Perakuan Bomba Berkuatkuasa sebagaimana dikehendaki bawah Seksyen 28(1) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341). Oleh itu kamu telah melanggar Seksyen 33 dan boleh dihukum bawah seksyen 58, Akta 341.

### **DIPUTUSKAN:**

Majistret Firdaus bin Salleh telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 500.00 bagi kesalahan tersebut.

### **KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Noraini Bte Husin bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Hotel Sri Impian (Superb Management Resources Sdn. Bhd.) mewakili diri sendiri.

## KES 116

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN SRI DUTA HOTEL SDN. BHD. (448891-W)

MAJISTRET WONG CHAI SIA  
NOMBOR SAMAN: WA 87-3432 – 06/ 2018  
MAHKAMAH MAJISTRET JENAYAH 8, KUALA LUMPUR  
10 OGOS 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### FAKTA KES

Pada 11 Julai 2016 satu surat peringatan berkaitan premis ditetapkan bagi tujuan Perakuan Bomba dikeluarkan kepada premis Sri Duta Hotel Sdn Bhd yang beralamat di 23, Block A, Jalan Arfah 1, Medan Niaga Seri Kuching, Jalan Kuching, 51200 Kuala Lumpur oleh Bahagian Keselamatan Kebakaran, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur dan diterima oleh pihak premis pada hari yang sama.

Pada 03 November 2016 satu aduan kesalahan berkenaan Perakuan Bomba telah dibuat oleh Penolong Pengarah, Bahagian Keselamatan Kebakaran, JBPM Kuala Lumpur ke Bahagian Penyiasatan Kebakaran, JBPM Kuala Lumpur mengenai kesalahan berkenaan Perakuan Bomba

Pada 17 November 2016 Penolong Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran mengeluarkan surat lantikan Pegawai Penyiasat kepada PgB Mohd Yunus Bin Ibrahim.

Pada 21 November 2017 pegawai penyiasat telah melakukan siasatan di premis Sri Duta Hotel Sdn Bhd dan didapati benar premis tersebut masih belum memiliki Perakuan Bomba yang sah.

Oleh yang demikian OKS di atas nama Sri Duta Hotel Sdn Bhd telah melakukan suatu kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dihukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

Bahawa kamu Sri Duta Hotel Sdn. Bhd., beralamat di No.23, Blok A, Jalan Arfah 1, Medan Niaga Sri Kuching, 51200 Kuala Lumpur iaitu satu premis yang telah ditetapkan, pada tarikh 03.11.2016 jam lebih kurang 10:30 pagi telah didapati tidak mempunyai Perakuan Bomba Berkuatkuasa terhadap premis Sri Duta Hotel. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

#### DIPUTUSKAN:

Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda RM 1500.00 bagi kesalahan tersebut atau 2 minggu penjara jika gagal membayar denda. Jumlah keseluruhan denda adalah RM 1500.00.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Kanan Bomba II Azrinnoor Ahmad bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Sri Duta Hotel Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 117

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA, NEGERI SABAH LAWAN BUKIT SABAH WOOD PELLETS SDN BHD (941138-P)

NOMBOR SAMAN: BKI-87DPT-2167/7-2018 (MC1)  
MAHKAMAH MAJISTRET KOTA KINABALU  
MAJISTRET CINDY MC JUCE BALITUS  
15 OGOS 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### FAKTA KES •

Pada 17 Januari 2017, Surat arahan memiliki sijil Perakuan Bomba bawah seksyen 28(1) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 telah dikeluarkan kepada Pengurus Bukit Sabah Wood Pellets Sdn Bhd di Premis, beralamat Kampung Melawa, KM 6, Jalan Sepanggar Bay, Menggatal 88450 Kota Kinabalu dan perlu memberikan maklumbalas dalam tempoh 14 hari.

Sehingga 01 Februari 2017, Pihak Bukit Sabah Wood Pellets Sdn Bhd masih gagal memberikan maklum balas berkaitan Surat Arahan Memiliki Perakuan Bomba kepada Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia Negeri Sabah.

Pada 13 Februari 2017, surat kedua iaitu surat peringatan Arahan Memiliki Sijil Perakuan Bomba telah dikeluarkan kepada Pengurus Bukit Sabah Wood Pellets Sdn Bhd dan perlu memberikan maklumbalas dalam tempoh 14 hari.

Sehingga 02 Mac 2017, Pihak Bukit Sabah Wood Pellets Sdn Bhd masih gagal memberikan maklum balas berkaitan Surat Peringatan Arahan Memiliki Perakuan Bomba kepada Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia Negeri Sabah.

Pada 03 April 2017, satu surat peringatan terakhir Arahan Memiliki Sijil Perakuan Bomba telah dikeluarkan kepada Pengurus Bukit Sabah Wood Pellets Sdn Bhd dan perlu memberikan maklumbalas dalam tempoh 14 hari.

Pada 30 Ogos 2017 satu pengaduan dilakukan oleh PgKB I Jemros Bin Olin ke Cawangan Pendakwaan untuk tujuan pendakwaan kerana **BUKIT SABAH WOOD PELLETS SDN BHD (941138-P)** gagal memberikan sebarang maklumbalas berhubung Arahan Memiliki Perakuan Bomba yang berkuatkuasa bagi Premis yang Ditetapkan.

Oleh kerana premis tersebut tidak mempunyai Perakuan Bomba yang berkuatkuasa menurut seksyen 28(1) maka **BUKIT SABAH WOOD PELLETS SDN BHD (941138-P)** telah melakukan kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh di hukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

Bahawa kamu **BUKIT SABAH WOOD PELLETS SDN BHD** (941138-P) beralamat di **KG MALAWA, KM6 JALAN SEPANGGAR BAY, MENGGATAL, 88450 KOTA KINABALU, SABAH**, pada 03 April 2017, jam lebih kurang 0930 pagi, iaitu premis ditetapkan mengikut perintah perkhidmatan bomba (Premis Ditetapkan 1998), telah didapati tidak mempunyai Perakuan Bomba berkuatkuasa dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 yang boleh dihukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Cindy Mc Juce Balitus telah mensabitkan OKS bersalah dan menjatuhkan hukuman denda RM3000.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Mohd. Alfian Bin Salioh bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Bukit Sabah Wood Pellets Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 118

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA LAWAN FULL MART TRADING

**MAHKAMAH MAJISTRET (MELAKA)**  
**NOMBOR SAMAN: MA-87-1197-05/2018**  
**MAJISTRET FIRDAUS BIN SALLEH**  
**17 OGOS 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### **FAKTA KES**

Pada 21.06.2016 lebih kurang jam 10.30 am, PKPgB Mohd Hafiz bin Shariff bersama Muhammad Asyraf bin M. Rasid. telah membuat pemeriksaan Penghapusan Bahaya Kebakaran di Full Mart Trading yang beralamat di No. 2, 4, 6 Jln CP 1, Tmn Cheng Permai, 75250 Melaka. Dalam pemeriksaan tersebut didapati terdapat bahaya-bahaya kebakaran iaitu :-

- I. Terdapat halangan barang-barang pada pintu keluar tepi premis no. 2.
- II. Terdapat halangan barang-barang di dalam kurungan tangga premis no. 2.
- III. Terdapat halangan barang-barang pada pintu keluar hadapan premis no. 4.
- IV. Terdapat halangan barang-barang pada pintu keluar hadapan premis no. 6.
- V. Terdapat halangan barang-barang pada pintu keluar belakang premis no. 6.
- VI. Terdapat halangan barang-barang pada pintu keluar belakang premis no. 2.
- VII. Terdapat halangan barang-barang di dalam kurungan tangga premis no. 4.
- VIII. Tidak terdapat pintu rintangan api di pintu keluar tingkat 1 sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
- IX. Tidak terdapat sistem hos gelung di dalam premis sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
- X. Tidak terdapat sistem pecah kaca di dalam premis sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Pada 24.08.2016 sebanyak (10) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada Pengurus Full Mart Trading dan diberi tempoh notis selama 180 bagi tujuan menghapuskan bahaya-bahaya kebakaran yang disebut di atas.

Pada 16.06.2017 jam lebih kurang 10.15 am, PKPgB Zahrul Azha bin Mokhtar bersama PPgB Soon Wee Kiang telah membuat pemeriksaan semula dan mendapati Notis-Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran yang dikeluarkan masih belum dipatuhi iaitu seperti berikut :-

- I. Terdapat halangan barang-barang pada pintu keluar tepi premis no. 2.
- II. Terdapat halangan barang-barang di dalam kurungan tangga premis no. 2.
- III. Terdapat halangan barang-barang pada pintu keluar hadapan premis no. 4.
- IV. Terdapat halangan barang-barang pada pintu keluar hadapan premis no. 6.



- V. Terdapat halangan barang-barang pada pintu keluar belakang premis no. 6.
- VI. Terdapat halangan barang-barang pada pintu keluar belakang premis no. 2.
- VII. Terdapat halangan barang-barang di dalam kurungan tangga premis no. 4.
- VIII. Tidak terdapat pintu rintangan api di pintu keluar tingkat 1 sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
- IX. Tidak terdapat sistem hos gelung di dalam premis sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
- X. Tidak terdapat sistem pecah kaca di dalam premis sepertimana mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Oleh yang demikian, OKS telah melanggar Seksyen 10 Akta 341 (Akta Perkhidmatan Bomba 1988) dan boleh di dakwa di Mahkamah bawah seksyen dan akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

Bahawa kamu Pengarah Full Mart Trading penghuni premis di alamat No. 2, 4, 6 Jln CP 1, Taman Cheng Permai, dalam Daerah Melaka Tengah di Negeri Melaka pada tarikh 21.06.2016 lebih kurang jam 10.30 pagi telah tidak mematuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam Notis Penghapusan Bahaya Kebakaran ( Borang A ) Bil. Z1MK (TGB) 192/16 bertarikh 24.08.2016 dalam masa yang telah ditetapkan yang disampaikan kepada kamu menurut Sek. 8 iaitu :

- 1. Tidak terdapat pintu rintangan api di pintu keluar tingkat 1 sepertimana mengikut kehendak undang-undang kecil bangunan seragam 1984.
- 2. Tidak terdapat sistem hos gelung di dalam premis sepertimana mengikut kehendak undang-undang kecil bangunan seragam 1984.
- 3. Tidak terdapat sistem pecah kaca di dalam premis sepertimana mengikut kehendak undang-undang kecil bangunan seragam 1984.

Oleh yang demikian kamu telah melanggar Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh di hukum bawah seksyen 10, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Firdaus bin Salleh telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 1000.00 bagi setiap 1 pertuduhan kesalahan tersebut. Jumlah denda keseluruhan rm 3000.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Noraini Bte Husin bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Full Mart Trading mewakili diri sendiri.

## KES 119

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN MOTEL SIANGOLILA SDN BHD

**MAHKAMAH MAJISTRET (KUCHING) SARAWAK**  
**NOMBOR SAMAN: MYY-87DPT-224/7-2018**  
**MAJISTRET PORTIA THAM ONG LENG**  
**30 OGOS 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### **FAKTA KES**

Pada 14.06.2016 jam lebih kurang 11.30 pagi, satu Pemeriksaan Premis Penghapusan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh PBK II Awang Jefri bin Awang Joni bersama-sama empat (04) orang anggota Balai Bomba dan Penyelamat Kuching di Motel Siangolila, Lot 200-204, Section 51, Jalan Padungan, 93100 Kuching dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud pada premis tersebut.

Pada 17.06.2016 sebanyak tiga (03) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bertarikh 17.06.2016 telah disampaikan kepada wakil premis Motel Siangolila Sdn Bhd, Lot 200-204, Section 51, Jalan Padungan, 93100 Kuching iaitu Cik Lena Lai (K516475).

Pada 02.02.2017 jam lebih kurang 03.12 petang, PBK II Sahabuddin bin Abang bersama dua (02) orang anggota Balai Bomba dan Penyelamat Kuching telah membuat Pemeriksaan Semula Penghapusan Bahaya Kebakaran di premis Motel Siangolila Sdn Bhd, Lot 200-204, Section 51, Jalan Padungan, 93100 Kuching dan mendapati masih terdapat satu (01) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tidak dipatuhi iaitu mengadakan pam duty dan pam standby untuk sistem bantu mula.

Oleh yang demikian premis telah melanggar kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **PERTUDUHAN:**

Bahawa kamu, Econsave Cash & Carry Sdn Bhd yang beralamat di Lot 992, Jalan Lutong-Kuala Baram, 98100 Miri telah pada 29.12.2016 jam lebih kurang 16.02 petang telah tidak mematuhi kehendak-kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran JBPM/SK/ZMI:700-4/28/14 Bil. 380/2016 bertarikh 11.07.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu gagal mengalihkan kotak-kotak 5 x 4 kaki di tangga terlindung di tingkat tiga bangunan pejabat pengurusan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

MajistrefTn Portia Tham Ong Lengtelah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 4,000.00 bagi pertuduhan tersebut dan denda tambahan sebanyak RM 100.00 bagi setiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Ricky Anak Dasep bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Motel Siangolila Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri

## KES 120

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA, NEGERI PERLIS LAWAN BIDIN BIN JASIN SDN. BHD.

MAHKAMAH MAJISTRET KANGAR  
NOMBOR SAMAN : RA-87-436-07/2018  
MAJISTRET PUAN NAJWA BINTI CHE MAT  
04 SEPTEMBER 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES •

Pada 26.09.2016 jam lebih kurang 02.30 petang, suatu pemeriksaan premis bagi tujuan Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh Timbalan Penguasa Bomba Yusmi bin Arshad bersama Penolong Kanan Penguasa Bomba Halid bin Hasan dan Penolong Penguasa Bomba Mohamad Safaril bin Wahid di premis Bidin Bin Jasin, Batu 2, Jalan Raja Syed Alwi, 01000 Kangar, Perlis dan mendapati terdapat empat (4) bahaya kebakaran yang wujud pada premis tersebut.

Pada 04.10.2016 jam lebih kurang 04.10 petang sebanyak empat (4) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada Zaharin bin Bidin yang merupakan pengurus premis tersebut. Notis tersebut adalah:

- i. Tidak terdapatnya pemasangan sistem hos gelung dikeseluruhan bangunan kilang perabot (No.Notis 157/2016).
- ii. Tidak terdapatnya pemasangan Sistem Penggera Kebakaran Elektrik Manual di bangunan kilang perabot (No.Notis 158/2016).
- iii. Tidak terdapatnya Tanda Tempat Keluar Kecemasan di pintu keluar, bahagian belakang sebelah kiri premis (No.Notis 159/2016).
- iv. Tidak terdapatnya Tanda Tempat Keluar Kecemasan di pintu masuk, bahagian hadapan premis (No.Notis 160/2016).

Pada 26.07.2017 jam lebih kurang 04.00 petang, Penolong Penguasa Bomba Mohamad Safaril bin Wahid bersama Pegawai Bomba Abd. Razak bin Abdullah telah membuat Pemeriksaan Semula dan mendapati pihak premis hanya mematuhi tiga (3) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran sahaja manakala satu (1) lagi notis masih lagi gagal dipatuhi sepenuhnya iaitu:

- i. 157/2016 - Tidak terdapatnya pemasangan sistem hos gelung dikeseluruhan bangunan kilang perabot.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

**Pertuduhan Pertama**

Bahawa kamu, Pengurus Bidin Bin Jasin Sdn. Bhd. (140576-D) pada tarikh 26.07.2017 jam lebih kurang 04.00 petang bertempat di Batu 2, Jalan Raja Syed Alwi, 01000 Kangar, Perlis telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bernombor 157/2016 bertarikh 28.09.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu tidak terdapatnya pemasangan sistem hos gelung dikeseluruhan bangunan kilang perabot hingga menyukarkan pengawalan kemerebakan di peringkat awal sepertimana mengikut kehendak Jadual Kesepuluh, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

OKS telah mengaku salah di atas pertuduhan tersebut. Majistret Puan Najwa Binti Che Mat telah menjatuhkan hukuman denda RM 600.00 atau satu (1) bulan penjara jika gagal membayar denda.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohamad Yusrizal Bin Muhammad Yusof bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Bidin Bin Jasin Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 121

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
LAWAN  
TONG VILLION HOTEL SDN. BHD.  
(CO. NO. : 1040520 - U)**

**NO. SAMAN: CH-87-27-09/18  
MAHKAMAH MAJISTRET (ROMPIN)  
MAJISTRET PUAN NURUL FARAHAH BINTI MOHD SUAR  
17 OKTOBER 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 - Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

### **FAKTA KES**

Premis Tong Villion Hotel Sdn. Bhd. No 234-238, Jalan Medan Mewah 15, 26700 Muadzam Shah, Pahang adalah bangunan 7 tingkat beserta 1 ballroom di tingkat 3 menjalankan perniagaan perhotelan berukuran 5472.00 m<sup>2</sup>.

Pada 31.01.2017 lebih kurang jam 12.00 tgh PPgB Afandi b. Ab Halim bersama PPgB Wan Mohammad Aiman b. Wan Mohd Yusof membuat pemeriksaan bagi tujuan Menghapuskan Bahaya Kebakaran (MBK) di Premis Tong Villion Hotel Sdn. Bhd. Hasil daripada pemeriksaan didapati terdapat 12 Bahaya Kebakaran di premis tersebut.

Pada 07.02.2017 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bertarikh 07.02.2017 dihantar kepada En Krisnan Murtek iaitu wakil Tong Villion Hotel Sdn. Bhd. supaya menghapuskan bahaya kebakaran tersebut dalam tempoh maksimum 120 hari dari tarikh notis disampaikan.

Pada 07.07.2017 lebih kurang jam 11.30 pagi PgKB I Mohd Shahrom bin Laji bersama PPgB Muhammad Aizudden bin Rasngat @ Jusnaidi membuat pemeriksaan kali ke 2 ke atas premis tersebut dan mendapati pihak pengurusan premis masih tidak mematuhi 3 Notis Menghapus Bahaya Kebakaran (Borang A) dalam tempoh yang ditetapkan dari tarikh notis disampaikan.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh di denda bawah seksyen yang sama.

### **PERTUDUHAN:**

#### **Pertuduhan Pertama**

Bahawa kamu pada **07.07.2017** jam lebih kurang **11.30 pagi** di premis Tong Villion Hotel Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 1040520-U), beralamat di No 234-238, Jalan Medan Mewah 15, di dalam Daerah Muadzam Shah, di dalam Negeri Pahang Darul Makmur di dapati tidak mematuhi Kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) Bil. Notis:003/2017 yang telah dikeluarkan pada 07.02.2017 dalam masa yang ditetapkan iaitu perkara:

“didapati sistem pemadam api tetap jenis hos gelung di premis Tong Villion Hotel Sdn. Bhd. tidak berada dalam keadaan baik dimana memungkinkan pelepasan diri menjadi sukar sekiranya terjadi kebakaran sebagaimana seksyen 2(d) tafsiran bahaya kebakaran Akta Perkhidmatan Bomba 1988”

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan suatu kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (**Akta 341**) dan boleh di denda bawah seksyen yang sama.

### **Pertuduhan Kedua**

Bahawa kamu pada **07.07.2017** jam lebih kurang **11.30 pagi** di premis Tong Villion Hotel Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 1040520-U), beralamat di No 234-238, Jalan Medan Mewah 15, di dalam Daerah Muadzam Shah, di dalam Negeri Pahang Darul Makmur di dapati tidak mematuhi Kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) Bil. Notis:005/2017 yang telah dikeluarkan pada 07.02.2017 dalam masa yang ditetapkan iaitu perkara:

“didapati sistem janakuasa di premis Tong Villion Hotel Sdn. Bhd. tidak berada dalam keadaan baik dimana memungkinkan pelepasan diri menjadi sukar sekiranya terjadi kebakaran sebagaimana seksyen 2(d) tafsiran bahaya kebakaran Akta Perkhidmatan Bomba 1988”

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan suatu kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh di denda bawah seksyen yang sama.

### **PERTUDUHAN KETIGA**

Bahawa kamu pada 07.07.2017 jam lebih kurang 11.30 pagi di premis Tong Villion Hotel Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 1040520-U), beralamat di No 234-238, Jalan Medan Mewah 15, di dalam Daerah Muadzam Shah, di dalam Negeri Pahang Darul Makmur di dapati tidak mematuhi Kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) Bil. Notis:006/2017 yang telah dikeluarkan pada 07.02.2017 dalam masa yang ditetapkan iaitu perkara:

“didapati tiada “*wet chemical system*” di bahagian dapur premis Tong Villion Hotel Sdn. Bhd dimana memungkinkan pelepasan diri menjadi sukar sekiranya terjadi kebakaran sebagaimana seksyen 2(c) tafsiran bahaya kebakaran Akta Perkhidmatan Bomba 1988”

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan suatu kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh di denda bawah seksyen yang sama.

### **DIPUTUSKAN:**

Majistret Puan Nurul Farahah binti Mohd Suar telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,000.00 atau 3 bulan penjara bagi pertuduhan pertama.

Majistret Puan Nurul Farahah binti Mohd Suar telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,000.00 atau 3 bulan penjara bagi pertuduhan kedua.

Majistret Nurul Farahah binti Mohd Suar telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,000.00 atau 3 bulan penjara bagi pertuduhan ketiga.

### **KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.



**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Mohd Sobri bin Haji Mohd Kamilan bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Tong Villion Hotel Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 122

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA LAWAN SUPREME POWER AUTO SDN. BHD.

MAHKAMAH MAJISTRET (MELAKA)  
NOMBOR SAMAN: MA-87-1794-09/2018  
MAJISTRET TN MOHD NAZRIN  
2 NOVEMBER 2018

#### FAKTA KES

Pada tarikh 25.05.2018 satu laporan kesalahan berkenaan dengan Perakuan Bomba untuk penyediaan kertas siasatan (Borang FC 7) telah dikeluarkan oleh PPgB Mohd Hanif bin Mustafa ke atas premis SUPREME POWER AUTO SDN BHD yang beralamat di LOT 7753 & 7754 KAWASAN PERINDUSTRIAN KELEMAK, 78000 MELAKA. Pihak premis masih gagal mengemukakan pelan premis terkini dan butir-butir relevan premis bagi permohonan Perakuan Bomba, yang dikeluarkan kepada pihak premis untuk dipatuhi. Oleh itu premis ini tidak mempunyai Perakuan Bomba Berkuatkuasa dan adalah melakukan suatu kesalahan bawah seksyen 33,, Akta Perkhidmatan Bomba 1988. Jika disabit kesalahan boleh di hukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

Bahawa kamu Pemunya SUPREME POWER AUTO SDN BHD di alamat Lot 7753 & 7754 Kawasan Perindustrian Keleماك, dalam Daerah Alor Gajah di Negeri Melaka, sebuah premis ditetapkan menurut Jadual Premis Ditetapkan, Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1988. Pada tarikh 25.05.2018 didapati tidak mempunyai Perakuan Bomba Berkuatkuasa sebagaimana dikehendaki bawah seksyen 28(1), Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341). Oleh itu kamu telah melanggar seksyen 33 dan boleh dihukum bawah seksyen 58, Akta 341.

#### DIPUTUSKAN:

Majistret Mohd Nazrin telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 1000.00 bagi kesalahan tersebut.

#### UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Noraini Bte Husin bagi Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Supreme Power Auto Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 123

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN EDARAN TAN CHONG MOTOR (SELATAN)

MAHKAMAH MAJISTRET JOHOR BAHRU, JOHOR  
NOMBOR SAMAN: JA-87-3154-10/2018  
MAJISTRET PUAN SURLEHAN BINTI ABDUL RAHMAN  
05 NOVEMBER 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### FAKTA KES

Pada 5 Disember 2016, lebih kurang jam 9:00 pagi satu pemeriksaan permohonan Pembaharuan Perakuan Bomba telah dilakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Muaz Ariffin bin Ahmad, bersama Penolong Penguasa Bomba Mohd Mazrul bin Abdul Mutalib di Premis Edaran Tan Chong Motor (Selatan) Sdn.Bhd, No.2, Jalan Johor Jaya, 81750 Johor Bahru, Johor Darul Takzim.

Satu notis memberitahu tentang keperluan-keperluan yang perlu di patuhi (Borang FC6) bertarikh 5 Februari 2017 telah di keluarkan kepada Premis Edaran Tan Chong Motor (Selatan) Sdn.Bhd, No.2, Jalan Johor Jaya, 81750 Johor Bahru, Johor Darul Takzim dan di beri tempoh selama seratus dua puluh (120) hari untuk di sempurnakan.

Pada 8 Jun 2017 lebih kurang jam 9:00 pagi, pemeriksaan semula untuk memastikan notis memberitahu tentang keperluan-keperluan yang perlu di patuhi (Borang FC6) telah di lakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Hasiyah binti Hj.Amin dan Penolong Penguasa Bomba Saifaniza binti Parathen.

Hasil pemeriksaan tersebut di dapati ada dua (2) keperluan sepertimana dalam Notis FC6 yang masih lagi tidak di patuhi iaitu: -

- I. Gagal memastikan kegunaan tangga keselamatan tidak dijadikan tempat penyimpanan barang /stor.
- II. Gagal memastikan Organisasi Keselamatan Kebakaran menjalani Latihan Asas Organisasi Keselamatan Kebakaran yang di kendalikan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia atau Balai Bomba dan Penyelamat berhampiran.

Oleh yang demikian, Edaran Tan Chong Motor (Selatan) Sdn.Bhd, No.2, Jalan Johor Jaya, 81750 Johor Bahru, Johor Darul Takzim telah melakukan kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh di hukum bawah seksyen 58 dan akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

Bahawa Kamu Edaran Tan Chong Motor (Selatan) Sdn.Bhd, No.2, Jalan Johor Jaya, 81750 Johor Bahru, Johor Darul Takzim, sebuah premis ditetapkan menurut Jadual Premis Ditetapkan, Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1988, pada tarikh 08 Jun 2017, jam lebih kurang 9.00 pagi,

Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa. menurut Seksyen 28 (1) Akta Perkhidmatan Bomba 1988. Oleh yang demikian kamu telah melanggar Seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Puan Surlehan binti Abd.Rahman telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000.00 atas pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Mohd Hanif bin Che Hasim pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Edaran Tan Chong Motor (Selatan) mewakili diri sendiri.

## KES 124

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN PEN-CLASSIC INDUSTRIES SDN BHD

MAHKAMAH MAJISTRET JAWI  
NOMBOR SAMAN: PE-87- 283-10/2018  
PUAN AZIANA BINTI AZIB  
14 NOVEMBER 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES

Pada 10.07.2017 Pemeriksaan Menghapuskan Bahaya Kebakaran (MBK) kali pertama dijalankan oleh PKPgB Zainuddin bin Abu Bakar dan PPgB Sasikala a/p Vitee. Hasil pemeriksaan mendapati kemudahan-kemudahan bagi keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran adalah tidak mencukupi.

Pada 21.07.2017 tiga Notis MBK 1A (Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran) telah dikeluarkan dan tempoh 120 hari telah diberikan.

Pada 17.08.2017 penyerahan tiga Notis MBK 1A (Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran) iaitu JBPM/PP/BKK/54/2017, JBPM/PP/BKK/59/2017 dan JBPM/PP/BKK/60/2017 dilakukan.

Pada 09.01.2018 pemeriksaan MBK kali kedua dijalankan oleh PKPgB Zainuddin bin Abu Bakar dan PPgB Mohd Zaki bin Haji Ayob. Hasil pemeriksaan mendapati premis ini tidak patuh terhadap tiga JBPM/PP/BKK/54/2017, JBPM/PP/BKK/59/2017 dan JBPM/PP/BKK/60/2017. Notis MBK 1A yang dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan.

#### PERTUDUHAN:

##### Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu, Pen- Classic Industries Sdn Bhd, beralamat di No.8, Lorong Industri 6, Kawasan Industri Bukit Panchor, 14300, Nibong Tebal, Negeri Pulau Pinang yang merupakan sebuah premis yang ditetapkan menurut Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1988. Pada 09.01.2018 jam lebih kurang 10.30 pagi telah tidak patuh terhadap Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran iaitu Notis Pertama **JBPM/PP/BKK/54/2017** iaitu terdapat binaan bumbung tambahan di antara blok produksi dan gudang hingga menyebabkan Sistem Pemasangan Keselamatan Kebakaran (PKK) tidak mencukupi – Seksyen 2(c) Tafsiran bahaya kebakaran. Oleh yang demikian telah tidak patuh terhadap Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988, melakukan kesalahan dan boleh dihukum bawah akta yang sama.

#### Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu, Pen- Classic Industries Sdn Bhd, beralamat di No.8, Lorong Industri 6, Kawasan Industri Bukit Panchor, 14300, Nibong Tebal, Negeri Pulau Pinang yang merupakan sebuah premis yang ditetapkan menurut Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1988. Pada 09.01.2018 jam lebih kurang 10.30 pagi telah tidak patuh terhadap Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran iaitu Notis Kedua **JBPM/PP/BKK/59/2017** iaitu “Pam Jokey” bagi Sistem Hose Reel di bilik pam bahagian produksi rosak iaitu tidak dapat berfungsi secara automatik hingga menyebabkan pemadaman kebakaran di peringkat awal tidak dapat dilakukan – Seksyen 2(d) Tafsiran bahaya kebakaran.

Oleh yang demikian telah tidak patuh terhadap Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988, melakukan kesalahan dan boleh dihukum bawah akta yang sama.

#### Pertuduhan Ketiga

Bahawa kamu, Pen- Classic Industries Sdn Bhd, beralamat di No.8, Lorong Industri 6, Kawasan Industri Bukit Panchor, 14300, Nibong Tebal, Negeri Pulau Pinang yang merupakan sebuah premis yang ditetapkan menurut Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1988. Pada 09.01.2018 jam lebih kurang 10.30 pagi telah tidak patuh terhadap Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran iaitu Notis Ketiga **JBPM/PP/BKK/60/2017** iaitu “Pam Duty” bagi Sistem Hose Reel di bilik pam bahagian produksi rosak iaitu tidak dapat berfungsi secara automatik hingga menyebabkan pemadaman kebakaran di peringkat awal tidak dapat dilakukan – seksyen 2(d) tafsiran bahaya kebakaran. Oleh yang demikian telah tidak patuh terhadap Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988, melakukan kesalahan dan boleh dihukum bawah akta yang sama.

#### Pertuduhan Keempat

Bahawa kamu, Pen- Classic Industries Sdn Bhd, beralamat di No.8, Lorong Industri 6, Kawasan Industri Bukit Panchor, 14300, Nibong Tebal, Negeri Pulau Pinang yang merupakan sebuah premis yang ditetapkan menurut Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1988. Pada 09.01.2018 jam lebih kurang 10.30 pagi telah tidak patuh terhadap Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran iaitu Notis Ketiga **JBPM/PP/BKK/61/2017** iaitu Papan Penggera Kebakaran utama di hadapan lobi pejabat rosak iaitu tidak berfungsi hingga menyebabkan penggera kebakaran tidak berbunyi apabila diaktifkan.

Oleh yang demikian *Pen- Classic Industries Sdn Bhd* telah tidak patuh terhadap Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988, melakukan kesalahan dan boleh dihukum bawah akta yang sama.

#### DIPUTUSKAN:

Majistret Puan Aziana binti Azib telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,500.00 untuk setiap 1 pertuduhan dan terdapat 4 pertuduhan atau 3 bulan penjara bagi setiap 1 pertuduhan iaitu bersamaan 12 bulan penjara. Keseluruhan denda sebanyak RM 10,000.00.

#### KES YANG DIRUJUK:

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

PEGAWAI PENDAKWA:

Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Shah Irwan bin Othman pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

ORANG KENA SAMAN (OKS):

Pen-Classic Industries Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri



## KES 125

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
LAWAN  
PENGURUS ASIA PREMIUM HOTEL SDN BHD**

**MAHKAMAH MAJISTRET KUALA TERENGGANU  
NOMBOR SAMAN : TA-87-1277-10/2018  
PUAN NORADILA BINTI AB. LATIF  
21 NOVEMBER 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

### **FAKTA KES**

Pada 16 Jun 2017 jam lebih kurang 10.30 pagi, Penolong Penguasa Bomba Saifuddin bin Muhammad bersama Penolong Penguasa Bomba Imran bin Ismail dari Bahagian Keselamatan Kebakaran telah menjalankan pemeriksaan bagi tujuan Perakuan Bomba di alamat Asia Premium Hotel No. 134, Tingkat 2 Jalan Sultan Zainal Abidin 20000 Kuala Terengganu, Terengganu.

Semasa pemeriksaan didapati premis ini mempunyai hotel 5 tingkat dengan 38 bilik dan telah memenuhi kehendak Premis Ditetapkan sepertimana Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1988 iaitu penggunaan premis hotel rekabentuk terbuka 4 tingkat dan lebih dengan 51 bilik.

Semasa pemeriksaan didapati OKS gagal menunjukkan Perakuan Bomba Berkuatkuasa setelah diminta, Oleh yang demikian OKS telah melakukan kesalahan seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 58 akta yang sama.

### **PERTUDUHAN :**

Bahawa kamu, pada 8 Jun 2017, lebih kurang jam 10.30 pagi di premis Asia Premium Hotel Sdn. Bhd. no 134, 2nd Floor Jalan sultan Zainal Abidin 20000 Kuala Terengganu, telah didapati tidak mempunyai Perakuan Bomba yang berkuatkuasa berkenaan dengan premis ditetapkan sepertimana mengikut Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1988 (P.U. (A) 276/1988).

Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 58 Akta yang sama.

### **DIPUTUSKAN:**

Majistret Puan Noradila Binti Ab. Latif telah menjatuhkan hukuman denda RM 1500.00 bagi 1 pertuduhan.

### **KES YANG DIRUJUK:**

Jurnal kes pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Timbalan Penguasa Bomba Thoyyibah binti Taib bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Asia Premium Hotel Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri

## KES 126

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN PENGURUS HOTEL POH

MAHKAMAH MAJISTRET W.P. LABUAN  
NOMBOR SAMAN: LBN-87DPT-360/10-2018 (MC)  
MAJISTRET LEONA DOMINIC MOJILIU  
22 NOVEMBER 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### FAKTA KES

Pada Tarikh 14 April 2018 lebih kurang jam 9.30 pagi, Penolong Penguasa Bomba HandryAribun bersama Penolong Penguasa Bomba Mohd AffendiChin telah membuat pemeriksaan bagi tujuan pembaharuan Sijil Perakuan Bomba di premis Hotel Poh, Lot 12 U0443, First Floor, Jalan Seroja, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan dan didapati kelengkapan pemasangan keselamatan kebakaran tidak berada dalam keadaan baik.

Pada 16 April 2018, Notis memberitahu tentang keperluan-keperluan yang perlu dipatuhi dalam Borang FC6 telah diserahkan kepada premis hotel poh dan diberi tempoh 60 hari bagi melaksanakan keperluan tersebut. Notis memberitahu tentang keperluan-keperluan yang perlu dipatuhi dalam Borang FC6 akan tamat pada 18 Julai 2018. Antara keperluan yang perlu dipatuhi oleh pihak premis Hotel Poh adalah:-

- I. Memastikan Pemasangan Keselamatan Kebakaran iaitu Standby Pump bagi sistem Hos Gelung boleh berfungsi secara automatik dan manual dan berada dalam keadaan baik pada setiap masa
- II. Memastikan terdapatnya pemasangan Sistem Pengawasan Kebakaran Automatik –SPKA

Pada 6 Julai 2018 pihak premis Hotel Poh telah membuat untuk melanjutkan masa menyiapkan keperluan-keperluan dalam Borang FC 6 selama tiga puluh(30) hari dan telah diluluskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Labuan.

Pada 05 September 2018 jam lebih kurang 03:40 petang, setelah tempoh notis tamat, Timbalan Penguasa Bomba JamesHenry Linang bersama dengan Penolong Penguasa Bomba HandryAribun telah membuat pemeriksaan semula ke atas Premis Hotel Poh, dan mendapati pihak premis masih gagal mematuhi keperluan-keperluan yang perlu dipatuhi untuk pembaharuan Sijil Perakuan Bomba.

Oleh yang demikian, OKS telah gagal memperbaharui Sijil Perakuan Bomba dan dianggap tidak mempunyai Perakuan Bomba berkuat kuasa berkenaan dengan mana-mana premis ditetapkan dan melakukan kesalahan seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 iaitu kesalahan berhubung dengan perakuan bomba dan boleh dikenakan denda bawah seksyen 58, akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

Bahawa kamu Pengurus, Hotel Poh beralamat di Lot 12 U0443, FirstFloor, Jalan Seroja, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan adalah sebuah premis ditetapkan dan menurut jadual premis ditetapkan (Premis Ditetapkan 1998) pada 05 September 2018 jam lebih kurang 03:40 petang telah didapati tidak memiliki Perakuan Bomba berkuatkuasa menurut Seksyen 28(2). Oleh yang demikian kamu telah melanggar kesalahan seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Hakim Leona Dominic Mojiliut elah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 1,000 bagi setiap pertuduhan atau penjara 3 bulan jika gagal membayar denda atas pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Asmadi Bin Taukal bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Hotel Poh mewakili diri sendiri.

**KES 127**

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
LAWAN  
EUMIRESOURCE SDN.BHD. (153858-V)  
(HOTEL PUTRA)**

**MAHKAMAH MAJISTRET JENAYAH 8, KUALA LUMPUR  
MAJISTRET WONG CHAI SIA  
NOMBOR SAMAN: WA 87-5290 – 10/ 2018  
03 DISEMBER 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

**FAKTA KES**

Pada 20 April 2017, satu pemeriksaan bagi tujuan menghapus bahaya kebakaran telah dijalankan ke atas premis Hotel Putra, No.50 & 52, Jalan Putra, 50350 Kuala Lumpur oleh pegawai dari Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM Kuala Lumpur iaitu PKPgB Che Ku Azlizam Bin Che Ku Daud dan PPgB Nurul Jumaatullaily Nadhirah Binti Ibrahim.

Hasil daripada pemeriksaan tersebut didapati wujudnya enam (6) bahaya kebakaran iaitu bilangan Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran Borang A MBK 335/2017 sehingga MBK 340/2017 dikeluarkan dan premis Hotel Putra diberi tempoh masa selama 60 hari dari tarikh terima notis. Notis MBK Borang A diterima oleh wakil premis pada 15 Jun 2017 melalui serahan pos..

Pada 22 Ogos 2017, satu pemeriksaan semula bagi tujuan menghapus bahaya kebakaran telah dijalankan ke atas premis Hotel Putra, Jalan Putra, Kuala Lumpur oleh pegawai dari Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM Kuala Lumpur iaitu PgKB II Jelani Bin Ahad dan PPgB Nurul Jumaatullaily Nadhirah Binti Ibrahim.

Hasil dari pemeriksaan mendapati satu (1) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran iaitu bil. MBK 337/2017 masih tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS iaitu Eumiresource Sdn Bhd yang mengurus Hotel Putra telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

Bahawa kamu pada tarikh 22 Ogos 2017 jam lebih kurang 02:45 petang bertempat di Hotel Putra, No.50 & 52, Jalan Putra, 50350 Kuala Lumpur telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran bil. MBK 0337/2017 bertarikh 25 April 2017 dalam masa yang ditetapkan iaitu gagal mengemukakan pelan pindaan bagi perubahan kegunaan di tingkat G. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda **RM 2000.00** bagi kesalahan tersebut atau cagaran levi berbayar jika gagal membayar denda. Jumlah keseluruhan denda adalah **RM 2000.00**.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Kanan Bomba II Azrinnoor Ahmad bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Eumiresource Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 128

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
LAWAN  
EUMIRESOURCE SDN.BHD. (153858-V)  
(HOTEL PUTRA)**

**MAHKAMAH MAJISTRET JENAYAH 8, KUALA LUMPUR  
NOMBOR SAMAN: WA 87-5289 – 10/ 2018  
MAJISTRET WONG CHAI SIA  
03 DISEMBER 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

### **FAKTA KES**

Pada 24/02/2016 satu pemeriksaan bagi tujuan perakuan bomba dilakukan oleh Bahagian Keselamatan Kebakaran, JBPM Kuala Lumpur ke atas premis Hotel Putra yang beralamat di No.50 & 52, Jalan Putra, Sek. 46, 50350 Kuala Lumpur. Hasil daripada pemeriksaan mendapati pihak premis Hotel Putra gagal mengemukakan pelan M & E (as built drawing) yang terkini untuk pengesahan pihak JBPM sepertimana dalam notis Borang FC 10 bagi tujuan perakuan bomba. Notis Borang FC 10 diterima oleh wakil premis pada 26/08/2016 dan pihak premis diberi tempoh masa selama 180 hari dari tarikh terima notis.

Pada 12/09/2017 pemeriksaan kali kedua dijalankan oleh Bahagian Keselamatan Kebakaran, JBPM Kuala Lumpur bagi tujuan pematuhan keperluan perakuan bomba. Hasil daripada pemeriksaan mendapati pihak premis Hotel Putra masih gagal mematuhi keperluan seperti di Borang FC 10.

Oleh yang demikian OKS, premis Hotel Putra yang diurus oleh Eumiresource Sdn Bhd telah melakukan satu kesalahan seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) iaitu jika Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa. berkenaan dengan mana-mana premis ditetapkan, maka pemunya premis tersebut melakukan suatu kesalahan.

### **PERTUDUHAN:**

Bahawa kamu Eumiresource Sdn Bhd yang beralamat di No.50 & 52, Jalan Putra, 50350 Kuala Lumpur pada tarikh 12.09.2017 jam lebih kurang 02:30 petang telah didapati tidak mempunyai Perakuan Bomba berkuatkuasa terhadap premis bangunan Hotel Putra iaitu satu premis yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 58, akta yang sama.

### **DIPUTUSKAN:**

Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda RM 1000.00 bagi kesalahan tersebut atau cagaran levi berbayar jika gagal membayar denda. Jumlah keseluruhan denda adalah RM 1000.00.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Kanan Bomba II Azrinnoor Ahmad bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Eumiresource Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.



## KES 129

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN 396 HOME SWEET HOME SDN. BHD.

MAHKAMAH MAJISTRET KUCHING, SARAWAK  
NOMBOR SAMAN: MYY-87DPT-3406/11-2018  
MAJISTRET MOHD SYUKRI BIN MOKHTAR  
04 DISEMBER 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES

Pada 15.06.2016 jam lebih kurang 10.00 pagi, suatu Pemeriksaan Premis Penghapusan Bahaya Kebakaran telah dilakukan oleh TPgB Mashidi bin Taha bersama PBK II Sahabudin bin Abang dari Balai Bomba dan Penyelamat Kuching di premis 396 Home Sweet Home Sdn. Bhd, No. 246, Lot 425, Lorong 9, Jalan Ang Cheng Ho, 93100 Kuching dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud pada premis tersebut.

Pada 27.06.2016 sebanyak dua (02) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) bertarikh 20.06.2016 telah disampaikan kepada wakil premis 396 Home Sweet Home Sdn. Bhd, No. 246, Lot 425, Lorong 9, Jalan Ang Cheng Ho, 93100 Kuching iaitu Pn. Rohana bt Adam (811213-13-5582).

Pada 13.06.2017 jam lebih kurang 02.00 petang, PBK II Sahabudin bin Abang bersama PB Osman bin Jos telah membuat Pemeriksaan Semula Penghapusan Bahaya Kebakaran di premis 396 Home Sweet Home Sdn. Bhd, No. 246, Lot 425, Lorong 9, Jalan Ang Cheng Ho, 93100 Kuching dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian premis telah melanggar kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

##### Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu, 396 Home Sweet Home Sdn. Bhd yang beralamat di No. 246, Lot 425, Lorong 9, Jalan Ang Cheng Ho, 93100 Kuching telah pada 13.06.2017 jam lebih kurang 02.00 petang telah tidak mematuhi kehendak-kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran JBPM/SK/PDG:700-4/18/68 Bil Notis: 27/2016 bertarikh 20.06.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu tidak terdapatnya Sistem Salur Bantu Mula di dalam premis semasa pemeriksaan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba.

### **Pertuduhan Kedua**

Bahawa kamu, 396 Home Sweet Home Sdn. Bhd. yang beralamat di No. 246, Lot 425, Lorong 9, Jalan Ang Cheng Ho, 93100 Kuching telah pada 13.06.2017 jam lebih kurang 02.00 petang telah tidak mematuhi kehendak-kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran JBPM/SK/PDG:700-4/18/68 Bil Notis: 28/2016 bertarikh 20.06.2016 dalam masa yang ditetapkan iaitu tidak terdapatnya Sistem Pecah Kaca di dalam premis semasa pemeriksaan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba.

### **DIPUTUSKAN:**

Majistret Tn Mohd Syukri bin Mokhtartelah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000.00 bagi pertuduhan pertama dan RM 1,000.00 bagi pertuduhan kedua.

### **KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

### **UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

### **PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Ricky anak Dasep bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

### **ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus 396 Home Sweet Home Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 130

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN PENGURUS SYARIKAT MUDA OSMAN SDN BHD (DUNGUN)

MAHKAMAH MAJISTRET DUNGUN

NOMBOR SAMAN: 87-198-10/2018

MAJISTRET PUAN HAZWANIE BINTI HUSAIN BUSTARI

5 DISEMBER 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 - Kesalahan Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES

Pada 13 Februari 2017 jam lebih kurang 2.30 petang Penolong Kanan Penguasa Bomba (PKPgB) Mohamad Hamdan bin Sudin bersama Pegawai Bomba Kanan II (PBK II) Rosli bin Kadir dan Pegawai Bomba (PB) Noriah bt Abd. Majid dari Bahagian Keselamatan Kebakaran Zon 2 Negeri Terengganu telah melakukan pemeriksaan Menghapus Bahaya Kebakaran (MBK) di alamat SMO Bookstores, K303 & K304 Jalan Yahya Ahmad, Sura Gate 23000 Dungun, semasa pemeriksaan dilakukan didapati wujud dua (2) bahaya kebakaran di premis OKS.

Pada 19 Februari 2017, Penguasa Kanan Bomba II (PgKB II) Azmi bin Ab. Rahim, Ketua Zon 2 Terengganu telah mengeluarkan dua (2) Notis kesalahan MBK dengan tempoh masa 120 hari untuk dipatuhi dan telah diserahkan kepada pihak OKS pada 27 Februari 2017.

Pada 26 Jun 2018 jam lebih kurang 2.00 petang satu pemeriksaan semula notis MBK telah dilakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba (PKPgB) Mohd Zailani bin Abdullah bersama Penolong Penguasa Bomba (PPgB) Luqman bin Hashim, semasa pemeriksaan dilakukan didapati satu (1) notis MBK bertarikh 19 Februari 2017 masih belum dipatuhi oleh pihak OKS.

Oleh yang demikian OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

#### PERTUDUHAN:

Bahawa kamu, pada 26 Jun 2018, lebih kurang jam 2.00 petang di premis Syarikat Muda Osman Sdn. Bhd. K303 & K304 Jalan Yahya Ahmad, Sura Gate 23000 Dungun, Terengganu, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor TR/Z2: 69/2017 bertarikh 19 Februari 2017 dalam masa yang ditetapkan iaitu:-

Gagal mengadakan kepingan pada tangga terlindung dengan batu bata di tingkat bawah hingga tingkat 1 (satu) di premis Syarikat Muda Osman Sdn. Bhd. dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(a) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Puan Hazwanie binti Husain Bustari telah menjatuhkan hukuman denda RM 1500.00 bagi 1 pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Timbalan Penguasa Bomba Thoyyibah binti Taib bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Syarikat Muda Osman Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

## KES 131

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN PENGURUS DALYLA INN

#### MAHKAMAH MAJISTRET DUNGUN

**NOMBOR SAMAN: 87-199-10/2018**

**MAJISTRET PUAN HAZWANIE BINTI HUSAIN BUSTARI**

**5 DISEMBER 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 - Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### **FAKTA KES**

Pada 11 Januari 2017 jam lebih kurang 3.00 petang Penolong Kanan Penguasa Bomba (PKPgB) Mohamad Hamdan bin Sudin bersama Penolong Penguasa Bomba (PPgB) Mohamad bin Jusoh dan Pegawai Bomba Kanan II (PBK II) Rosli bin Kadir dari Bahagian Keselamatan Kebakaran Zon 2 Terengganu telah melakukan pemeriksaan Menghapus Bahaya Kebakaran (MBK) di premis Dalyla Inn alamat No. 8343 Jalan Besar Kg. Chahar 23100 Paka Dungun, semasa pemeriksaan didapati wujud dua (2) bahaya kebakaran di premis OKS.

Pada 15 Januari 2017 Ketua Zon 2 Terengganu PgKB II Azmi bin Ab. Rahim telah mengeluarkan dua (2) notis kesalahan MBK dengan tempoh masa 120 hari untuk dipatuhi dan telah diserahkan kepada pihak OKS pada 2 Februari 2017.

Pada 1 Februari 2018 jam lebih kurang 11.30 pagi satu pemeriksaan semula notis MBK telah dilakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba (PKPgB) Mohamad Zailani bin Abdullah bersama Pegawai Bomba (PB) Ahmad bin Said, semasa pemeriksaan dilakukan didapati 1 notis MBK masih belum dipatuhi oleh OKS.

Oleh yang demikian OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **PERTUDUHAN:**

Bahawa kamu, pada 1 Februari 2018, lebih kurang jam 11.30 pagi di premis Dalyla Inn No. 8343 Jalan Besar Kg. Chahar, 23100 Paka Dungun, Terengganu, telah tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis bernombor TR/Z2: 20/2017 bertarikh 15 Januari 2017 dalam masa yang ditetapkan iaitu:- Gagal mengadakan kepingan pada tangga terlindung dengan batu bata di tingkat bawah hingga tingkat 1 (satu) di premis Dalyla Inn dan telah mewujudkan bahaya kebakaran di bawah Seksyen 2(c) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Puan Hazwanie binti Husain Bustari telah menjatuhkan hukuman denda RM 2000.00 bagi 1 pertuduhan.

**KES-KES YANG DIRUJUK:**

Jurnal kes pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Timbalan Penguasa Bomba Thoyyibah binti Taib bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Dalyla Inn mewakili diri sendiri.

## KES 132

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN JOO KEE TIMBER (M) SDN BHD

**MAHKAMAH MAJISTRET BUTTERWORTH**  
**NOMBOR SAMAN: PA-87-1161-11/2018**  
**PN. NORHAYATI BINTI MOHAMAD YUNUS**  
**11 DISEMBER 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### **FAKTA KES**

Pada 15.06.2017 Pemeriksaan Menghapuskan Bahaya Kebakaran (MBK) kali pertama dijalankan oleh PKPgB Abd Aziz bin Usoff dan PPgB Norizal bin Md Rabani serta PPgB Ahmad Muhaimin bin Abd Manaf. Hasil pemeriksaan mendapati kemudahan-kemudahan bagi keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran adalah tidak mencukupi.

Pada 29.06.2017 tiga Notis MBK 1A (Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran) telah dikeluarkan dan tempoh 120 hari telah diberikan.

Pada 29.06.2017 penyerahan tiga Notis MBK 1A (Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran) iaitu JBPM/PP/ZBH/52/2017, JBPM/PP/ZBH/53/2017 dan JBPM/PP/ZBH/54/2017 dilakukan.

Pada 23.11.2017 pemeriksaan MBK kali kedua dijalankan oleh PKPgB Mohd Zain bin Abdullah Ali dan PPgB Norizal bin Md Rabani. Hasil pemeriksaan mendapati premis ini tidak patuh terhadap tiga JBPM/PP/ZBH/52/2017, JBPM/PP/ZBH/53/2017 dan JBPM/PP/ZBH/54/2017. Notis MBK 1A yang dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan.

#### **PERTUDUHAN:**

##### **Pertuduhan Pertama**

Bahawa kamu, Tan Taing Leng, pemilik Joo Kee Timber (M) Sdn Bhd, beralamat di 6022, Jalan Dua, Jalan Datuk Hj. Ahmad Badawi, 13200 Kepala Batas, Negeri Pulau Pinang yang merupakan sebuah premis yang ditetapkan menurut Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1988. Pada 23.11.2017 jam lebih kurang 03.20 petang telah tidak patuh terhadap Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran iaitu Notis Pertama JBPM/PP/ZBH/52/2017 iaitu tidak terdapat Sistem Pepasangan Tetap iaitu Pasif dan Aktif di dalam kilang hingga menyukarkan pengawalan kemerebakan. Oleh yang demikian telah tidak patuh terhadap Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988, melakukan kesalahan dan boleh dihukum bawah akta yang sama.

### **Pertuduhan Kedua**

Bahawa kamu, Tan Taing Leng, pemilik Joo Kee Timber (M) Sdn Bhd, beralamat di 6022, Jalan Dua, Jalan Datuk Hj. Ahmad Badawi, 13200 Kepala Batas, Negeri Pulau Pinang yang merupakan sebuah premis yang ditetapkan menurut Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1988. Pada 23.11.2017 jam lebih kurang 03.20 petang telah tidak patuh terhadap Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran iaitu Notis Kedua JBPM/PP/ZBH/53/2017 iaitu tidak terdapat Pili Bomba bertekanan di dalam kilang hingga menyukarkan pihak bomba mendapatkan bekalan air sekiranya berlaku kebakaran. Oleh yang demikian telah tidak patuh terhadap Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988, melakukan kesalahan dan boleh dihukum bawah akta yang sama.

### **Pertuduhan Ketiga**

Bahawa kamu, Tan Taing Leng, pemilik Joo Kee Timber (M) Sdn Bhd, beralamat di 6022, Jalan Dua, Jalan Datuk Hj. Ahmad Badawi, 13200 Kepala Batas, Negeri Pulau Pinang yang merupakan sebuah premis yang ditetapkan menurut Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1988. Pada 23.11.2017 jam lebih kurang 03.20 petang telah tidak patuh terhadap Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran iaitu Notis Ketiga JBPM/PP/ZBH/54/2017 iaitu Sistem Pemasangan Gelung Hos di dalam kilang tidak mengikut piawaian dari Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia sehingga menyukarkan pengawalan kemerebakan api sekiranya berlaku kebakaran.

Oleh yang demikian, Joo Kee Timber (M) Sdn Bhd telah tidak patuh terhadap Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988, melakukan kesalahan dan boleh dihukum bawah akta yang sama.

### **DIPUTUSKAN:**

Majistret Puan Norhayati binti Mohamad Yunus telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,500.00 atau 3 bulan penjara bagi setiap pertuduhan. Keseluruhan denda sebanyak RM 7,500.00.

### **KES-KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

### **UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

### **PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Shah Irwan bin Othman bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

### **ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Joo Kee Timber (M) Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri



## KES 133

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN LIW THENG HEONG

**MAHKAMAH MAJISTRET SUNGAI PETANI  
NOMBOR SAMAN: KB-87-1061-10/2018  
TUAN MOHAMAD FAREED BIN ABD LATIF  
18 DISEMBER 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 – Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### **FAKTA KES**

Pada 08.07.2015 jam lebih kurang 11.00 pagi, Penolong Penguasa Bomba Mohd Faiz bin Helmi bersama Penolong Penguasa Bomba Mohd Razmi bin Ab Rashid dan Pegawai Bomba Kanan II Yaakob bin Ishak telah membuat Pemeriksaan Pengenalpastian Menghapuskan Bahaya Kebakaran di premis *Champ One Stop Centre*, C66 & C67, Jalan Permatang Gedong, Taman Sejati Indah, 08000 Sungai Petani, Kedah dan mendapati terdapat bahaya kebakaran wujud di premis tersebut.

Pada 02.09.2015, Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah disampaikan kepada penghuni premis yang merupakan pekerja syarikat tersebut supaya pihak premis mematuhi kehendak-kehendak Notis dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Pada 14.03.2016 jam lebih kurang 11.40 pagi, Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Hadziri bin Ibrahim bersama-sama Penolong Penguasa Bomba Mohd Faiz bin Helmi telah membuat Pemeriksaan Semula Penghapusan Bahaya Kebakaran di premis tersebut dan mendapati masih terdapat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) tidak dipatuhi.

Oleh yang demikian, OKS telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **PERTUDUHAN:**

#### **LAMPIRAN A**

##### **Pertuduhan**

Bahawasanya kamu, pada 14.03.2016 jam lebih kurang 11.00 pagi di premis *Champ One Stop Centre*, C66 & C67, Jalan Permatang Gedong, Taman Sejati Indah, 08000 Sungai Petani, Kedah telah tidak mematuhi kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran KD/SGP 210/2015 bertarikh 02.09.2015 iaitu mengadakan Sistem Gelung Hos Hidraulik di kedai *Champ One Stop Centre*, mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen 10, akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Hakim Tuan Mohamad Fareed bin Abd Latif jatuhkan hukuman denda sebanyak RM 3,000.00 atau enam (6) bulan penjara.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Muhammad Zaharul Asyraf bin Zaharin bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Champ One Stop Centre mewakili diri sendiri

## KES 134

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN BADAN PENGURUSAN BERSAMA MENARA *RIVERVIEW*

MAHKAMAH MAJISTRET GEORGE TOWN  
NOMBOR SAMAN: PA-87-3087-12/2018  
PN. JAMALIAH BINTI ABD MANAB  
18 DISEMBER 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 - Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

#### FAKTA KES ●

Pada 01.08.2017 Pemeriksaan Penghapusan Bahaya Kebakaran (MBK) kali pertama dijalankan oleh PKPgB Mohd Azmi bin Mohd Suhaimi dan PPgB Anisah binti Roslan. Hasil pemeriksaan mendapati kemudahan-kemudahan bagi keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran tidak berada dalam keadaan yang memuaskan.

Pada 03.08.2017 empat Notis MBK 1A (Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran) telah dikeluarkan dan tempoh 120 hari telah diberikan.

Pada 06.10.2017 penyerahan empat Notis MBK 1A (Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran) iaitu JBPM/PP/BKK/71/2017, JBPM/PP/BKK/72/2017, JBPM/PP/BKK/73/2017 dan JBPM/PP/BKK/74/2017 dilakukan.

Pada 3.09.2018 pemeriksaan MBK kali kedua dijalankan oleh PKPgB Mohd Azmi bin Mohd Suhaimi dan PPgB Anisah binti Roslan. Hasil pemeriksaan mendapati premis ini tidak patuh terhadap tiga (JBPM/PP/BKK/72/2017, JBPM/PP/BKK/73/2017 dan JBPM/PP/BKK/74/2017) Notis MBK 1A yang dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan.

#### PERTUDUHAN:

##### Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu, Badan Pengurusan Bersama Menara Riverview, 7-21-1, Jalan Jelutong, 11600 Pulau Pinang pada 03.09.2018 jam lebih kurang 10:30 pagi telah tidak patuh terhadap Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran **JBPM/PP/BKK/72/2017** yang dikeluarkan dalam tempoh yang diberikan. Oleh yang demikian telah tidak patuh terhadap Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988, melakukan kesalahan dan boleh dihukum bawah akta yang sama.

##### Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu, Badan Pengurusan Bersama Menara Riverview, 7-21-1, Jalan Jelutong, 11600 Pulau Pinang pada 03.09.2018 jam lebih kurang 10:30 pagi telah tidak patuh terhadap Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran **JBPM/PP/BKK/73/2017** yang dikeluarkan dalam tempoh yang diberikan. Oleh

yang demikian telah tidak patuh terhadap Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988, melakukan kesalahan dan boleh dihukum bawah akta yang sama.

**Pertuduhan Ketiga**

Bahawa kamu, Badan Pengurusan Bersama Menara Riverview, 7-21-1, Jalan Jelutong, 11600 Pulau Pinang pada 03.09.2018 jam lebih kurang 10:30 pagi telah tidak patuh terhadap Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran **JBPM/PP/BKK/74/2017** yang dikeluarkan dalam tempoh yang diberikan. Oleh yang demikian telah tidak patuh terhadap Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988, melakukan kesalahan dan boleh dihukum bawah akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Puan Jamaliah binti Abd Manab telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,500.00 atau 4 bulan penjara bagi setiap pertuduhan. Keseluruhan denda sebanyak RM 7,500.00

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**KES-KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Naddzmee Hi-Fi Syam bin Ahmad Jamil bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Badan Pengurusan bersama Menara Riverview mewakili diri sendiri.

## KES 135

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA,  
LAWAN  
HOTEL SURAYYA INN, JALAN LUBOK JONG, 17070 PASIR MAS, KELANTAN**

**MAHKAMAH MAJISTRET PASIR MAS, KELANTAN  
NOMBOR KES: DJ-87-118-11/2018, DJ-87-119-11/2018,  
DJ-87-120-11/2018 DAN DJ-87-121-11/2018  
MAJISTRET TUAN MUHAMMAD YUSOFF BIN ABDULLAH  
24 DISEMBER 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 - Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

### **FAKTA KES**

Pada 21 November 2017 jam lebih kurang 10.00 pagi PKPgB Mohd Anuar bin Yacob bersama PBKII Azmi bin Ibrahim telah membuat pemeriksaan Menghapuskan Bahaya Kebakaran di premis Hotel Surayya Inn, Jalan Lubok Jong, 17070 Pasir Mas, Kelantan dan mendapati wujudnya 12 (dua belas) bahaya kebakaran dipremis tersebut:

- 1.1 ZKB/061/2017–Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor satu (1)
- 1.2 ZKB/062/2017–Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor dua (2)
- 1.3 ZKB/063/2017 –Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor tiga (3)
- 1.4 ZKB/064/2017 –Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor empat (4)
- 1.5 ZKB/065/2017 –Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor lima (5)
- 1.6 ZKB/066/2017 –Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor enam (6)
- 1.7 ZKB/067/2017 –Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor tujuh (7)
- 1.8 ZKB/068/2017–Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor lapan (8)
- 1.9 ZKB/069/2017--Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor sembilan (9)
- 1.10 ZKB/070/2017–Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor sepuluh (10)
- 1.11 ZKB/071/2017–Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor sebelas (11)
- 1.12 ZKB/072/2017-- Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor duabelas (12)

Pada 24 Disember 2017, sebanyak 12 (dua belas) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) telah dikeluarkan oleh Ketua Zon Kota Bharu Penguasa Kanan Bomba II Syobirin bin Abd Kadir dan telah disampaikan dengan tangan kepada Makran bin Mokhtar pekerja Hotel Surayya Inn, dengan diberikan tempoh **90 hari** bagi tujuan menghapuskan bahaya kebakaran tersebut dipatuhi seperti di atas.

Pada 6 Mac 2018, Pengurus Hotel Surayya Inn, telah membuat permohonan perlanjutan tempoh dari JBPM dan pada 26 April 2018 JBPM bersetuju memberi tempoh selama 90 hari dari tarikh akhir Notis (Borang A), iaitu pada 24 Mac 2018.

Pada 19 Julai 2018 lebih kurang jam 2.00 petang PgB Abu Hassan bin Mohd Nawi bersama PgB Shuhaimi bin Mahmood telah membuat pemeriksaan semula dan mendapati 12 (dua belas) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A) masih belum dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

- 4.1 ZKB/061/2017 –Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor satu (1)
- 4.2 ZKB/062/2017–Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor dua (2)
- 4.3 ZKB/063/2017 –Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor tiga (3)
- 4.4 ZKB/064/2017 –Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor empat (4)
- 4.5 ZKB/065/2017 – Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor lima (5)
- 4.6 ZKB/066/2017 –Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor enam (6)
- 4.7 ZKB/067/2017 –Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor tujuh (7)
- 4.8 ZKB/068/2017–Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor lapan (8)
- 4.9 ZKB/069/2017--Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor sembilan (9)
- 4.10 ZKB/070/2017–Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor sepuluh (10)
- 4.11 ZKB/071/2017–Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor sebelas (11)
- 4.12 ZKB/072/2017 -- Tidak terdapat Pintu Api pada bilik nombor duabelas (12)

Oleh yang demikian, OKS telah melanggar Seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh didakwa di Mahkamah serta boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

Maka OKS boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan denda tambahan sebanyak satu ratus ringgit setiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

## **PERTUDUHAN:**

### **(LAMPIRAN A)**

#### **Pertuduhan Pertama**

Bahawa kamu, Zulkefli bin Ismail Pengurus Hotel Surayya Inn, Lot 5200 Jalan Lubok Jong, 17070 Pasir Mas, Kelantan. Pada 19 Julai 2018 jam lebih kurang 2.00 petang telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, No.Notis : ZKB/061/2017 ,bertarikh 24 Disember 2017 dalam tempoh seperti ditetapkan dalam notis tersebut. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **Pertuduhan Kedua**

Bahawa kamu, Zulkefli bin Ismail Pengurus Hotel Surayya Inn, Lot 5200 Jalan Lubok Jong, 17070 Pasir Mas, Kelantan. Pada 19 Julai 2018 jam lebih kurang 2.00 petang telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, No.Notis : ZKB/062/2017 ,bertarikh 24 Disember 2017 dalam tempoh seperti ditetapkan dalam notis tersebut. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **Pertuduhan Ketiga**

Bahawa kamu, Zulkefli bin Ismail Pengurus Hotel Surayya Inn, Lot 5200 Jalan Lubok Jong, 17070 Pasir Mas, Kelantan. Pada 19 Julai 2018 jam lebih kurang 2.00 petang telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, No.Notis : ZKB/063/2017 ,bertarikh 24 Disember 2017 dalam tempoh seperti ditetapkan dalam notis tersebut. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **PERTUDUHAN**

#### **(LAMPIRAN B)**

#### **Pertuduhan Pertama**

Bahawa kamu, Zulkefli bin Ismail Pengurus Hotel Surayya Inn, Lot 5200 Jalan Lubok Jong, 17070 Pasir Mas, Kelantan. Pada 19 Julai 2018 jam lebih kurang 2.00 petang telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, No.Notis : ZKB/064/2017 ,bertarikh 24 Disember 2017 dalam tempoh seperti ditetapkan dalam notis tersebut. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **Pertuduhan Kedua**

Bahawa kamu, Zulkefli bin Ismail Pengurus Hotel Surayya Inn, Lot 5200 Jalan Lubok Jong, 17070 Pasir Mas, Kelantan. Pada 19 Julai 2018 jam lebih kurang 2.00 petang telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, No.Notis : ZKB/065/2017 ,bertarikh 24 Disember 2017 dalam tempoh seperti ditetapkan dalam notis tersebut. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **Pertuduhan Ketiga**

Bahawa kamu, Zulkefli bin Ismail Pengurus Hotel Surayya Inn, Lot 5200 Jalan Lubok Jong, 17070 Pasir Mas, Kelantan. Pada 19 Julai 2018 jam lebih kurang 2.00 petang telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, No.Notis : ZKB/066/2017 ,bertarikh 24 Disember 2017 dalam tempoh seperti ditetapkan dalam notis tersebut. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **PERTUDUHAN:**

#### **(LAMPIRAN C)**

#### **Pertuduhan Pertama**

Bahawa kamu, Zulkefli bin Ismail Pengurus Hotel Surayya Inn, Lot 5200 Jalan Lubok Jong, 17070 Pasir Mas, Kelantan. Pada 19 Julai 2018 jam lebih kurang 2.00 petang telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, No.Notis : ZKB/067/2017 ,bertarikh 24 Disember 2017 dalam

tempoh seperti ditetapkan dalam notis tersebut. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **Pertuduhan Kedua**

Bahawa kamu, Zulkefli bin Ismail Pengurus Hotel Surayya Inn, Lot 5200 Jalan Lubok Jong, 17070 Pasir Mas, Kelantan. Pada 19 Julai 2018 jam lebih kurang 2.00 petang telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, No.Notis : ZKB/068/2017 ,bertarikh 24 Disember 2017 dalam tempoh seperti ditetapkan dalam notis tersebut. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

### **Pertuduhan Ketiga**

Bahawa kamu, Zulkefli bin Ismail Pengurus Hotel Surayya Inn, Lot 5200 Jalan Lubok Jong, 17070 Pasir Mas, Kelantan. Pada 19 Julai 2018 jam lebih kurang 2.00 petang telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, No.Notis : ZKB/069/2017 ,bertarikh 24 Disember 2017 dalam tempoh seperti ditetapkan dalam notis tersebut. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, A kta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

## **PERTUDUHAN:**

### **(LAMPIRAN D)**

#### **Pertuduhan Pertama**

Bahawa kamu, Zulkefli bin Ismail Pengurus Hotel Surayya Inn, Lot 5200 Jalan Lubok Jong, 17070 Pasir Mas, Kelantan. Pada 19 Julai 2018 jam lebih kurang 2.00 petang telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, No.Notis : ZKB/070/2017 ,bertarikh 24 Disember 2017 dalam tempoh seperti ditetapkan dalam notis tersebut. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **Pertuduhan Kedua**

Bahawa kamu, Zulkefli bin Ismail Pengurus Hotel Surayya Inn, Lot 5200 Jalan Lubok Jong, 17070 Pasir Mas, Kelantan. Pada 19 Julai 2018 jam lebih kurang 2.00 petang telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, No.Notis : ZKB/071/2017 ,bertarikh 24 Disember 2017 dalam tempoh seperti ditetapkan dalam notis tersebut. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

#### **Pertuduhan Ketiga**

Bahawa kamu, Zulkefli bin Ismail Pengurus Hotel Surayya Inn, Lot 5200 Jalan Lubok Jong, 17070 Pasir Mas, Kelantan. Pada 19 Julai 2018 jam lebih kurang 2.00 petang telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, No.Notis : ZKB/072/2017 ,bertarikh 24 Disember 2017 dalam tempoh seperti ditetapkan dalam notis tersebut. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan



bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

**DIPUTUSKAN:**

Pada 24 Disember 2018 OKS telah diwakili Encik Zulkefli bin Ismail telah mengaku salah di atas pertuduhan tersebut. Majistret Tuan Muhammad Yusoff bin Abdullah telah menjatuhkan hukuman denda bagi: Sebutan pertama: RM1,500.00, Sebutan kedua: RM1,800.00, Sebutan ketiga: RM2,400.00, Sebutan keempat: RM3,000.00, Jumlah keseluruhan **RM8,700.00**.

**KES-KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Zuzuki bin Safei bagi Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Hotel Surayya Inn mewakili diri sendiri.

## KES 136

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
LAWAN  
HOTEL NAWAR, PT 9644, WISMA NAWAR, LUBOK JONG, 17070 PASIR MAS,  
KELANTAN**

**MAHKAMAH MAJISTRET PASIR MAS, KELANTAN  
NOMBOR KES: DJ-87-122-11/2018, DJ-87-123-11/2018,  
DJ-87-124-11/2018 DAN DJ-87-125-11/2018  
MAJISTRET TUAN MUHAMMAD YUSOFF BIN ABDULLAH  
24 DISEMBER 2018**

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 10 - Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A).

### **FAKTA KES**

Pada 21 November 2017 jam lebih kurang 12.00 tengahari, Penolong Kanan Penguasa Bomba (PKPgB) Mohd Anuar bin Yacob bermasa Pegawai Bomba Kanan (PBK) II Azmi bin Ibrahim telah membuat pemeriksaan Penghapusan Bahaya Kebakaran (MBK1A) di premis Hotel Nawar beralamat PT 9644, Wisma Nawar, Lubok Jong, 17070 Pasir Mas, Kelantan dan didapati terdapat tiga belas (13) bahaya kebakaran yang wujud dalam premis tersebut:

- 1.1. ZKB/047/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong satu (201).
- 1.2. ZKB/048/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong dua (202).
- 1.3. ZKB/049/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong tiga (203).
- 1.4. ZKB/050/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong empat (204).
- 1.5. ZKB/051/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong lima (205).
- 1.6. ZKB/052/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong enam (206).
- 1.7. ZKB/053/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong tujuh (207).
- 1.8. ZKB/054/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong lapan (208).
- 1.9. ZKB/055/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong sembilan (209).
- 1.10. ZKB/056/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua satu kosong (210).
- 1.11. ZKB/057/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua satu satu (211).
- 1.12. ZKB/058/2017 - Lampu tanda keluar dibahagian hadapan tingkat bawah tidak berfungsi.
- 1.13. ZKB/059/2017 - Lampu tanda keluar dibahagian hadapan tingkat satu tidak berfungsi.

Pada 21 Disember 2017, tiga belas (13) Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran dikeluarkan (Borang A) telah dikeluarkan oleh Ketua Zon 1 Penguasa Kanan Bomba II Syobirin bin Abd Kadir dan telah disampaikan dengan tangan kepada Encik Ariffin bin Abdullah iaitu pengurus hotel Nawar di hotel tersebut dengan diberikan tempoh **90 hari** bagi tujuan menghapuskan bahaya kebakaran tersebut dipatuhi.

Pada 22 Februari 2018, pengurus premis Hotel Nawar telah membuat permohonan perlanjutan tempoh dari JBPM dan pada 26 April 2018 JBPM bersetuju memberi tempoh selama **90 hari** dari tarikh akhir notis iaitu berakhir pada 21 Mac 2018.

Pada 9 Julai 2018 jam lebih kurang 1.30 petang, PgB Abu Hassan bin Mohd Nawi bersama PgB Suhaimi bin Mahmood telah melakukan pemeriksaan semula (MBK1B) terhadap premis tersebut mendapati dua (2) daripada tiga belas (13) notis telah dipatuhi, manakala sebelas (11) notis tidak dipatuhi iaitu No. Notis:

- 1.1. ZKB/047/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong satu (201).
- 1.2. ZKB/048/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong dua (202).
- 1.3. ZKB/049/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong tiga (203).
- 1.4. ZKB/050/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong empat (204).
- 1.5. ZKB/051/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong lima (205).
- 1.6. ZKB/052/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong enam (206).
- 1.7. ZKB/053/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong tujuh (207).
- 1.8. ZKB/054/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong lapan (208).
- 1.9. ZKB/055/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong sembilan (209).
- 1.10. ZKB/056/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua satu kosong (210).
- 1.11. ZKB/057/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua satu satu (211).

Oleh yang demikian, OKS telah melanggar Seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh didakwa di Mahkamah serta boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama.

Maka OKS boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan denda tambahan sebanyak satu ratus ringgit setiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

## **PERTUDUHAN:**

### **(LAMPIRAN A)**

#### **Pertuduhan Pertama**

“Bahawasa kamu, **Ariffin bin Abdullah PENGURUS HOTEL NAWAR** beralamat di atas, pada 09 Julai 2018 jam lebih kurang **1.30 petang** telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, **ZKB/047/2017 - Tidak memasang pintu api pada bilik nombor dua kosong satu (201)**, yang bertarikh **21 Disember 2017** dalam tempoh seperti ditetapkan dalam Notis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama”.

#### **Pertuduhan Kedua**

“Bahawasa kamu, **Ariffin bin Abdullah PENGURUS HOTEL NAWAR** beralamat di atas, pada 09 Julai 2018 jam lebih kurang **1.30 petang** telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, **ZKB/048/2017 - Tidak memasang pintu api di bilik nombor dua kosong dua (202)**, yang bertarikh **21 Disember 2017** dalam tempoh seperti ditetapkan dalam Notis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama”.

### **Pertuduhan Ketiga**

“Bahawasa kamu, **Ariffin bin Abdullah PENGURUS HOTEL NAWAR** beralamat di atas, pada 09 Julai 2018 jam lebih kurang **1.30 petang** telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, **ZKB/049/2017 - Tidak memasang pintu api di bilik nombor dua kosong tiga (203)**, yang bertarikh **21 Disember 2017** dalam tempoh seperti ditetapkan dalam Notis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama”.

### **PERTUDUHAN:**

#### **(LAMPIRAN B)**

### **Pertuduhan Pertama**

“Bahawasa kamu, **Ariffin bin Abdullah PENGURUS HOTEL NAWAR** beralamat di atas, pada 09 Julai 2018 jam lebih kurang **1.30 petang** telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, **ZKB/050/2017 - Tidak memasang pintu api di bilik nombor dua kosong empat (204)**, yang bertarikh **21 Disember 2017** dalam tempoh seperti ditetapkan dalam notis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama”.

### **Pertuduhan Kedua**

“Bahawasa kamu, **Ariffin bin Abdullah PENGURUS HOTEL NAWAR** beralamat di atas, pada 09 Julai 2018 jam lebih kurang **1.30 petang** telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, **ZKB/051/2017 - Tidak memasang pintu api di bilik nombor dua kosong lima (205)**, yang bertarikh **21 Disember 2017** dalam tempoh seperti ditetapkan dalam notis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama”.

### **Pertuduhan Ketiga**

“Bahawasa kamu, **Ariffin bin Abdullah PENGURUS HOTEL NAWAR** beralamat di atas, pada 09 Julai 2018 jam lebih kurang **1.30 petang** telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, **ZKB/052/2017 - Tidak memasang pintu api di bilik nombor dua kosong enam (206)**, yang bertarikh **21 Disember 2017** dalam tempoh seperti ditetapkan dalam Notis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama”.

### **PERTUDUHAN:**

#### **(LAMPIRAN C)**

### **Pertuduhan Pertama**

“Bahawasa kamu, **Ariffin bin Abdullah PENGURUS HOTEL NAWAR** beralamat di atas, pada 09 Julai 2018 jam lebih kurang **1.30 petang** telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, **ZKB/053/2017 - Tidak memasang pintu api di bilik nombor dua kosong tujuh (207)**, yang bertarikh **21 Disember 2017** dalam tempoh seperti ditetapkan dalam Notis. Oleh yang demikian,

kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama”.

#### **Pertuduhan Kedua**

“Bahawasa kamu, **Ariffin bin Abdullah PENGURUS HOTEL NAWAR** beralamat di atas, pada 09 Julai 2018 jam lebih kurang **1.30 petang** telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, **ZKB/054/2017 - Tidak memasang pintu api di bilik nombor dua kosong lapan (208)**, yang bertarikh **21 Disember 2017** dalam tempoh seperti ditetapkan dalam Notis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama”.

#### **Pertuduhan Ketiga**

“Bahawasa kamu, **Ariffin bin Abdullah PENGURUS HOTEL NAWAR** beralamat di atas, pada 09 Julai 2018 jam lebih kurang **1.30 petang** telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, **ZKB/055/2017 - Tidak memasang pintu api di bilik nombor dua kosong Sembilan (209)**, yang bertarikh **21 Disember 2017** dalam tempoh seperti ditetapkan dalam Notis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama”.

#### **PERTUDUHAN:**

#### **(LAMPIRAN D)**

#### **Pertuduhan Pertama**

“Bahawasa kamu, **Ariffin bin Abdullah PENGURUS HOTEL NAWAR** beralamat di atas, pada 09 Julai 2018 jam lebih kurang **1.30 petang** telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, **ZKB/056/2017 - Tidak memasang pintu api di bilik nombor dua satu kosong (210)**, yang bertarikh **21 Disember 2017** dalam tempoh seperti ditetapkan dalam Notis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama”.

#### **Pertuduhan Kedua**

“Bahawasa kamu, **Ariffin bin Abdullah PENGURUS HOTEL NAWAR** beralamat di atas, pada 09 Julai 2018 jam lebih kurang **1.30 petang** telah tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran, **ZKB/057/2017 - Tidak memasang pintu api di bilik nombor dua satu satu (211)**, yang bertarikh **21 Disember 2017** dalam tempoh seperti ditetapkan dalam Notis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dijatuhkan hukuman bawah seksyen dan akta yang sama”.

**DIPUTUSKAN:**

Pada 24 Disember 2018 OKS telah diwakili Encik Ariffin bin Abdullah telah mengaku salah atas pertuduhan tersebut. Majistret Tuan Muhammad Yusoff bin Abdullah telah menjatuhkan hukuman denda keseluruhan RM5,700.00 seperti berikut:

- i. Sebutan pertama: RM1,500.00,
- ii. Sebutan kedua: RM1,800.00,
- iii. Sebutan ketiga: RM1,300.00,
- iv. Sebutan keempat: RM1,100.00

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penolong Kanan Penguasa Bomba Zuzuki bin Safei bagi Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus Hotel Nawar mewakili diri sendiri.

## KES 137

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN CAN PAC SDN. BHD.

MAHKAMAH MAJISTRET JOHOR BAHRU, JOHOR  
NOMBOR SAMAN: JA-87-3657-12/2018  
MAJISTRET PUAN SURLEHAN BINTI ABD RAHMAN  
30 DISEMBER 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### FAKTA KES

Pada 29 Mei 2017, lebih kurang jam 12:00 tengahari pagi satu pemeriksaan permohonan Pembaharuan Perakuan Bomba telah dilakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba (PKPgB) Norazizan bin Haji Awang bersama Penolong Penguasa Bomba (PPgB) Norliana binti Yusof di Premis *Can Pac Sdn. Bhd.*, PLO 139, Jalan Angkasa Mas Utama, Kawasan Perindustrian Tebrau 2 81100 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim.

Satu notis memberitahu tentang keperluan-keperluan yang perlu di patuhi (Borang FC6) bertarikh 22 Jun 2017 telah di keluarkan kepada *Can Pac Sdn. Bhd.*, dan diberi tempoh selama tigs puluh (30) hari untuk disempurnakan.

Pada 10 Ogos 2017 lebih kurang jam 9.00 pagi pemeriksaan semula untuk memastikan notis memberitahu tentang keperluan-keperluan yang perlu di patuhi (Borang FC6) telah di lakukan oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba (PKPgB) Hasiah binti Haji Amin dan Penolong Penguasa Bomba (PPgB) Saifaniza binti Parathen.

Hasil pemeriksaan tersebut di dapati ada lima (5) keperluan sepertimana dalam Notis FC6 yang masih lagi tidak dipatuhi iaitu: -

- a. Gagal mengadakan Sistem Pengawasan Kebakaran Automatik (SPKA) dan ia hendaklah di sambungkan terus ke Pusat Gerakan Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor.
- b. Gagal membaiki *Standby Pump* yang rosak di Pump House.
- c. Gagal membaiki *Emergency Light* di Pump House.
- d. Gagal membaiki *Hose Reel* yang bocor di kawasan pejabat.
- e. Gagal mengadakan mimic diagram dan labeling di *Main Fire Alarm Panel*.

Oleh yang demikian, *Can Pac Sdn.Bhd.*, telah melakukan kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh dihukum bawah seksyen 58 dan akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

”BAHAWASANYA kamu Pengurus *Can Pac Sdn. Bhd.*, PLO 139, Jalan Angkasa Mas Utama, Kawasan Perindustrian Tebrau 2 81100 Johor Bahru, Johor Darul Ta’zim, yang merupakan sebuah premis ditetapkan mengikut Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1998, telah pada 10 Ogos 2017 lebih kurang jam 9.00 pagi telah tiada Perakuan Bomba. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 58, akta yang sama”.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Puan Surlehan binti Abd Rahman telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000.00 atas pertuduhan.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**KES-KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Mohd Hanif bin Che Hasim bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus *Can Pac Sdn. Bhd.* mewakili diri sendiri.



## KES 138

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LAWAN HOTEL AROMAS SDN. BHD.

MAHKAMAH MAJISTRET JOHOR BAHRU, JOHOR  
NOMBOR SAMAN: JA-87-3656-12/2018  
MAJISTRET PUAN SURLEHAN BINTI ABD RAHMAN  
30 DISEMBER 2018

Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 33 – Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa.

#### FAKTA KES ●

Pada 13 November 2014, lebih kurang jam 9:30 pagi, suatu pemeriksaan permohonan Pembaharuan Perakuan Bomba telah dilakukan oleh Penolong Penguasa Bomba (PPgB) Azrai bin Yahaya, bersama Pegawai Bomba (PB) Mohd Syukri bin Mohd Yusof di Premis Hotel Aromas Sdn Bhd, No.33 dan 35, Jalan Bayu Puteri 1/3, Taman Bayu Puteri, 81750 Johor Bahru, Johor Darul Takzim.

Suatu Notis Memberitahu Tentang Keperluan-keperluan Yang Perlu Dipatuhi (Borang FC6) bertarikh 16 Disember 2014 telah di keluarkan kepada Hotel Aromas Sdn Bhd, No.33 dan 35, Jalan Bayu Puteri 1/3, Taman Bayu Puteri, 81750 Johor Bahru, Johor Darul Takzim, dan diberi tempoh selama Sembilan puluh (90) hari untuk di sempurnakan.

Pada 03 Ogos 2016 lebih kurang jam 2:00 petang, pemeriksaan semula untuk memastikan Notis Memberitahu Tentang Keperluan-keperluan Yang Perlu Dipatuhi (Borang FC6) telah dilakukan oleh Penolong Penguasa Bomba (PPgB) Norliana binti Mohd Yusof dan Penolong Penguasa Bomba (PPgB) Mohd Mazrul bin Abd.Mutalib.

Hasil pemeriksaan tersebut didapati ada empat (4) keperluan sepertimana dalam Notis FC6 yang masih lagi tidak di patuhi iaitu: -

- a. Sila kemukakan Pelan Arkitek dan Pelan Mekanikal yang telah disahkan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- b. Sila pastikan Alat Pemadam Api diselenggara, berfungsi dan berada dalam keadaan baik pada bila-bila masa.
- c. Sila pastikan Pintu Api berada di kedudukan yang sama dengan pelan yang telah disahkan oleh pihak Jabatan Bomba dan pastikan ia berada dalam keadaan baik pada bila-bila masa.
- d. Sila pastikan lampu tanda keluar dan lampu kecemasan adalah sebagaimana yang terdapat dalam pelan dan pastikan ia berfungsi dan berada dalam keadaan baik pada bila-bila masa

Oleh yang demikian, Premis Aromas Hotel Sdn.Bhd, telah melakukan kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan boleh di hukum bawah seksyen 58 dan akta yang sama.

**PERTUDUHAN:**

”BAHAWASANYA kamu Pengurus premis Hotel Aromas Sdn Bhd, No.33 dan 35, Jalan Bayu Puteri 1/3, Taman Bayu Puteri, 81750 Johor Bahru, Johor Darul Takzim, yang merupakan sebuah premis ditetapkan mengikut Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1998, telah pada 03 Ogos 2016 lebih kurang jam 2.00 petang telah tiada Perakuan Bomba. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan bawah seksyen 33, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan boleh dihukum bawah seksyen 58, akta yang sama”.

**DIPUTUSKAN:**

Majistret Puan Surlehan binti Abd Rahman telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000.00 atas pertuduhan.

**KES YANG DIRUJUK:**

Kes Jurnal Pendakwaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

**UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK:**

- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- iii. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- iv. Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

**PEGAWAI PENDAKWA:**

Penguasa Bomba Mohd Hanif bin Che Hasim bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**ORANG KENA SAMAN (OKS):**

Pengurus premis Hotel Aromas Sdn. Bhd. mewakili diri sendiri.

ULASAN

**Ayat Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran**

1. Merangka ayat perihal kebakaran hendaklah menepati butiran seksyen 2 tafsiran bahaya kebakaran (a) hingga (f) dengan menyebut istilah-istilah utama yang ditetapkan.

peruntukan	tafsiran bahaya kebakaran	butiran utama
Seksyen 2	(a)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• pengubahsuaian menyalahi undang-undang;</li> <li>• mana-mana struktur bangunan;</li> <li>• menjadikan pelepasan diri lebih sukar;</li> <li>• sekiranya berlaku kebakaran.</li> </ul>
	(b)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• kesesakan (melebihi had ditetapkan);</li> <li>• tempat hiburan atau perhimpunan;</li> <li>• menjadikan pelepasan diri sukar;</li> <li>• sekiranya berlaku kebakaran.</li> </ul>
	(c)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• pengalihan atau tidak terdapat;</li> <li>• kelengkapan menentang kebakaran, atau pemasangan keselamatan kebakaran;</li> <li>• kehendak undang-undang bertulis.</li> </ul>
	(d)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• kelengkapan menentang kebakaran, atau pemasangan keselamatan kebakaran, atau kemudahan;</li> <li>• kehendak undang-undang bertulis, atau JBPM;</li> <li>• Tidak berada dalam keadaan baik.</li> </ul>
	(e)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• jalan keluar tidak mencukupi;</li> <li>• ke mana-mana bahagian;</li> <li>• dalam atau luar bangunan;</li> <li>• memberi perlindungan;</li> <li>• sekiranya berlaku kebakaran.</li> </ul>
	(f)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• perkara atau hal keadaan;</li> <li>• meningkatkan berlaku kebakaran, atau bahaya kepada nyawa atau harta, atau mengganggu JBPM dalam tugas sekiranya berlaku kebakaran.</li> </ul>

**Ayat Kerja Yang Hendak Dilaksanakan**

2. Ayat mengenai kerja-kerja yang hendak dilaksanakan hendaklah kata kerja yang menepati kehendak menghapuskan perihal bahaya kebakaran yang wujud dan sah mengikut kehendak undang-undang yang dirujuk. Penggunaan istilah kelengkapan menentang, pemasangan keselamatan kebakaran atau kemudahan hendaklah bertepatan dengan peruntukan undang-undang atau sesuatu kehendak yang telah ditetapkan. Antara contoh perkataan yang biasa digunakan ialah:

tafsiran bahaya kebakaran	butiran utama	butiran utama
(a)	<ul style="list-style-type: none"> <li>pengubahsuaian menyalahi undang-undang.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>mengadakan atau memasang semula ..... mengikut kehendak UBBL .....</li> <li>memastikan tiada pengubahsuaian di .... dan berada dalam keadaan baik.</li> </ul>
(b)	<ul style="list-style-type: none"> <li>kesesakan (melebihi had ditetapkan);</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>menghadkan, menentukan, menyediakan mengalihkan, atau mengawal – kehadiran atau jumlah kerusi ....., sebagaimana kehendak UBBL .....</li> <li>memastikan pematuhan/ tidak berlaku kesesakan/ jumlah kehadiran/ muatan dan pelepasan diri menjadi mudah.</li> <li>Perlu semakan lanjut.</li> </ul>
(c)	<ul style="list-style-type: none"> <li>pengalihan atau tidak terdapat;</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>mengadakan, memasang, meletakkan .... mengikut kehendak undang-undang .... atau sebagaimana kehendak JBPM bawah .....</li> <li>memastikan sentiasa terdapat ....., yang mencukupi, dan berada dalam keadaan baik.</li> </ul>
(d)	<ul style="list-style-type: none"> <li>kelengkapan menentang kebakaran, atau pemasangan keselamatan kebakaran, atau kemudahan;</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>menyelenggara, membaiki, mengganti, mengadakan ..... mengikut kehendak undang-undang .....</li> <li>memastikan sentiasa berada dalam keadaan baik.</li> </ul>
(e)	<ul style="list-style-type: none"> <li>jalan keluar tidak mencukupi;</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>mengalihkan, merobohkan, mengalihkan, mengadakan ..... mengikut kehendak undang-undang ... yang memberi perlindungan kepada orang sekiranya berlaku kebakaran.</li> <li>memastikan sentiasa terdapat jalan keluar yang mencukupi.</li> </ul>

(f)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• perkara atau hal keadaan;</li> <li>• meningkatkan berlaku kebakaran, atau bahaya kepada nyawa atau harta, atau mengganggu JBPM dalam tugasannya sekiranya berlaku kebakaran.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mengalihkan, menyelenggara, ..... sepertimana kehendak undang-undang, atau supaya tidak ..... sekiranya berlaku kebakaran.</li> <li>• memastikan .....sentiasa berada dalam keadaan selamat.</li> </ul>
-----	--	--

3. Penggunaan istilah dan penentuan kehendak mengikut undang-undang hendaklah merujuk panduan MBK 1C, UBBL atau arahan yang telah dikeluarkan oleh JBPM yang secara jelas menerangkan maksud pemakaiannya. Contoh istilah dan kehendak undang-undang adalah seperti berikut.

tafsiran bahaya kebakaran	istilah	mengikut kehendak undang-undang
(a)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pintu Api</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mengikut Tempoh Ketahanan (TKA) yang ditetapkan oleh JBPM seperti mana UBBL 1984 para 162, 163 dan 164.</li> </ul>
(b)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempat duduk</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mematuhi kehendak undang-undang seperti mana UBBL 1984 para 184.</li> <li>• perlu semakan lanjut.</li> </ul>
(c)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hos Gelong (Hos Reel);</li> <li>• Pemadam Api Mudahalih.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mengikut kehendak UBBL 1984 para 244 dan Jadual ke-10, atau Piawai PB 5306 Bahagian 1:1976.</li> <li>• sebagaimana kehendak UBBL 1984 para 244 dan 227, atau Piawai TAPB 402 Bahagian 3:1964.</li> </ul>
(d)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem Pili Bomba</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mengikut kehendak UBBL 1984 para 225 dan Jadual ke-10, atau Piawai PB 750:1977 dan TABP 402.101:1052.</li> </ul>
(e)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pintu Keluar tingkat;</li> <li>• Tangga terlindung.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mengikut kehendak UBBL 1984 para 174, 175 dan 176.</li> <li>• Mengikut kehendak UBBL 1084 para 168, 177 dan 180.</li> </ul>

(f)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyimpanan bahan merbahaya;</li> <li>• Keadaan struktur bangunan;</li> <li>• Keadaan pendawaian elektrik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• meningkatkan berlaku kebakaran;</li> <li>• meningkatkan bahaya kepada nyawa dan harta akibat kebakaran;</li> <li>• mengganggu tugas JBPM semasa kebakaran.</li> </ul>
-----	---	--

### Pertuduhan

4. Untuk merangka pertuduhan, hendaklah mematuhi seksyen 152, 153 dan lain-lain Kanun Prosedur Jenayah. Setiap pertuduhan harus mengandungi butiran berikut:
  - (i) pelaku yang melakukan kesalahan;
  - (ii) masa dan tempat kesalahan itu berlaku;
  - (iii) menerangkan kesalahan yang telah dilakukan,
  - (iii) penggunaan bahasa undang-undang dan rujukan seksyen undang-undang yang tepat; dan
  - (iv) seksyen yang menyatakan hukuman berkenaan kesalahan itu.
  
5. Terdapat perbezaan dalam membuat pertuduhan dalam beberapa kes yang harus diselaraskan seperti berikut:
  - i. Ayat pertuduhan hanya merujuk kepada ayat perihal bahaya kebakaran;
  - ii. Ayat pertuduhan terdiri daripada gabungan ayat perihal kebakaran dan ayat kerja-kerja yang hendak dilaksanakan;
  - iii. Ayat pertuduhan tidak menyatakan rujukan undang-undang secara tepat;
  - iv. Ayat seksyen berkaitan hukuman Tidak mematuhi Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran dan Tiada Perakuan Bomba berkuatkuasa tidak merujuk kepada seksyen yang sama.
  
6. Pertuduhan boleh dibuat secara umum iaitu tidak mematuhi kehendak-kehendak Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran dan menyatakan ayat kerja yang hendak dilaksanakan mengikut kehendak undang-undang. Namun begitu ia hendaklah telah jelas, sah dan memenuhi butiran seksyen penyediaan pertuduhan KPJ, menerusi penyediaan fakta kes berkaitan dengan Notis Menghapuskan Kebakaran dan ketidakpatuhan.



